

**KAJIAN PERSEPSI KE ATAS KEMUDAHAN AMENITI DI KAWASAN
PERUMAHAN KOS RENDAH : KAJIAN KES DI NEGERI PULAU PINANG**

BEH SANG HOW

**SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN**

OKTOBER 2014

**KAJIAN PERSEPSI KE ATAS KEMUDAHAN AMENITI DI KAWASAN
PERUMAHAN KOS RENDAH : KAJIAN KES DI NEGERI PULAU PINANG**

BEH SANG HOW

Tesis ini dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Utara Malaysia
(UUM) bagi memenuhi syarat memperolehi Sarjana Sastera
(Sosiologi)

KEBENARAN MERUJUK TESIS

Kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Sastera (Sosiologi), Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju memberi kebenaran kepada pihak perpustakaan universiti ini untuk mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kajian ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS). Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk dibuat ke atas kajian ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kajian ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN

ABSTRAK

Kemudahan ameniti adalah satu elemen penting di kawasan perumahan bagi memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Penyediaan kemudahan ameniti di kawasan perumahan kos rendah sering diabaikan oleh sesetengah pemaju di Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan mendapat persepsi mengenai penghuni-penghuni tentang kemudahan ameniti di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah, Pulau Pinang. Sejumlah 720 responden telah dipilih secara rawak. Maklumat primer telah diperolehi melalui borang soal selidik, manakalamaklumat sekunder diperolehi melalui buku, tesis, artikel dan laporan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar responden berpuashati dengan kemudahan ameniti yang disediakan dan mereka sering menggunakan kemudahan tersebut. Kajian juga mendapati bahawa kemudahan seperti dewan komuniti, kemudahan tempat ibadat, tadika, sekolah dan taman permainan kanak-kanak telah beroperasi dan diselenggara dengan baik di kedua-dua kawasan kajian. Majoriti penghuni di kawasan kajian iaitu di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah bersetuju bahawa kemudahan-kemudahan yang disediakan telah mempengaruhi interaksi sosial dan membolehkan mereka berinteraksi dan berkomunikasi di kalangan ahli-ahli komuniti di samping membentuk semangat patriotisme di kalangan penghuni yang aktif bergiat di dalam program-program yang diadakan. Sebagai kesimpulan, kajian mencadangkan satu bentuk garis panduan yang bersesuaian perlu disediakan supaya penyediaan kemudahan ameniti dapat disediakan dengan lebih efisien.

Kata Kunci : Interaksi sosial, kemudahan ameniti, perumahan kos rendah, persepsi

ABSTRACT

Community amenities are the important element in a residential area which provides an opportunity for local residents to interact and communicate. Provision of community amenities in low cost housing areas often overlooked by some developers in Malaysia. This study was conducted to get an overview of the perceptions of residents on community amenities in Pangsapuri Pelangi and Flat Teluk Indah, Pulau Pinang. A total of 720 respondents were randomly selected. Primary information was obtained through questionnaires, while secondary information through books, thesis, articles and research reports. The results showed that most of the respondents were satisfied with the community amenities provided and they frequently use the facilities. Study also found that the facilities such as community hall, religion facilities, kindergarten, school and children playground have been operated and maintained in both study areas. Significantly, majority of the residents in both study areas Pangsapuri Pelangi and Flat Teluk Indah agreed that the facilities has influenced social interaction and enable them to interact and communicate among the community members besides creating patriotism among the residents who were active in the programme. As conclusion, the study proposed an appropriate facilities design guideline has to be properly outlined so that the provision of community amenities can be provided efficiently.

Keywords : Community amenities, low cost housing, perception, social interaction

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Dani Salleh sebagai Penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat, tunjuk ajar dan dorongan kepada saya untuk terus bekerja keras semasa dalam proses penyediaan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Zainal Kling, Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Ibrahim Wahab dan Yang Berbahagia Dr. Faizal Md Hanafiah kerana membantukan memberi nasihat yang berguna sehingga siapnya kajian ini. Dengan adanya kerjasama dan maklumbalas yang positif daripada semua, kualiti kajian ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

Istimewa buat seluruh ahli keluarga terutamanya isteri saya, terima kasih di atas segala pengorbanan dan dorongan yang diberikan. Buat teman-teman seperjuangan, terima kasih di atas segalanya.

Sekian, terima kasih

**BEH SANG HOW
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN
ANTARABANGSA,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN**

JADUAL KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	KEBENARAN MERUJUK TESIS	ii
	ABSTRAK.....	iii
	ABSTRACT	iv
	PENGHARGAAN	v
	JADUAL KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI AKRONIM	xix
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Kepentingan Kajian	7
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	10
	1.6 Skop Kajian	10
	1.7 Batasan Kajian	11
BAB 2	LATAR BELAKANG TEORITIKAL : PERUMAHAN KOS RENDAH DAN ASPEK PENYEDIAAN KEMUDAHAN AMENITI	
	2.1 Pengenalan	13
	2.2 Definisi Persepsi	14
	2.3 Definisi Perumahan	14
	2.4 Definisi Perumahan Kos Rendah	16
	2.5 Definisi Kemudahan Ameniti	17
	2.6 Objektif Perumahan Kos Rendah	18
	2.7 Keperluan Perumahan	19
	2.8 Status Perumahan	23
	2.9 Teori Persepsi	24
	2.10 Kepentingan Kemudahan Ameniti	26
	2.11 Konsep Kejiranan	27
	2.12 Konsep Bandar Kejiranan	33
	2.13 Teori Interaksi Sosial.....	34
	2.14 Rumusan Bab	36

BAB 3 SENARIO PERUMAHAN KOS RENDAH DI MALAYSIA

3.1	Pengenalan	38
3.2	Garis Panduan Perancangan Perumahan (2013)	41
3.2.1	Piawaian Perancangan dan Bangunan Perumahan Berbilang Tingkat	43
3.2.1.1	Saiz Tanah dan Ruang Lantai	44
3.2.1.2	Piawaian Kepadatan Perumahan Berbilang Tingkat	44
3.2.1.3	Saiz Jalan	45
3.2.1.4	Piawaian Kawasan Liputan Bangunan	45
3.2.1.5	Anjakan Plot Bangunan	46
3.2.1.6	Ketinggian Bangunan	47
3.2.1.7	Keperluan Unit Kediaman OKU	47
3.2.1.8	Keperluan-keperluan Tambahan	48
3.3	Garis Panduan Pelaksanaan Harga Baru Rumah Kos Rendah (Pindaan 2002)	48
3.4	Garis Panduan Perancangan dan Rekabentuk Perumahan Kos Rendah (Bagi Semua Jenis Rumah Kecuali Rumah Pangsa) (1998)	50
3.5	Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (2013)	51
3.6	Pencapaian Perumahan Kos Rendah	60
3.6.1	Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kedua – Keenam	60
3.6.2	Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)	61
3.6.3	Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	63
3.6.4	Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	65
3.6.5	Perumahan Kos Rendah Negeri Pulau Pinang	65
3.7	Rumusan Bab	67

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.1	Pengenalan	69
4.2	Kerangka Teoritikal Kajian	70
4.3	Rekabentuk Kajian	71
4.4	Pengumpulan Data Kajian	73
4.4.1	Peringkat Pengumpulan Data	73
4.4.2	Kaedah Pengumpulan Data Primer ..	74
4.4.3	Kaedah Pengumpulan Data Sekunder	74
4.5	Instrumen Kajian	75
4.6	Persampelan Kajian	76
4.7	Penganalisan Kajian	77
4.8	Rumusan Bab.....	78

BAB 5

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	79
5.2	Latar Belakang Perumahan Pangsapuri Pelangi	80
5.3	Latar Belakang Perumahan Flat Teluk Indah	86
5.4	Penemuan Analisis Data Kajian	90
5.4.1	Profil Responden	91
5.4.2	Jenis Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Perumahan	101
5.4.2.1	Kemudahan Kesihatan	105
5.4.2.2	Kemudahan Pendidikan	106
5.4.2.3	Kemudahan Keselamatan (Polis)	108
5.4.2.4	Kemudahan Bomba	109
5.4.2.5	Kemudahan Pusat Komuniti	109
5.4.2.6	Kemudahan Perpustakaan Awam	110
5.4.2.7	Kemudahan Kebajikan	112
5.4.3	Kualiti Kemudahan Ameniti.....	114
5.4.3.1	Perbandingan Di Antara Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Perumahan Dengan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan	117
5.4.4	Tahap Kekerapan Penggunaan Kemudahan Ameniti.....	119

5.4.4.1	Perbandingan Umur Dengan Tahap Kekekapan Mendapat Rawatan Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan Di Kawasan Perumahan	124
5.4.4.2	Perbandingan Bangsa Dengan Tahap Kekekapan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan Di Kawasan Perumahan	125
5.4.4.3	Perbandingan Bangsa Dengan Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan Di Kawasan Perumahan	127
5.4.4.4	Perbandingan Saiz Isi Rumah Dengan Tahap Kekekapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan Di Kawasan Perumahan	129
5.4.4.5	Perbandingan Umur Dengan Tahap Kekekapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti Di Kawasan Perumahan	131
5.4.5	Pengendalian / Pengoperasian Kemudahan Ameniti.....	132
5.4.6	Persepsi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan	137
5.4.6.1	Perbandingan Bangsa Dengan Persepi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	143
5.4.6.2	Perbandingan Bangsa Dengan Persepi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	151

5.5	Analisis Keseluruhan	159
5.5.1	Perbandingan Umur Dengan Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan	160
5.5.2	Perbandingan Bangsa Dengan Tahap Kepuasan Terhadap KemudahanAmeniti Yang Disediakan	162
5.5.3	Perbandingan Kategori Penghuni Dengan Tahap Kepuasan Terhadap KemudahanAmeniti Yang Disediakan	163
5.5.4	Perbandingan Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Dengan Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan	165
5.5.5	Cadangan Penambahbaikan Daripada Responden	166
5.5.5.1	Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ..	167
5.5.5.2	Tanggungjawab Persatuan Penduduk	168
5.5.5.3	Tanggungjawab Rukun Tetangga (RT)	169
5.5.5.4	Tanggungjawab Lain-Lain Pihak	170
5.6	Rumusan Bab	171
 BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN		
6.1	Pengenalan	174
6.2	Implikasi dan Cadangan Penambahbaikan	179
6.3	Kesimpulan.....	183
 RUJUKAN		
		184
 LAMPIRAN 1		
		192
 LAMPIRAN 2		
		194
 LAMPIRAN 3		
		207

SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
Jadual 2.1	: Kategori Kemudahan Ameniti	18
Jadual 3.1	: Piawaian Penyediaan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Perumahan Bertanah	59
Jadual 3.2	: Piawaian Penyediaan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Perumahan Berbilang Tingkat	60
Jadual 3.3	: Pencapaian Perumahan Kos Rendah Oleh Sektor Swasta Dan Awam	61
Jadual 3.4	: Bilangan Perumahan Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah (RMKe-7)	62
Jadual 3.5	: Rumah Kos Rendah Dibina Di Pulau Pinang.....	66
Jadual 5.1	: Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	96
Jadual 5.2	: Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	115
Jadual 5.3	: Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah ..	117
Jadual 5.4	: Tempoh Masa Menetap Dengan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	118
Jadual 5.5	: Tempoh Masa Menetap Dengan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah ..	119

Jadual 5.6	:	Tahap Kekerapan Penggunaan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	122
Jadual 5.7	:	Tahap Kekerapan Penggunaan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	123
Jadual 5.8	:	Umur Dengan Tahap Kekerapan Mendapat Rawatan Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	124
Jadual 5.9	:	Umur Dengan Tahap Kekerapan Mendapat Rawatan Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan Di Kawasan Flat Teluk Indah	125
Jadual 5.10	:	Bangsa Dengan Tahap Kekerapan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	126
Jadual 5.11	:	Bangsa Dengan Tahap Kekerapan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan Di Kawasan Flat Teluk Indah	126
Jadual 5.12	:	Bangsa Dengan Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	128
Jadual 5.13	:	Bangsa Dengan Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	128
Jadual 5.14	:	Saiz Isi Rumah Dengan Tahap Kekerapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	130
Jadual 5.15	:	Saiz Isi Rumah Dengan Tahap Kekerapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan Di Kawasan Flat Teluk Indah	130

Jadual 5.16 :	Umur Dengan Tahap Kekerapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	131
Jadual 5.17 :	Umur Dengan Tahap Kekerapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti Di Kawasan Flat Teluk Indah	132
Jadual 5.18 :	Persepsi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Pangsapuri Pelangi	141
Jadual 5.19 :	Persepsi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Flat Teluk Indah	142
Jadual 5.20 :	Bangsa Dengan Kecukupan & Kesesuaian Kemudahan Ameniti Dapat Mengurangkan Berlaku Masalah Sosial (Pangsapuri Pelangi)	144
Jadual 5.21 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Memberi Peluang Kepada Penghuni Berinteraksi & Berkomunikasi (Pangsapuri Pelangi)	145
Jadual 5.22 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Mewujudkan Sifat Tolong- Menolong Antara Jiran Tetangga (Pangsapuri Pelangi)	146
Jadual 5.23 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Sesuai Pelaksanaan Program Kemasyarakatan (Pangsapuri Pelangi)	147
Jadual 5.24 :	Bangsa Dengan Program Kemasyarakatan Yang Diadakan Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Di Kalangan Penghuni (Pangsapuri Pelangi)	148
Jadual 5.25 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Mencukupi Dapat Meningkatkan Kesejahteraan Isi Rumah & Keluarga (Pangsapuri Pelangi)	149

Jadual 5.26 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Memberi Keselesaan & Mengurangkan Tekanan Emosi Penghuni (Pangsapuri Pelangi)	150
Jadual 5.27 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Mewujudkan Semangat Patriotik (Pangsapuri Pelangi) ...	151
Jadual 5.28 :	Bangsa Dengan Kecukupan & Kesesuaian Kemudahan Ameniti Dapat Mengurangkan Berlaku Masalah Sosial (Flat Teluk Indah)	152
Jadual 5.29 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Memberi Peluang Kepada Penghuni Berinteraksi & Berkomunikasi (Flat Teluk Indah)	153
Jadual 5.30 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Mewujudkan Sifat Tolong-Menolong Antara Jiran Tetangga (Flat Teluk Indah) ...	154
Jadual 5.31 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Sesuai Pelaksanaan Program Kemasyarakatan (Flat Teluk Indah)	155
Jadual 5.32 :	Bangsa Dengan Program Kemasyarakatan Yang Diadakan Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Di Kalangan Penghuni (Flat Teluk Indah)	156
Jadual 5.33 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Mencukupi Dapat Meningkatkan Kesejahteraan Isi Rumah & Keluarga (Flat Teluk Indah)	157
Jadual 5.34 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Memberi Keselesaan & Mengurangkan Tekanan Emosi Penghuni (Flat Teluk Indah)	158
Jadual 5.35 :	Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Mewujudkan Semangat Patriotik (Flat Teluk Indah)	159

SENARAI RAJAH

RAJAH		MUKA SURAT
Rajah 2.1	: Hierarki Keperluan oleh Maslow (Maslow,1995-2006).....	21
Rajah 2.2	: Hierarki Kejiranan	29
Rajah 2.3	: Rekabentuk Susun Atur Kelompok Kejiranan Kecil	31
Rajah 2.4	: Contoh Pembentukan Kelompok Kejiranan Besar Bagi Kawasan Perumahan Sesebuah	32
Rajah 3.1	: Piawaian Anjakan Antara Bangunan	46
Rajah 4.1	: Rekabentuk Kajian	72
Rajah 5.1	: Peta Kedudukan Kawasan Perumahan Pangsapuri Pelangi	83
Rajah 5.2	: Papan Tanda Pangsapuri Pelangi	84
Rajah 5.3	: Gambaran Keseluruhan Pangsapuri Pelangi	84
Rajah 5.4	: Blok Bangunan Pangsapuri Pelangi	85
Rajah 5.5	: Rumah Pangsapuri Pelangi	85
Rajah 5.6	: Peta Kedudukan Kawasan Perumahan Flat Teluk Indah	88
Rajah 5.7	: Gambaran Keseluruhan Flat Teluk Indah	89
Rajah 5.8	: Blok Bangunan Flat Teluk Indah	89
Rajah 5.9	: Keadaan Dalam Bangunan Flat Teluk Indah	90
Rajah 5.10	: Bilangan Responden Mengikut Julat Umur	93
Rajah 5.11	: Peratus Responden Mengikut Status Perkahwinan	94

Rajah 5.12	:	Bilangan Responden Mengikut Bangsa Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	95
Rajah 5.13	:	Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	97
Rajah 5.14	:	Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	98
Rajah 5.15	:	Bilangan Responden Mengikut Perbelanjaan Isi Rumah Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	99
Rajah 5.16	:	Perincian Bilangan Responden Mengikut Saiz Isi Rumah Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	100
Rajah 5.17	:	Peta Kedudukan Kemudahan Ameniti Di PangsapuriPelangi	102
Rajah 5.18	:	Peta Kedudukan Kemudahan Ameniti Di Flat Teluk Indah	104
Rajah 5.19	:	Jenis Kemudahan Kesihatan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	105
Rajah 5.20	:	Jenis Kemudahan Kesihatan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	106
Rajah 5.21	:	Jenis Kemudahan Pendidikan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	107
Rajah 5.22	:	Jenis Kemudahan Pendidikan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	107
Rajah 5.23	:	Jenis Kemudahan Keselamatan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	108
Rajah 5.24	:	Jenis Kemudahan Keselamatan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	109

Rajah 5.25	:	Jenis Kemudahan Pusat Komuniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah.....	110
Rajah 5.26	:	Jenis Kemudahan Perpustakaan Awam Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	111
Rajah 5.27	:	Jenis Kemudahan Perpustakaan Awam Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	112
Rajah 5.28	:	Jenis Kemudahan Kebajikan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	113
Rajah 5.29	:	Jenis Kemudahan Kebajikan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah	113
Rajah 5.30	:	Pengendalian Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	133
Rajah 5.31	:	Penyelenggaraan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	133
Rajah 5.32	:	Pengendalian Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	134
Rajah 5.33	:	Penyelenggaraan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	135
Rajah 5.34	:	Pengendalian Kemudahan Ameniti Di Kawasan Flat Teluk Indah	136
Rajah 5.35	:	Penyelenggaraan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Flat Teluk Indah	136
Rajah 5.36	:	Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah	160
Rajah 5.37	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Mengikut Kategori Umur	161

Rajah 5.38	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah Mengikut Kategori Umur	161
Rajah 5.39	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Mengikut Bangsa.....	162
Rajah 5.40	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah Mengikut Bangsa	163
Rajah 5.41	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Mengikut Kategori Penghuni	164
Rajah 5.42	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah Mengikut Kategori Penghuni	164
Rajah 5.43	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Mengikut Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Pangsapuri Pelangi	165
Rajah 5.44	:	Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Mengikut Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Flat Teluk Indah	166

SENARAI AKRONIM

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
CBD	<i>Central Business District</i>
CCTV	<i>Closed Circuit Television</i>
CPTED	<i>Crime Prevention Through Environmental Design</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DPN	Dasar Perbandaran Negara
DRN	Dasar Perumahan Negara
HNA	<i>Housing Needs Assessment</i>
HBD	<i>Housing Development Corporation</i>
IPD	Ibu Pejabat Daerah
IPK	Ibu Pejabat Kontinjen
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JMB	<i>Joint Management Body</i> (Badan Pengurusan Bersama)
JPN	Jabatan Perumahan Negara
JPBD SM	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KITA	Institut Kajian Etnik
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MPPP	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
NKEA	Aktiviti Ekonomi Utama Negara
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
OKU	Orang Kurang Upaya
PAKK	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak
PAKR	Program Perumahan Awam Kos Rendah
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDC	<i>Penang Development Corporation</i>
PDK	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti
PKEN	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
RFN-Ke2	Rancangan Fizikal Negara Kedua
RMKe-7	Rancangan Malaysia Ketujuh
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
PPR	Program Perumahan Rakyat
PPRB	Program Perumahan Rakyat Bersepadu
PRMM	Program Perumahan Rakyat Mampu Milik
RT	Rukun Tetangga
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SPT	Sistem Pendaftaran Terbuka

STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TOD	<i>Transit Oriented Development</i> (Kawasan Pembangunan Berorientasikan Transit)
%	Peratus
km	Kilometer
kp	Kaki Persegi
m	Meter
mak	Maksimum
min	Minimum
mp	Meter Persegi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perumahan merupakan tempat tinggal yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan bersesuaian di sesuatu kawasan setempat. Rumah adalah satu keperluan asas manusia dan merupakan tempat tinggal yang selamat (Siswono Yudohusodo, Rumah Untuk Seluruh Rakyat, 1991: 432). Ini bererti rumah boleh digunakan untuk melindungi seseorang daripada gangguan lain seperti gangguan iklim dan makhluk hidup yang lain. Ia juga penting bagi kesejahteraan fizikal, psikologikal, sosial dan ekonomi seseorang individu. Kepentingan rumah sebagai tempat kediaman dan perlindungan tidak dapat dinafikan, masyarakat memerlukan rumah tanpa mengira status kemampuan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun. Seiring dengan perkembangan ekonomi negara yang pesat, pertimbangan masalah perumahan adalah tidak dapat dielakkan. Sebagai contoh, berlaku kenaikan harga rumah secara mendadak kebelakangan ini telah menyebabkan ramai rakyat Malaysia tidak mampu menyewa atau memiliki sebuah rumah idaman sendiri terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Golongan ini didapati amat sukar untuk memiliki

rumah terutamanya di kawasan bandar. Mereka juga sering dipersalahkan dalam isu perumahan setinggan.

Kewujudan pelbagai masalah dalam pembangunan perumahan memerlukan tindakan-tindakan dan perancangan yang rapi bagi mencapai matlamat sosial, ekonomi dan alam sekitar. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap perumahan mampu milik ataupun kos rendah masih tinggi. Bagi mengatasi masalah tersebut, beberapa dasar pembangunan negara seperti Dasar Perbandaran Negara (DPN), Rancangan Fizikal Negara Kedua (RFN-Ke2), Dasar Perumahan Negara (DRN) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah dirangka supaya pembangunan perumahan dapat dirancang dengan lebih efektif. Kerajaan telah melaksanakan projek pembinaan perumahan kos rendah oleh pihak swasta. Tujuannya adalah supaya semua rakyat Malaysia terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dapat memiliki rumah dengan dilengkapi kemudahan-kemudahan yang mencukupi khususnya di kawasan bandar. Di samping itu, pada masa yang sama, pelbagai skim perumahan awam dan swasta juga diberi perhatian untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar.

Namun demikian, terdapat sesetengah pemaju yang tidak bertanggungjawab dan ingin memaksimumkan keuntungan tanpa menghiraukan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat telah menimbulkan pelbagai isu dan masalah dalam pembinaan perumahan kos

rendah. Antaranya adalah hasil kualiti rumah yang rendah dari segi aspek fizikal, aspek persekitaran dan kekurangan kemudahan ameniti.

Merujuk Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (2013), terdapat beberapa kategori kemudahan ameniti iaitu kemudahan kesihatan, kemudahan pendidikan, kemudahan keselamatan – polis, kemudahan bomba dan penyelamat, kemudahan pusat komuniti, kemudahan perpustakaan awam dan kemudahan kebajikan.

Penyediaan kemudahan ameniti di sesuatu kawasan perumahan kurang diberi perhatian oleh kebanyakan pemaju di peringkat penyediaan pelan pembangunan. Ini adalah kerana pemaju beranggapan ia tidak menguntungkan. Pada realitinya, penyediaan kemudahan ameniti yang mencukupi adalah diperlukan kerana interaksi sosial akan berlaku di antara penduduk di sesuatu kawasan perumahan supaya satu persekitaran kejiranan yang selesa didiami diwujudkan.

Oleh itu, penekanan perancangan penyediaan kemudahan ameniti telah dititikberatkan oleh Kerajaan untuk mengelakkan berlakunya kesan negatif kepada masyarakat secara keseluruhannya serta mempengaruhi kualiti interaksi sosial dan kejiranan. Kajian ini akan melihat persepsi penghuni ke atas penyediaan kemudahan ameniti di sesebuah kawasan perumahan terutamanya perumahan kos rendah.

1.2 Pernyataan Masalah

Salah satu objektif dalam pembangunan perumahan di Malaysia adalah semua rakyat Malaysia berpeluang memiliki rumah. Walau bagaimanapun, masih terdapat ramai rakyat yang berpendapatan rendah belum mampu memiliki rumah idaman sendiri. Namun, terdapat beberapa faktor iaitu keadaan tanah terhad, kos perolehan tanah yang tinggi, bayaran premium yang tinggi, kadar cukai harta yang tinggi, tempoh kelulusan pembangunan yang lama, kenaikan harga bahan mentah pembinaan dan sebagainya telah menyebabkan pemaju susah menyediakan perumahan kos rendah yang berkualiti. Kekurangan kemudahan ameniti sering berlaku di kawasan perumahan kos rendah terutamanya perumahan berbentuk pangsapuri ataupun *'flat'*.

Di samping itu, terdapat sesetengah pemaju yang tidak bertanggungjawab sering mengecewakan penghuni-penghuni disebabkan penyediaan ruang tamu, bilik tidur, tandas dan sebagainya dengan ala kadar sahaja. Isu penyediaan kemudahan ameniti seperti dewan orang ramai, rumah ibadat, tempat rekreasi dan sebagainya yang tidak lengkap, tidak sesuai ataupun tidak mantap juga tidak dikecualikan. Kekurangan ataupun tanpa kemudahan tersebut akan menyebabkan berlaku masalah sosial seperti aktiviti melepak, pengambilan dadah dan mencuri.

Kekurangan kemudahan ameniti seperti padang permainan kanak-kanak, kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan dan sebagainya juga

akan memberikan tekanan emosi dan mempengaruhi keselesaan kepada para penghuni. Ia juga telah menghadkan peluang penghuni-penghuni setempat daripada berinteraksi dan berkomunikasi (Zakiyah Jamaluddin, 1995). Ini bermakna pola interaksi penduduk di kawasan tersebut akan terjejas. Pemaju harus mengambil berat aspek-aspek tersebut dalam melaksanakan sesuatu projek perumahan.

Daripada analisis Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA, 2004) didapati bahawa kemudahan ameniti yang disediakan seperti sekolah, tadika, masjid, surau, dewan orang ramai dan lain-lain adalah tidak mencukupi. Kekurangan kemudahan ameniti tersebut telah menjejaskan pembangunan sosial masyarakat tersebut. Kekurangan sekolah telah mengakibatkan saiz kelas yang lebih besar di sekolah-sekolah dan meningkatkan nisbah guru-murid di sekolah tersebut. Kekurangan masjid, surau dan dewan orang ramai telah menimbulkan kesulitan kepada penduduk setempat dan mengakibatkan kurang berinteraksi sesama penduduk. Kekurangan tadika awam telah menggalakkan penubuhan tadika swasta dan ini telah meningkatkan perbelanjaan isi rumah terhadap pembayaran yuran yang lebih mahal bagi tadika swasta.

Kajian yang dilaksanakan oleh Habsah binti Hashim dan Yusfida Ayu binti Abdullah @ Mohd Zain (2005) menunjukkan bahawa walaupun masih ada kemudahan yang tidak mencukupi mengikut keperluan piawaian perancangan, didapati kemudahan yang sedia ada tidak dimanfaatkan

sepenuhnya oleh masyarakat setempat iaitu kurangnya aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan di peringkat kejiwaan.

Pemilihan perumahan kos rendah sebagai bidang kajian kerana perumahan jenis ini sering mengalami kekurangan kemudahan amenities dan kualiti penyediaan kemudahan tersebut (Husna dan Nurizan, 1987; Mohd Razali Agus, 1995; Zakiah Jamaluddin, 1995). Pembinaan rumah kos rendah semata-mata tidak akan membawa makna jika penghuni tidak dapat menikmati kehidupan yang selesa. Kepuasan seseorang terhadap perumahan merupakan komponen yang penting dalam menentukan kualiti hidupnya. Ia akan menjejaskan kesihatan mental dan mewujudkan pelbagai masalah keluarga sekiranya berlaku ketidakpuasan terhadap kualiti rumah tersebut (Nurizan, 1998).

Bukan sahaja kekurangan dari segi ekonomi akan menimbulkan ketidakpuashati penduduk, malah kekurangan kemudahan amenities seperti sekolah, pusat kesihatan, dewan orang ramai dan lain-lain juga akan menimbulkan masalah yang sama. Tragedi 13 Mei 1969 yang berlaku adalah disebabkan perbezaan ketara di bidang ekonomi, rasa terkebelakang dan kekurangan yang dirasakan oleh sesuatu kaum (Prof. Shamsul, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), 2011).

1.3 Kepentingan Kajian

'Jiran sepakat membawa berkat'. Jiran bermaksud orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita. Jika kita tinggal di dalam sebuah komuniti yang sama, kita boleh juga dikenali sebagai jiran tetangga. Hubungan kejiranan mampu mewujudkan hubungan silaturahim dan semangat perpaduan di kalangan penduduk setempat dan ia juga boleh membentuk satu jaringan masyarakat sempurna yang turut menyumbang kepada interaksi sosial di antara satu sama lain. Hubungan kejiranan ini penting kerana ia melibatkan kerjasama dalam segala aspek khususnya aspek keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan setempat.

Kajian yang dilakukan oleh Jasmine (2008) menunjukkan bahawa hubungan kejiranan yang baik boleh menyebabkan penduduknya dapat hidup dengan baik dan sempurna. Hasil kajian yang dilakukan oleh beliau ini jelas menunjukkan interaksi sesama penduduk adalah amat penting dalam menjamin keharmonian dan kesejahteraan penduduk setempat. Penduduk yang sering berinteraksi dengan jirannya boleh membentuk sebuah masyarakat sempurna dan berkualiti.

Sesebuah kawasan perumahan yang sempurna harus dilengkapi dengan kemudahan ameniti agar dapat menyediakan peluang berinteraksi antara satu sama lain di kalangan penghuni berhampiran. Malangnya kemudahan ameniti sering diabaikan dalam perancangan pembangunan perumahan, kualiti penyediaan kemudahan ameniti seperti kedai runcit,

tempat beribadat, dewan serbaguna, tadika dan sebagainya akan menimbulkan pelbagai masalah yang berkaitan dengan interaksi sosial dan masalah gejala sosial. Kekurangan kemudahan amenities ini sering berlaku terutamanya di kawasan perumahan kos rendah. Kos sering dijadikan faktor utama yang menyebabkan pemaaju tidak dapat menyediakan kemudahan amenities yang berkualiti. Kajian ini ingin mendapat gambaran mengenai persepsi penghuni ke atas kemudahan amenities yang disediakan di kawasan perumahan kos rendah.

1.4 Persoalan Kajian

Pembinaan perumahan kos rendah sering didapati mempunyai pelbagai masalah seperti berlaku kekurangan dari segi kualiti rumah, kekurangan kemudahan amenities dan sebagainya. Penghuni-penghuni perumahan kos rendah terpaksa menerima hakikat ini walaupun mengidamkan kawasan perumahan yang lebih selesa seperti yang diterima oleh pemilik-pemilik rumah kos sederhana dan kos tinggi.

Persoalan-persoalan mengenai apakah persepsi penghuni ke atas kemudahan amenities di kawasan perumahan kos rendah seperti sejauh manakah kemudahan tersebut disediakan di kawasan perumahan kajian ini? Adakah kemudahan amenities yang disediakan memenuhi kehendak, kesesuaian dan keperluan penghuni yang berhampiran? Se jauh manakah kemudahan tersebut boleh mempengaruhi interaksi sosial penduduk

setempat? Persoalan ini sering diutarakan oleh para sarjana dan pengkaji sosiologi dari aspek penyediaan kemudahan amenities berkenaan.

Oleh itu, dalam kepayahan dan kebuntuan para sarjana dan pengkaji sosiologi untuk mendapatkan persepsi para penghuni kawasan perumahan kos rendah ke atas kemudahan amenities yang disediakan, maka pendekatan secara manifestasi melalui pengesanan persepsi para penghuni ke atas kemudahan amenities digunakan untuk mengetahui pandangan, pendapat dan cadangan penghuni terhadap kemudahan amenities yang disediakan berhampiran dengan tempat tinggal. Dengan itu, beberapa persoalan berkisar mengenai persepsi penghuni ke atas kemudahan amenities yang disediakan cuba dikupas dalam kajian ini melalui jawapan kepada persoalan-persoalan seperti berikut:

- i) Apakah jenis kemudahan amenities yang disediakan?
- ii) Adakah penghuni kerap menggunakan kemudahan amenities tersebut?
- iii) Adakah kemudahan amenities tersebut dikendali ataupun diselenggara dengan baik?
- iv) Adakah kemudahan amenities berkenaan berkait rapat dengan interaksi sosial penghuni?
- v) Apakah pandangan dan cadangan penghuni terhadap penyediaan kemudahan amenities?

1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai iaitu:

- i) Meninjau jenis kemudahan amenities yang disediakan.
- ii) Memerhati penggunaan kemudahan amenities oleh penghuni.
- iii) Meneliti pengendalian / pengoperasian kemudahan amenities.
- iv) Melihat hubungan kemudahan amenities dengan interaksi sosial penghuni.
- v) Mengemukakan cadangan pemantapan penyediaan kemudahan amenities.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini ingin mendapat gambaran mengenai persepsi penghuni ke atas kemudahan amenities yang disediakan di kawasan perumahan kos rendah. Responden yang dipilih daripada penduduk perumahan kos rendah di dua lokasi perumahan kos rendah di dalam kawasan Negeri Pulau Pinang yang seboleh-bolehnya memilih kawasan perumahan yang berada di kawasan bandar, terdiri daripada penduduk pelbagai kaum, perbezaan dari segi latar belakang, semua peringkat umur kerana penggunaan kemudahan amenities melibatkan semua lapisan masyarakat.

Kajian ini akan melakukan peninjauan ke atas keperluan, kesesuaian, kesempurnaan dan jenis kemudahan amenities yang disediakan di kawasan perumahan berkenaan. Seterusnya akan memerhati trend penggunaan

kemudahan ameniti yang disediakan. Selanjutnya penggunaan kemudahan ameniti akan dikaitkan dengan interaksi sosial penduduk setempat serta akan memberikan cadangan dan idea bagi memastikan kemudahan ameniti dapat disediakan dengan sempurna dan berkualiti demi memastikan penduduk setempat dapat menikmati suasana kawasan kediaman yang lebih harmoni, sejahtera dan selamat.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian boleh wujud semasa pengumpulan maklumat melalui kaedah soal selidik antara penyelidik dan responden. Antara batasan kajian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i) Maklumat-maklumat yang diberikan oleh responden berkemungkinan adalah tidak tepat ataupun tidak betul disebabkan mereka kurang peka terhadap persekitaran perumahan kediaman.
- ii) Maklumat-maklumat yang diberikan oleh pemimpin masyarakat dan pegawai-pegawai berkemungkinan adalah kurang tepat kerana kenyataan yang diberikan oleh mereka mungkin terikat dengan polisi jabatan masing-masing ataupun boleh menyinggung perasaan pihak-pihak tertentu.

- iii) Responden kurang memahami soalan borang soal selidik ataupun berasa segan untuk memberikan maklumat yang benar terutamanya yang menyentuh maklumat peribadi seperti pendapatan, umur dan status pemilikan rumah.

Batasan-batasan kajian ini akan mempengaruhi ketepatan, kejituan dan akan memberikan kesan kepada hasil kajian ini. Walau bagaimanapun, batasan-batasan seperti disebut di atas akan diambil perhatian oleh penyelidik semasa menjalankan kajian nanti.

BAB 2

LATAR BELAKANG TEORITIKAL: PERUMAHAN KOS RENDAH DAN ASPEK PENYEDIAAN KEMUDAHAN AMENITI

2.1 Pengenalan

Bab ini merupakan salah satu bahagian yang paling penting dalam sesuatu penyelidikan. Biasanya penyelidik akan merujuk artikel, kenyataan dan kajian lepas yang mengandungi maklumat, data, kaedah dan idea yang dilaksanakan khususnya yang berkaitan dengan kajian ini. Dalam bab ini akan memberikan definisi, konsep dan kepentingan berkaitan dengan persepsi, perumahan, perumahan kos rendah, kemudahan ameniti dan diterangkan juga konsep kejiwaan dan interaksi sosial mengikut pandangan beberapa penyelidik. Walaupun terdapat pelbagai definisi yang berkaitan dengan perumahan dan kemudahan ameniti, konsep dan teorinya tetap adalah lebih cenderung kepada objektif yang sama iaitu keperluan terhadap keselesaan dalam semua bentuk baik fizikal mahupun persekitaran.

2.2 Definisi Persepsi

Merujuk kepada kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) edisi ke-4 didapati bahawa persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu pandangan ataupun tanggapan.

2.3 Definisi Perumahan

Merujuk kepada Teori Maslow didapati bahawa rumah merupakan tempat untuk berlindung di samping memberi keselamatan kepada seseorang individu. Selain itu, rumah juga adalah keperluan asas kepada diri dan keluarga dan ditaksirkan sebagai satu sempadan fizikal yang memisahkan satu keluarga dengan keluarga yang lain.

Dalam konteks negara Malaysia pula, perumahan juga didefinisikan sebagai satu unit kediaman yang terpisah dan bebas untuk kegunaan sendiri bagi melaksanakan kegiatan aktiviti harian seseorang (Laporan Banci Populasi dan Perumahan, 1980). Di samping itu, Banci Perumahan tahun 1991 juga mendefinisikan sesuatu unit perumahan boleh diduduki lebih daripada satu isi rumah. Itu sebab perumahan juga boleh dikategorikan sebagai satu komponen pusat bagi kehidupan seharian manusia. Perumahan ini terdiri daripada rumah kos rendah, sederhana rendah dan sederhana.

Menurut Bourne (1981), perumahan merupakan pusat komponen kehidupan manusia seharian dan tempat perlindungan. Jika diteliti lebih mendalam maka didapati perumahan boleh difahami sebagai satu proses dan aktiviti yang kompleks dan luas kerana melibatkan aspek sosial, ekonomi, politik dan tidak ketinggalan persekitaran kejuruan. Terdapat lima definisi perumahan mengikut perspektif beliau iaitu:

- i) Perumahan ialah satu unit atau struktur yang dilengkapi dengan kemudahan sosial dan infrastruktur lain seperti jalan, bekalan air, dan elektrik, telekomunikasi, perparitan serta pembentungan di samping berfungsi sebagai perlindungan kepada seseorang individu.
- ii) Perumahan merupakan salah satu pelaburan dalam bentuk aset yang tahan lama di dalam pasaran dan beruntung kepada pemiliknya berdasarkan harga pasaran.
- iii) Perumahan merupakan tempat untuk berinteraksi sesama penduduk melalui melakukan aktiviti sosial seperti pendidikan, kesihatan, keagamaan dan lain-lain bagi mewujudkan hubungan silaturahim dan semangat perpaduan di kalangan penduduk setempat.
- iv) Perumahan juga boleh dikatakan tempat berkumpul supaya penduduk dapat menggunakan kemudahan-kemudahan ameniti yang disediakan seperti sekolah, masjid, taman rekreasi, taman permainan dan kedai.

- v) Perumahan juga merupakan salah satu harta yang dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi.

2.4 Definisi Perumahan Kos Rendah

Menurut Syarikat Perumahan Negara Malaysia (SPNB), rumah kos rendah didefinisikan satu unit rumah dengan keluasan lantai 700 kaki per segi dan dijual dengan harga bermula dari RM35,000 di Semenanjung Malaysia manakala RM50,000 di Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, bagi projek rumah kos rendah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkeajaan, rumah akan dijual dengan harga tidak melebihi RM42,000 di Semenanjung Malaysia manakala RM47,000 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (Penerangan Mengenai Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.39) 2002 [P.U.(A) 425/2002] Pembelian Rumah Kos Rendah Daripada Pemaju atau Selepas 1 Julai 2002).

Secara umumnya, definisi perumahan kos rendah adalah tertakluk kepada Rancangan Lima Tahun Malaysia. Namun begitu, tiada takrifan atau definisi yang jelas tentang penyediaan perumahan kos rendah dan golongan sasarannya dalam penggubalan awal Rancangan Malaysia tetapi dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) ada menjelaskan tentang pembinaan perumahan kos rendah yang bertujuan untuk memenuhi

keperluan semua kumpulan masyarakat berpendapatan rendah tanpa mengira kaum dan bangsa. Pada kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kedua dinyatakan pula secara terperinci tentang tujuan pembinaan perumahan kos rendah iaitu ingin memperbaiki keadaan kehidupan golongan miskin bandar, terutamanya golongan setinggan dan pada masa yang sama bertujuan untuk menempatkan semula mereka dengan memberi segala kemudahan moden secara bersepadu.

Apabila Rancangan Malaysia Ketiga digubal pada 1976 untuk tempoh 1976-1980, maka telah dinyatakan golongan berpendapatan rendah pada ketika itu disasarkan untuk kakitangan awam yang berpendapatan kurang daripada RM300 sebulan. Rancangan Lima tahun yang berikutnya (Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, 1981:410) telah menerangkan secara lebih jelas mengenai golongan berpendapatan rendah yang merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM700 ke bawah bagi negeri Sabah dan Sarawak.

2.5 Definisi Kemudahan Ameniti

Secara amnya, kemudahan ameniti didefinisikan sebagai kemudahan-kemudahan awam iaitu struktur-struktur, bangunan-bangunan, perkhidmatan-perkhidmatan dan penyediaan-penyediaan yang disediakan untuk memberi kesenangan kepada orang ramai. Ia diertikan sebagai 'alat

penyambung' (*complementary equipment*) yang menjadi keperluan kepada masyarakat yang membolehkan individu dan kumpulan masyarakat itu bergerak dan menjalankan apa-apa kegiatan.

Meurut A. Emanuel (1973) menerangkan kemudahan ameniti dikategorikan seperti di Jadual 2.1 berikut:

Jadual 2.1 : Kategori Kemudahan Ameniti

Jenis Kemudahan	Ciri-Ciri	Contoh
Infrastruktur dan kemudahan asas	Kemudahan asal untuk pembangunan ekonomi	Jalan raya, perparitan, elektrik dan bekalan air
Soal dan masyarakat	Kemudahan asas untuk meninggikan taraf sosial ekonomi penduduk dan interaksi sosial	Sekolah, klinik, surau, rekreasi dan lain-lain
Pentadbiran	Pertubuhan-pertubuhan yang diadakan untuk memimpin masyarakat	Persatuan peladang, kebajikan masyarakat, persatuan belia dan lain-lain pertubuhan.

2.6 Objektif Perumahan Kos Rendah

Melalui program rancangan pembangunan lima tahun, kerajaan telah berusaha menjadikannya sebagai satu kenyataan untuk rakyat Malaysia. Lantaran itu, melalui Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan telah menekankan aspek keupayaan pemilikan rumah dan diletakkan dalam program perumahan awam. Selain itu, kerajaan juga telah

mengkomersialkan pembinaan perumahan kos rendah iaitu pihak pemaju swasta diberikan peluang untuk melaksanakan projek-projek perumahan kos rendah. Tujuan penswastaaan tersebut ialah agar pembekalan perumahan kos rendah mencukupi di pasaran dan juga boleh mengurangkan masalah pemilikan rumah di kalangan bumiputera dan setinggian terutamanya di kawasan bandar. Usaha ini juga terus dilaksanakan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) supaya semua rakyat Malaysia terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah sendiri dan menggunakan kemudahan ameniti yang disediakan.


2.7 Keperluan Perumahan

Menurut Hasmah *et.al* (2004), keperluan perumahan di sesuatu kawasan ditentukan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah struktur demografi yang selalu dikaitkan dengan saiz dan penyebaran populasi, umur, bangsa dan bilangan isi rumah, kemudahan kredit dan pendapatan isi rumah. Di samping itu, pertambahan kadar migrasi juga telah mendorong peningkatan terhadap keperluan perumahan.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Mellor Wati Othman (1992) menunjukkan faktor-faktor seperti lokasi, kemudahan asas, pertambahan penduduk dan sosial merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi keperluan perumahan. Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang

mempengaruhi keperluan perumahan adalah berbeza mengikut keadaan dan keperluan semasa di sesuatu kawasan tersebut.

Pada tahun 1954, Abraham Maslow telah menerangkan terdapat lima peringkat keperluan-keperluan asas manusia iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan sosial, keperluan penghargaan dan keperluan pencapaian hasrat diri seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1 (Hierarki Keperluan Maslow). Hierarki tersebut telah menunjukkan bahawa keperluan fisiologi merupakan keperluan yang paling asas untuk membiayai kehidupan seseorang iaitu lebih kurang 85.0% berbanding dengan keperluan lain. Keduanya adalah keperluan keselamatan iaitu 75.0% dan ini bermaksud manusia lebih penting untuk memastikan kesihatan fizikal dan emosi terjamin. Ketiganya adalah keperluan sosial iaitu 50.0%, keempat adalah keperluan penghargaan oleh orang lain iaitu 40.0% dan akhirnya adalah keperluan pencapaian hasrat diri iaitu 10.0%.



Rajah 2.1 : Hierarki Keperluan oleh Maslow (Maslow, 1995-2006)

Keperluan perumahan adalah satu konsep sosial yang menggambarkan keseimbangan kuantitatif antara bilangan isi rumah serta unit rumah dan kualiti fizikal perumahan berbanding dengan norma-norma dan piawaian-piawaian sosial serta kesihatan awam yang telah ditentukan (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, New York, 1976). Manakala mengikut Susan Charles (1979), keperluan perumahan merupakan satu tahap kedudukan kuantiti dan kualiti tempat kediaman yang dibekalkan tidak memenuhi piawaian yang minimum serta terperinci seperti telah ditetapkan. Situasi ini dikaitkan dengan kekurangan yang wujud dalam bekalan serta perkhidmatan yang terlibat dengannya, seterusnya disebabkan oleh ketidakupayaan untuk mencapai tahap penggunaan yang dikehendaki.

Secara umumnya, unjuran keperluan perumahan berdasarkan kaedah yang dipelopori oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Metodologi Penilaian Keperluan Perumahan (*Housing Needs Assessment* – HNA) juga diasaskan terhadap kaedah yang telah digunakan oleh PBB iaitu mengira keperluan perumahan sebagai bilangan unit rumah berdasarkan kualiti minimum yang boleh diterima berpandukan beberapa faktor seperti berikut:

- i) Pembentukan isi rumah-isi rumah baru.
- ii) Penggantian unit-unit sedia ada dalam stok semasa perancangan kerana produk tersebut akan musnah atas beberapa sebab.
- iii) Penggantian unit-unit sedia ada pada tahun penganalisan pertama yang dikategorikan sebagai tidak diperbaiki.
- iv) Pembinaan unit-unit baru mengurangkan kesesakan pada permulaan satu tempoh.
- v) Pemulihan unit-unit sedia ada pada permulaan sesuatu tempoh yang diperlukan iaitu kerja-kerja pemulihan boleh dijalankan secara ekonomik.

Selain itu, unjuran tersebut juga boleh digunakan sebagai panduan oleh pihak berkuasa, penggubal dasar, ahli-ahli penyelidikan, pentadbir-pentadbir dan agensi-agensi yang berkaitan merangka serta merancang jumlah keperluan perumahan yang sesuai untuk satu program perumahan. Malahan penggunaan sumber boleh dioptimumkan serta dapat disalurkan ke tempat yang sepatutnya dan bersesuaian dengan keperluan.

2.8 Status Perumahan

Fungsi rumah sebagai tempat perlindungan kepada manusia tanpa mengira umur, jantina, bangsa dan darjat telah menyebabkan peranannya juga semakin meluas dalam kehidupan seharian. Lantaran itu, kebanyakan manusia banyak menghabiskan masanya di rumah. Maka dapat difahami bahawa rumah bukan sahaja merupakan satu keperluan asas tetapi juga melibatkan emosi dan psikologi.

Sebenarnya satu unit rumah mempunyai peranan yang lebih besar selain daripada fungsi sebagai tempat berlindung. Rumah dikaitkan dengan satu kawasan perumahan yang seharusnya melibatkan pelbagai elemen lain yang bakal memberikan keselesaan kepada penghuni dan penduduk terbabit. Terdapat beberapa perkhidmatan yang perlu disediakan di satu kawasan perumahan agar memudahkan aktiviti harian penduduk setempat dan sekelilingnya. Elemen-elemen tersebut pula boleh mencerminkan satu nilai status. Status perumahan akan melibatkan aktiviti-aktiviti yang kompleks, kepuasan, hak, tanggungjawab oleh persekitaran diharapkan. Taraf perumahan ini boleh ditentukan oleh keadaan persekitaran yang dibentuk oleh komuniti dan juga isi rumah individu.

Terdapat satu cara yang dibentuk oleh W.F. Smith bagi menunjukkan komponen-komponen utama dalam status perumahan dan kesan yang dibawa. Menurut beliau terdapat empat komponen utama dalam menentukan status perumahan isi rumah iaitu struktur, ketersampaian dan

kemudahan, hak asasi serta kejiranan. Apabila digabungkan keempat-empat komponen ini akan menghasilkan satu status perumahan serta melibatkan elemen-elemen seperti fizikal, kewangan, undang-undang dan sosial.

Dua elemen penting yang terlibat dalam kajian ini ialah ketersampaian dan kemudahan serta kejiranan. Kedua-dua elemen boleh mempengaruhi status atau taraf perubahan sesuatu kawasan. Setiap kawasan perumahan mempunyai statusnya yang berbeza dan bergantung kepada jenis perumahan yang didiami. Perumahan kos rendah banyak didiami penduduk-penduduk dari luar bandar atau pinggir bandar yang mempunyai minat dan kecenderungan berbeza dengan penghuni perumahan kos sederhana dan kos tinggi. Lantaran itu, penyediaan kemudahan ameniti yang bersesuaian boleh mempengaruhi interaksi sosial termasuklah kejiranan di dalam komuniti tersebut. Kejiranan yang baik memberikan gambaran perasaan selamat di kalangan penghuni-penghuni kawasan itu.

2.9 Teori Persepsi

Menurut Jalaludin Rakhmat (2004) didapati bahawa persepsi merupakan suatu pengalaman tentang objek, peristiwa atau hubungan-hubungan yang diperolehi dengan menyimpulkan informasi. Abbas (1991) juga mengatakan bahawa sesuatu persepsi yang berlaku akan membentuk imej positif, negatif ataupun neutral terhadap sesuatu perkara berkenaan melalui proses

melihat, merasa dan mengerti dan pengalaman yang lepas amat penting. Menurut Yahaya (1982) pula, persepsi merupakan tanggapan seseorang terhadap sesuatu sama ada menentukan pendapat, penerimaan atau rasa tidak puas hati terhadap apa yang dilihat dan dialami.

Di samping itu, persepsi juga bermaksud satu proses pemilihan maklumat-maklumat daripada persekitarannya dengan menggunakan deria, seterusnya akan membuat tafsiran terhadap maklumat-maklumat tersebut bagi memberikan makna serta menentukan realiti dirinya dalam persekitaran tersebut (Ahmad Shukri Nain, 2002). Terdapat pelbagai faktor yang akan mempengaruhi persepsi seperti berikut:

- i) Kontek situasi.
- ii) Pembentukan sosial dan organisasi.
- iii) Ciri-ciri penerima seperti tingkah laku.
- iv) Ciri-ciri pemberi iaitu pengalaman, nilai dan tingkah laku.

Terdapat dua jenis persepsi iaitu *External Perception*, iaitu persepsi yang terjadi kerana adanya rangsangan luaran dan *Self Perception*, iaitu persepsi yang terjadi dari dalam individu sendiri. Dengan persepsi, individu dapat menyedari dan memahami keadaan di sekitarnya ataupun dalam dirinya sendiri (Sunaryo, 2004). Dalam kajian ini, penyelidik ingin melihat sejauh mana persepsi penghuni-penghuni terhadap penyediaan kemudahan ameniti di sekitar kawasan perumahan mereka.

2.10 Kepentingan Kemudahan Ameniti

Menurut Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (2013), kemudahan ameniti merupakan satu komponen penting dalam proses perancangan dan pembangunan negara. Penyediaan kemudahan ameniti yang mencukupi boleh mewujudkan komuniti yang sejahtera dan harmoni di kalangan penduduk setempat.

Penekanan terhadap kepentingan penyediaan kemudahan ameniti adalah selaras dengan saranan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat 1Malaysia serta ke arah mencapai inisiatif kerajaan dengan melaksanakan program atau projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Aktiviti Ekonomi Utama Negara (NKEA). Pelaksanaan kemudahan ameniti memberi fokus terhadap kemahuan dan keperluan rakyat iaitu Rakyat Didahulukan di samping agihan penyediaan kemudahan ameniti yang sama rata serta adil.

Penyediaan kemudahan ameniti seperti kebajikan masyarakat, kesihatan, pendidikan, keselamatan serta persekitaran yang sihat adalah selaras dengan Dasar Sosial Negara yang menekankan kepada kepuasan dan kecemerlangan hidup bermasyarakat.

Oleh itu, penyediaan kemudahan ameniti tidak harus dianggap ringan kerana penyediaan yang kurang memuaskan boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat secara keseluruhannya. Kebiasaannya kemudahan

ameniti dilihat oleh pemaju sebagai guna tanah yang tidak menguntungkan. Pada realitinya, dengan adanya kemudahan ameniti, nilai hartanah di sesuatu kawasan akan meningkat kerana kemudahan ameniti ini memberikan faedah kepada penduduk setempat.

Fatimah Abdullah dan Noraziah Ali (2004) memperjelaskan bahawa penyediaan kemudahan ameniti yang mencukupi, mudah didapati dan sesuai di kawasan setempat adalah penting untuk kesejahteraan isi rumah dan keluarga. Ini adalah disebabkan keluarga yang sejahtera tidak akan meninggalkan kesan-kesan negatif kepada komuniti setempat, masyarakat dan persekitaran.

Zakiah Jamaluddin (1995) juga menyatakan bahawa kemudahan ameniti yang disediakan di dalam sesebuah masyarakat memainkan peranan yang sangat penting dimana ia dapat membolehkan penghuni-penghuni melakukan kegiatan kebajikan dan ibadat serta ciri-ciri keselamatan di kawasan kediaman.

2.11 Konsep Kejiranan

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Malaysia pula mentakrifkan unsur kejiranan seperti berikut:


- i) Seseorang itu merasa megah dan sayang terhadap kawasan atau tempat tinggal.
- ii) Berkenal-kenalan, kerap bertemu dan terjalin sifat tolong menolong antara jiran tetangga.
- iii) Penduduk amnya menganggap mereka sebagai satu masyarakat komuniti.
- iv) Penduduk merasa bertanggungjawab terhadap keharmonian dan keamanan dalam kawasan kejiranan mereka.
- v) Penduduk mempunyai semangat patriotik yang merangkumi sikap muhibah, persefahaman, toleransi, harmoni dan menghormati undang-undang.

Kajian yang dilakukan oleh Jasmine (2008) menunjukkan bahawa hubungan kejiranan yang baik boleh menyebabkan penduduknya dapat hidup dengan baik dan sempurna. Hasil kajian yang dilakukan oleh beliau ini jelas menunjukkan interaksi sesama penduduk adalah penting dalam menjamin kesejahteraan penduduk. Penduduk yang berinteraksi dengan jirannya boleh membentuk sebuah masyarakat sempurna dan berkualiti, maksudnya di sini mereka mampu untuk duduk bersama dan berbincang. Ini secara tidak langsung telah dapat membentuk modal sosial yang berkualiti (Sheau, 2006).

Menurut Garis Panduan Perancangan Perumahan (2013), konsep kejiranan (*neighbourhood concept*) dipermantap dan diberi penekanan dalam semua jenis pembangunan perumahan bertanah dan berbilang

tingkat bagi menggalakkan interaksi dan hubungan sosial antara penduduk. Konsep ini perlu diterjemahkan dalam merekabentuk susun atur pembangunan melalui langkah-langkah berikut:

- i) Memastikan susun atur skim perumahan dirancang dengan hierarki kejiranan yang jelas dengan mewujudkan pusat kejiranan, unit kejiranan dan sub-sub kejiranan seperti Rajah 2.2:



Rajah 2.2 : Hierarki Kejiranan


- ii) Mewujudkan pusat komuniti di setiap unit kejiranan melalui penyediaan kemudahan awam tertentu seperti surau, dewan, tadika, padang permainan serta kedai komuniti bagi menggalakkan interaksi dan hubungan kejiranan antara penghuni.
- iii) Membangunkan kemudahan ameniti dalam jarak kemampuan berjalan kaki (lingkungan 400 meter) daripada unit-unit kediaman.

Penerapan konsep kejiranan boleh disesuaikan dalam bentuk kelompok kejiranan kecil dan kelompok kejiranan besar. Bagi kelompok kejiranan kecil, ia boleh direalisasikan dalam susun atur pembangunan di kawasan sub kejiranan melalui langkah-langkah di bawah seperti di Rajah 2.3:

- i) Merekabentuk susun atur dan sistem jalan perkhidmatan tempatan berbentuk '*cul-de-sac*' atau '*loop*' bagi meningkatkan keselamatan dan hubungan kejiranan antara penghuni.
- ii) Mewujudkan ruang awam, laman rekreasi atau lot permainan kecil di dalam sub kejiranan bagi mewujudkan suasana kesendirian serta untuk aktiviti rekreasi pasif.

Bagi kelompok kejiranan besar, ia boleh dibentuk melalui gabungan unit-unit kelompok kejiranan kecil dengan kaedah-kaedah berikut seperti di Rajah 2.4:

- i) Menyusun kemudahan awam dan kawasan rekreasi secara berpusat untuk menyokong sekurang-kurangnya 4 buah kelompok kejiranan kecil.
- ii) Menyusun satu kelompok kejiranan besar melalui nama jalan yang sama atau mempunyai ciri-ciri rekabentuk bangunan yang seragam ataupun mempunyai nilai dan rekabentuk landskap yang unik.



Rajah 2.3 : Rekabentuk Susun Atur Kelompok Kejiranan Kecil




Reka bentuk susun atur perumahan sesebuah yang kondusif




Ruang awam sebagai ruang interaksi dan ruang beriadah



Reka bentuk Cul-De-Sac memberikan ruang penggunaan serta laluan yang lebih mudah dan fleksibel.



Pembentukan Konsep Kejiranan dengan reka bentuk 'Courtyard'



Sumber : 'Courtyard' Housing Best Winner (Portland')(n.d).

Rajah 2.4 : Contoh Pembentukan Kelompok Kejiranan Besar Bagi Kawasan Perumahan Sesebuah

2.12 Konsep Bandar Kejiranan

Idea-idea perancangan mengalami satu perubahan dengan terhasilnya sebuah karya buku bertajuk *Garden Cities of Tomorrow* pada tahun 1898 oleh Ebenezer Howard (1948). Banyak bandar-bandar besar di dunia mengaplikasikan konsep-konsep perancangan yang diutarakan oleh beliau. Malahan idea beliau telah dikembangkan oleh sarjana-sarjana lain dan juga ahli-ahli profesional yang terbabit dalam perancangan fizikal bandar.

Konsep Kejiranan secara umumnya, mengesyorkan agar bandar-bandar kejiranan dibahagikan kepada 6 wad dengan 5,000 orang penduduk untuk setiap wad. Jumlah keseluruhan penduduk ialah 30,000 orang. Jarak di antara pusat bandar dengan kawasan pinggir ialah 2.41 km (1.5 batu) dan boleh diwujudkan kawasan hijau mengelilinginya serta aktiviti-aktiviti lain seperti perindustrian dan perdagangan dikekalkan sebagai sumber pekerjaan. Rekabentuk penempatan atau bandar ini mengambil kira idea perancangan dari segi pencapaian interaksi dan integrasi sosial di dalam komuniti. Kewujudan konsep ruang lapang dan kawasan hijau membolehkan sistem pengangkutan disediakan untuk menghubungi kawasan kediaman, tempat kerja dan pusat bandar. Beliau percaya bahawa sesuatu komuniti berupaya dijadikan tempat kediaman yang selesa.

Mengikut Ibrahim Wahab (1991) terdapat beberapa prinsip-prinsip utama yang menggariskan pembentukan taman boleh diringkaskan seperti berikut:

- i) Bandar atau penempatan itu mestilah terletak di dalam kawasan pertanian.
- ii) Kawasan penempatan mestilah berukuran lebih kurang 6,000 ekar (2,430 hektar) untuk penduduk lebih kurang seramai 30,000 orang atau kepadatan penduduk 5 orang seekar.
- iii) Perancangan penempatan dibuat berdasarkan konsep unit kejiranan dan komuniti.
- iv) Penempatan mestilah dilengkapi dengan kemudahan dan keperluan asas seperti sekolah, dewan, tempat hiburan dan pelbagai lagi.
- v) Kawasan hijau perlu diwujudkan mengelilingi bandar tersebut dan kawasan lapang diwujudkan di dalam komuniti untuk menjamin keselesaan sebagai tempat kediaman.
- vi) Tempat kediaman berdekatan dengan tempat kerja dan konsep ketersampelan ditingkatkan.

Prinsip iii, iv dan v bersesuaian dengan perbincangan kajian ini. Penggunaan konsep ini boleh diaplikasikan dalam konteks kawasan perumahan yang sederhana besar.

2.13 Teori Interaksi Sosial

Interaksi sosial adalah suatu hubungan antara dua atau lebih individu manusia, dimana kelakuan individu yang satu mempengaruhi, mengubah, atau memperbaiki kelakuan individu yang lain atau sebaliknya.

Proses interaksi sosial boleh ditakrifkan sebagai cara-cara perhubungan yang dapat dilihat jika individu dan kelompok-kelompok saling bertemu serta menentukan sistem dan bentuk hubungan sosial. Ia tidak akan mungkin terjadi apabila tidak memenuhi dua syarat iaitu adanya kontak sosial dan komunikasi (Soerjono Soekanto, 2005). Kontak sosial terbahagi kepada tiga bentuk iaitu antara orang perseorangan, antara orang perseorangan dengan satu kelompok manusia atau sebaliknya, antara satu kelompok manusia dengan kelompok manusia yang lain. Komunikasi bermaksud penyampaian suatu maklumat dan pemberian tafsiran dan reaksi terhadap maklumat yang disampaikan.

Interaksi sosial terbahagi kepada dua bentuk iaitu Asosiatif dan Disasosiatif (Soerjono Soekanto, 2005). Asosiatif terdiri daripada kerjasama (*cooperation*) dan akomodasi (*accomodation*). Kerjasama dimaksudkan sebagai suatu usaha bersama antara orang perseorangan atau kelompok manusia untuk mencapai satu atau beberapa tujuan bersama. Akomodasi merupakan suatu cara untuk menyelesaikan pertentangan tanpa menghancurkan pihak lawan sehingga lawan tidak kehilangan keperibadiannya. Disasosiatif terdiri daripada persaingan (*competition*), kontravensi (*contravention*) dan konflik (*conflict*). Persaingan dimaksudkan suatu proses sosial dimana individu atau kelompok-kelompok manusia yang bersaing mencari keuntungan. Kontravensi merupakan sikap mental yang tersembunyi terhadap orang-orang lain atau terhadap unsur-unsur kebudayaan suatu golongan tertentu. Konflik merupakan suatu proses sosial dimana individu atau kelompok berusaha untuk memenuhi tujuannya

dengan jalan menentang pihak lawan yang sering disertai dengan ancaman atau kekerasan.

Katiman Rostam dan Wan Maimunah Wan Ismail (1997) memperjelaskan bahawa interaksi sosial antara penghuni di sesuatu kawasan telah berlaku melalui penggunaan kemudahan ameniti yang disediakan. Interaksi ini tidak hanya dilakukan dengan jiran terdekat tetapi juga dengan jiran yang tinggal di bangunan lain di kawasan tersebut. Kesepaduan, kerjasama dan keharmonian dalam masyarakat dapat dicapai melalui interaksi sesama ahli masyarakat.

Habsah binti Hashim dan Yusfida Ayu binti Abdullah @ Mohd Zain (2005) juga menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti kemasyarakatan telah dilaksanakan di tempat kemudahan ameniti yang disediakan seperti aktiviti sukan, permainan, riadah, majlis sambutan perayaan, seminar dan lain-lain. Interaksi sosial telah berlaku dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut di peringkat kejiranan.

2.14 Rumusan Bab

Latar belakang teoritikal ini melibatkan beberapa definisi perumahan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat. Apabila dirumuskan didapati bahawa perumahan merangkumi pelbagai aktiviti yang melibatkan manusia dan alam sekitarnya. Rumah tidak boleh dilihat sebagai tempat perlindungan

sahaja tetapi fungsi dan perancangannya adalah luas dan boleh dikembangkan lagi.

Malahan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri berpendapat setiap aktiviti harian manusia harus dimasukkan dalam konsep perumahan demi membangunkan sesuatu masyarakat yang ideal dari segi emosi dan psikologi. Perumahan juga diberi definisi sebagai satu proses yang melibatkan aktiviti perancangan, pembinaan dan penempatan serta dianggap juga sebagai satu produk yang meliputi segala aktiviti sosioekonomi dan politik.

Kejiranan dan kemudahan ameniti merupakan antara komponen atau elemen yang diperlukan oleh masyarakat atau komuniti dalam satu kawasan perumahan. Elemen-elemen ini ada dinyatakan oleh sarjana-sarjana yang memberikan definisi tentang perumahan. Lantaran itu, isu berkaitan dengan elemen ini menarik untuk dibincangkan bagi mendapatkan satu rumusan yang sesuai dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu dalam membina satu kawasan perumahan.

BAB 3

SENARIO PERUMAHAN KOS RENDAH DI MALAYSIA

3.1 Pengenalan

Sektor perumahan merupakan antara sektor yang telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan negara terutamanya selepas merdeka. Seterusnya Rancangan Malaysia Lima Tahun Pertama hingga Kesepuluh tidak pernah mengabaikan isu perumahan. Namun begitu, perumahan kos rendah hanya mulai mendapat perhatian pihak pemerintah semasa Rancangan Malaysia Ketiga.

Perumahan bukan sahaja berperanan sebagai komponen guna tanah utama dalam sesebuah bandar, malah turut memainkan peranan sebagai sektor utama yang menjana dan memacu perkembangan industri harta tanah dan pertumbuhan ekonomi di peringkat tempatan dan negara. Perumahan juga dikenali sebagai tempat tinggal yang mampu dimiliki oleh rakyat terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah dengan dilengkapi kemudahan ameniti yang mencukupi dan sesuai di sesuatu kawasan setempat.

Sehingga kini, permintaan perumahan mampu milik masih tinggi dan pembinaan perumahan masih belum cukup untuk golongan yang berpendapatan rendah. Untuk menyelesaikan masalah ini, pihak kerajaan

dan swasta terus berusaha dengan melaksanakan Program Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM) supaya rakyat mampu beli atau sewa terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Ini adalah selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara (DRN) iaitu menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemampanan hidup rakyat.

Dijangka ini akan menyumbang sebanyak 4.9% daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2010 (Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan, 2010/2011). Oleh itu, kerajaan telah mensasarkan pembinaan sebanyak 78,000 unit rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan untuk penempatan semula setinggan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38,950 unit di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan 39,050 unit di bawah program yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015).

Di samping itu, kerajaan juga telah menawarkan 44,000 unit rumah kos rendah untuk dijual dan disewa melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN). Pada masa yang sama, kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan seperti bayaran muka, yuran guaman dan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah bagi golongan yang berpendapatan rendah atau pembeli rumah kos rendah yang disediakan oleh kerajaan.

Memang tidak dinafikan walaupun kerajaan telah dan masih sedang berusaha untuk membantu rakyat Malaysia supaya mampu dapat memiliki rumah sendiri, pada masa yang sama pelbagai masalah perumahan masih ditimbulkan. Antara masalah-masalah yang ditimbulkan adalah seperti berikut:

i) Penyediaan PRMM masih tidak mencukupi

Pada umumnya, penyediaan rumah oleh sektor swasta telah dapat memenuhi keperluan golongan berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana termasuk orang kurang upaya (OKU), warga emas, ibu tunggal dan golongan setinggan masih belum mencukupi. Berasaskan permohonan melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) Berkomputer yang dikendalikan oleh KPKT bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Ogos 2010, seramai 20,426 orang telah mendaftar untuk memiliki rumah kos rendah di seluruh negara. Di samping itu, bancian oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2010 pula menunjukkan seramai 90,282 keluarga setinggan yang masih belum dipindahkan dan ditempatkan semula.

ii) Kualiti pembinaan yang rendah

Penggunaan bahan binaan yang tidak berkualiti dan kekurangan tenaga mahir dalam bidang pembinaan merupakan antara faktor utama yang

menyebabkan rumah-rumah yang didirikan kurang berkualiti serta tidak mengikut piawaian. Penggunaan teknologi pembinaan terkini yang masih rendah dan kebergantungan kepada tenaga kerja asing yang kurang mahir dan murah turut menjejaskan kualiti pembinaan rumah.

iii) Persekitaran dan kemudahan sosial yang kurang kondusif

Sebilangan kawasan perumahan didapati tidak mempunyai kemudahan sosial dan perkhidmatan asas yang lengkap seperti kemudahan pengangkutan, keselamatan dan penyelenggaraan. DRN mencadangkan supaya pemajuan perumahan turut memberi penekanan terhadap peningkatan tahap kemudahan sosial, perkhidmatan asas dan persekitaran yang kondusif. DRN juga menyarankan supaya program-program kejuruan bagi menangani isu-isu sosial, keselamatan awam dan pemuliharaan alam sekitar juga dipertingkatkan.

3.2 Garis Panduan Perancangan Perumahan (2013)

Garis panduan ini sebagai rujukan atau panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi teknikal di dalam merancang dan mengawal pembangunan semua jenis perumahan termasuk pembinaan perumahan kos rendah. Ia juga bertujuan untuk memandu dan memudah cara pihak pemaju di dalam merekabentuk susun atur dan menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur bagi setiap

pemajuan perumahan yang dibangunkan. Pematuhan kepada garis panduan ini adalah penting bagi memastikan pembangunan perumahan menepati matlamat dan prinsip-prinsip perancangan supaya kualiti perumahan terutamanya perumahan kos rendah dapat dijamin bagi golongan berpendapatan rendah.

Di samping itu, perancangan pembangunan perumahan yang lebih efektif juga telah diberi penekanan di dalam beberapa dasar pembangunan negara seperti Dasar Perbandaran Negara (DPN), Rancangan Fizikal Negara Kedua (RFN-Ke2), Dasar Perumahan Negara (DRN) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Kuota rumah kos rendah yang dibina dalam projek pemajuan bercampuran ditentukan berdasarkan kepada kesesuaian lokasi dan permintaan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri diberi kelonggaran atau kebebasan untuk menentukan kuota rumah kos rendah di negeri masing-masing. Bagi tujuan pengawalan perancangan, sejumlah unit rumah kos rendah berdasarkan penetapan dasar atau kuota rumah kos rendah yang ditetapkan oleh setiap PBN perlu disediakan oleh pihak pemaju berdasarkan kadar-kadar keluasan tanah dan jumlah unit pembangunan perumahan iaitu pemajuan perumahan bertanah (*landed housing*) berkeluasan melebihi 5 ekar serta pemajuan perumahan berbilang tingkat (*highrise housing*) berkeluasan melebihi 3 ekar atau melebihi 250 unit. Rumah kos rendah perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai khususnya di kawasan berhampiran

stesen transit dan kawasan yang mempunyai akses rangkaian pengangkutan awam.

Garis Panduan ini menggariskan tiga (3) aspek utama yang perlu diambil kira dalam perancangan dan pengawalan pembangunan perumahan termasuk perumahan kos rendah. Ia meliputi hierarki dan piawaian jalan raya, piawaian terperinci bagi pembangunan perumahan bertanah dan piawaian terperinci bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat yang meliputi saiz tanah dan luas lantai, jalan dan lorong, anjakan, ketinggian bangunan dan lain-lain keperluan.

3.2.1 Piawaian Perancangan dan Bangunan Perumahan Berbilang Tingkat

Pembangunan perumahan berbilang tingkat meliputi pangsapuri kos rendah. Pembangunan perumahan ini perlu mematuhi piawaian berkaitan dengan saiz tanah dan ruang lantai, kepadatan, jalan, kawasan liputan bangunan (*plinth area*), anjakan (*setback*), ketinggian bangunan, keperluan OKU dan lain-lain keperluan.

3.2.1.1 Saiz Tanah dan Ruang Lantai

Piawaian saiz tanah dan ruang lantai setiap petak bagi pelbagai jenis perumahan berbilang tingkat termasuk pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian	
Saiz lot tanah bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat (minimum)	Kawasan CBD & Kawasan <i>`Infill Development`</i>	0.4 hektar (1 ekar)
	Kawasan Pembangunan Baru (Di Luar CBD)	0.8 hektar (2 ekar)
Luas ruang lantai setiap petak (parcel) atau unit (minimum)	Pangsapuri Kos Rendah	65.0 mp (700 kp)

3.2.1.2 Piawaian Kepadatan Perumahan Berbilang Tingkat

Piawaian kepadatan bagi pelbagai jenis perumahan berbilang tingkat termasuk pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian	
Kepadatan unit pangsapuri kos rendah, kos sederhana rendah, kos sederhana dan kos tinggi (maksimum)	Dalam sempadan kawasan Majlis Daerah	60 unit / ekar
	Dalam sempadan kawasan Majlis Perbandaran / Majlis Bandaraya	80 unit / ekar
	Dalam kawasan pembangunan berorientasikan transit (TOD) dan kawasan-kawasan zon perancangan transit (lingkungan 400 meter dari stesen transit utama)	90 unit / ekar
Kepadatan unit rumah bandar (maksimum)	25 unit / ekar	

3.2.1.3 Saiz Jalan

Piawaian saiz jalan bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat termasuk pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian	
Lebar rizab jalan awam (jalan masuk ke tapak) (minimum)	15.2 m (50')	
Lebar jalan dalaman berturap (minimum)	Sehala	6.1 m (20')
	Dua Hala	7.3 m (24')

3.2.1.4 Piawaian Kawasan Liputan Bangunan


Piawaian kawasan liputan bangunan (*plinth area*) bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat termasuk pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian
Kawasan liputan bangunan (<i>plinth area</i>) (maksimum)	60.0% daripada keluasan tapak
Kawasan liputan bangunan kawasan rumah bandar	90.0% - 100.0% daripada keluasan tapak

3.2.1.5 Anjakan Plot Bangunan

Piawaian anjakan (*setback*) plot bangunan bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat termasuk pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian
Anjakan hadapan bangunan dengan rizab jalan awam (minimum)	15.2 m (50') * Sebarang bangunan kekal tidak dibenarkan di kawasan anjakan hadapan.
Anjakan sisi tepi dan belakang daripada sempadan tapak (minimum)	6.096 m (20') * Sebarang bangunan kekal tidak dibenarkan di kawasan anjakan sisi dan belakang.
Anjakan antara bangunan tidak sama tinggi (minimum)	(Rujuk Rajah 3.2)



Rajah 3.1 : Piawaian Anjakan Antara Bangunan

3.2.1.6 Ketinggian Bangunan

Piawaian ketinggian bangunan bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat termasuk pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian
Bangunan tanpa lif (<i>walk up apartment</i>) - Jumlah tingkat (maksimum)	4 tingkat * Tingkat bawah (<i>ground floor</i>) perlu dikosongkan atau dikhaskan untuk rumah OKU, warga emas, kemudahan masyarakat dan unit kedai perkhidmatan sahaja.
Bangunan dengan lif - Jumlah tingkat (maksimum)	15 tingkat * Tingkat bawah perlu dikosongkan atau dikhaskan untuk rumah OKU, warga emas, kemudahan ameniti dan unit kedai perkhidmatan sahaja.

3.2.1.7 Keperluan Unit Kediaman OKU

Piawaian keperluan unit kediaman OKU di dalam sesebuah skim pembangunan perumahan berbilang tingkat termasuk pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian
<ul style="list-style-type: none">▪ < 100 unit▪ 100 – 500 unit▪ > 500 – 1,000 unit▪ > 1,000 unit	2 unit kediaman OKU 4 unit kediaman OKU 6 unit kediaman OKU 8 unit kediaman OKU * Unit kediaman OKU perlu disediakan di tingkat bawah.

3.2.1.8 Keperluan-keperluan Tambahan

Piawaian keperluan-keperluan tambahan bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat adalah seperti berikut:

Aspek	Piawaian	
Orientasi bangunan	Perlu disesuaikan dengan arah kiblat.	
Perimeter <i>Planting</i>	Berhadapan dengan jalan utama dan jalan perkhidmatan	Minimum 3.05 meter (10')
	Di bahagian tepi dan Belakang	Minimum 1.52 meter (5')
	* Jarak perimeter <i>planting</i> tidak boleh diambil kira sebagai anjakan bangunan. **Ia boleh diambil kira sebagai sebahagian kawasan lapang / kawasan rekreasi.	
Ruang peti pos	Ruang khas untuk peti pos perlu disediakan di kawasan yang sesuai di tingkat bawah.	
Bangunan sampah	Bangunan khas sebagai tempat pembuangan sampah perlu disediakan di kawasan yang sesuai di sekitar tapak.	
Jumlah bilik (minimum)	3 bilik	
Jumlah bilik air (minimum)	2 unit	

3.3 Garis Panduan Pelaksanaan Harga Baru Rumah Kos Rendah (Pindaan 2002)

Harga jualan rumah kos rendah iaitu RM25,000 seunit yang ditetapkan semenjak tahun 1982 telah dikaji semula. Ini adalah disebabkan harga jualan tersebut tidak sesuai lagi pada keadaan sekarang akibat kenaikan kos pembangunan meningkat terlalu tinggi seperti kos tanah, infrastruktur kemudahan awam, binaan dan buruh. Secara tidak langsung, pihak

kerajaan dan pemaju menghadapi masalah dalam penyediaan rumah kos rendah terutamanya di bandar disebabkan kenaikan kos pembangunan tersebut.

Harga baru rumah kos rendah ditetapkan berdasarkan harga tanah, golongan sasar dan jenis tanah. Rumah kos rendah berbentuk teres dan kelompok yang akan dibina di kawasan luar bandar dan pekan kecil dan pinggir bandar. Harga seunit jualan rumah tersebut adalah sebanyak RM25,000 bagi golongan yang berpendapatan RM750 hingga RM1,000 di kawasan luar bandar. Manakala sebanyak RM30,000 bagi golongan yang berpendapatan RM850 hingga RM1,200 di kawasan pekan kecil dan pinggir bandar. Rumah kos rendah berbentuk pangsa 5 tingkat yang akan dibina di kawasan bandar-bandar besar dan pinggir bandar besar dengan menjual harga sebanyak RM35,000 seunit bagi golongan berpendapatan RM1,000 hingga RM1,350. Manakala rumah kos rendah berbentuk pangsa melebihi 5 tingkat pula akan dibina di kawasan bandaraya dan bandar-bandar besar dengan menjual harga sebanyak RM42,000 seunit bagi golongan berpendapatan RM1,200 hingga RM1,500.

Walaupun bagaimanapun, harga rumah kos rendah yang disebutkan di atas tidak digunakan bagi rumah-rumah di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) sambungan dan Program Perumahan Rakyat (PPR). Harganya adalah berbeza berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 27 Februari 2002. Rumah kos rendah berbentuk teres dan kelompok akan dibina di kawasan luar bandar dan bandar kecil. Rumah tersebut akan

dijual sebanyak RM25,000 seunit di kawasan luar bandar manakala di kawasan bandar kecil akan jual dengan harga sebanyak RM28,000 seunit. Rumah kos rendah berbentuk pangsa 5 tingkat pula akan dibina di kawasan bandar besar dan pinggir bandar dengan harga jualan adalah sebanyak RM30,000 seunit. Bagi rumah kos berbentuk pangsa yang melebihi 5 tingkat akan dibina di kawasan bandaraya dan bandar besar dengan menjual sebanyak RM35,000 seunit.

Namun, pemaju dibenarkan menaikkan harga tidak melebihi 20% daripada harga jualan yang telah dihuraikan di atas di Negeri Sabah dan Sarawak.

3.4 Garis Panduan Perancangan dan Rekabentuk Perumahan Kos Rendah (Bagi Semua Jenis Rumah Kecuali Rumah Pangsa) (1998)

Garis panduan ini merupakan garis panduan yang komprehensif bagi memudahkan semua pihak di sektor awam dan swasta melaksanakan pembangunan perumahan kos rendah supaya dapat mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat dan alam persekitaran terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Garis panduan ini menekankan dua piawaian iaitu piawaian perancangan dan piawaian rekabentuk. Dalam piawaian perancangan diberi penekanan bagi menghasilkan susun atur tapak yang cekap, selesa dan

selamat yang berasaskan tiga faktor utama iaitu keselamatan, infrastruktur dan kesihatan. Manakala piawaian rekabentuk pula diberi penekanan bagi memastikan setiap unit rumah yang dihasilkan berfungsi dan selesa untuk didiami dengan mengambil kira faktor-faktor utama iaitu bangunan, infrastruktur dan landskap.

3.5 Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (2013)

Garis panduan ini sebagai rujukan dan panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, agensi pelaksana dan pemaju dalam penyediaan kemudahan amenities yang secukupnya dalam membangunkan sesuatu kawasan ke arah mewujudkan komuniti sejahtera. Di samping itu, garis panduan ini juga disediakan untuk menangani isu semasa mengenai perancangan kemudahan amenities seperti penyediaan kemudahan di lokasi tidak sesuai, keluasan tapak serta penyediaan kemudahan sokongan yang tidak mencukupi. Penyediaan kemudahan amenities yang mencukupi adalah perlu selaras dengan perubahan permintaan dan juga sebagai indikator pembangunan mampan ke arah pembentukan komuniti sejahtera. Penyediaan kemudahan amenities mampu memberi manfaat serta memenuhi kehendak penduduk setempat di samping membantu mencapai matlamat pembangunan mampan.

Garis panduan ini memberi penekanan kepada beberapa aspek utama iaitu perancangan tapak, rekabentuk, susun atur serta keperluan lain.

Tapak untuk kemudahan ameniti perlulah dikenal pasti semasa penyediaan Rancangan Pemajuan dan Proses Kebenaran Merancang untuk memastikan penyediaan kemudahan yang mencukupi mengikut keperluan penduduk, peruntukan perundangan dan dasar semasa. Tapak untuk kemudahan ameniti seperti tanah lapang awam, tanah perkuburan serta tempat ibadat yang hendak diserahkan kepada kerajaan, hendaklah disediakan dengan merujuk kepada Garis Panduan Tanah Lapang dan Rekreasi, Garis Panduan Perkuburan dan Krematorium, Garis Panduan Tempat Ibadat Islam, Garis Panduan Kuil, Tokong, Gereja dan Gurdwara yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia (JPBD SM). Bagi kemudahan tempat letak kereta termasuk untuk golongan Orang Kurang Upaya perlulah merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kereta.

Perancangan kemudahan ameniti perlulah berdasarkan kepada prinsip berikut:

- i) Pengagihan Kemudahan Yang Seimbang – pengagihan kemudahan ameniti yang mencukupi dan seimbang mengikut hierarki dan lokasi.
- ii) Kemudahsampaian – perletakan kemudahan dalam jarak berjalan kaki yang praktikal kepada pengguna (kawasan kediaman) dan selamat tanpa gangguan aliran trafik yang tinggi.
- iii) Keselesaan dan Keselamatan – perletakan tidak di kawasan berisiko bencana, laluan rentis elektrik atau kawasan bercerun.

- iv) Interaksi – penyediaan kemudahan dapat mewujudkan interaksi sosial masyarakat.
- v) Rekabentuk – perlu mengambil kira nilai estetik dan budaya setempat di samping menerapkan elemen *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dan rekabentuk sejagat (Universal Design) kepada semua golongan masyarakat.

Penyediaan kemudahan ameniti secara integrasi bermaksud perletakan komponen kemudahan pada sebuah bangunan atau perletakan secara berpusat dan pembinaan bangunan kemudahan integrasi adalah melalui dua kaedah iaitu sama ada oleh pemaju atau Pihak Berkuasa Tempatan. Antara jenis kemudahan ameniti yang boleh dibangunkan secara integrasi adalah dewan orang ramai, perpustakaan, perkhidmatan kebajikan TASKA / Tadika dan klinik.

Garis panduan ini meliputi 7 jenis kemudahan ameniti utama perlu disediakan secukupnya dengan keluasan tertentu berpandukan kepada piawaian tadahan penduduk sesebuah kawasan perumahan iaitu:

i) Kemudahan Kesihatan

Kemudahan ini terbahagi kepada kemudahan bagi perkhidmatan kesihatan primer, sekunder dan tertier. Perkhidmatan kesihatan primer merupakan kontak pertama pesakit dengan perkhidmatan kesihatan bagi kes-kes selain kecemasan. Ia disediakan di Klinik Kesihatan,

Klinik Desa, Klinik Ibu dan Anak, Klinik Bergerak, Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia. Sekiranya pesakit memerlukan rawatan sekunder, pesakit akan dirujuk kepada hospital yang berdekatan. Rawatan sekunder hanya diberi di hospital sama ada mempunyai pakar ataupun tanpa pakar. Hanya hospital mempunyai pakar sahaja yang akan memberikan rawatan tertier. Untuk kes kecemasan, pesakit boleh terus ke Jabatan Kecemasan, hospital atau klinik berdekatan.

ii) Kemudahan Pendidikan

Kemudahan pendidikan terbahagi kepada 5 kategori iaitu:

- a) Pra-sekolah atau tadika untuk peringkat umur 4 hingga 6 tahun.
- b) Sekolah rendah untuk peringkat umur 6 hingga 12 tahun.
- c) Sekolah menengah untuk peringkat umur 13 hingga 17 tahun.
- d) Sekolah pendidikan khas disediakan kepada murid bermasalah penglihatan dan pendengaran.
- e) Institut Pengajian Tinggi atau Kolej atau Politeknik untuk menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau setaraf dengannya.

iii) Kemudahan Keselamatan – Polis

Kemudahan keselamatan terbahagi kepada 5 kategori iaitu:

- a) Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) – merupakan hierarki tertinggi kemudahan polis bagi penyediaan pada peringkat negeri. Sebuah IPK bagi setiap ibu pejabat.
- b) Ibu Pejabat Daerah (IPD) – merupakan hierarki yang kedua tertinggi di dalam kemudahan polis. IPD perlu disediakan di setiap daerah dan di kawasan pembangunan bandar baru.
- c) Balai Polis – sebuah bangunan yang berfungsi sebagai ibu pejabat yang terdapat di dalam kawasan bandaraya, bandar utama, kawasan sempadan antarabangsa, kawasan perindustrian utama dan kawasan strategik yang berjauhan dengan IPD.
- d) Balai Polis Komuniti atau Pondok Polis – merupakan kemudahan polis yang ditempatkan di setiap pusat petempatan dan taman perumahan utama yang mempunyai bilangan penduduk seramai 5,000 – 10,000 orang. Kemudahan ini juga disediakan di dalam lingkungan kawasan bandar besar, Pusat Pengajian Tinggi dan kawasan tumpuan orang ramai.
- e) Bit Polis – diletakkan di kawasan tumpuan orang ramai berdasarkan kadar dan trend jenayah sesuatu kawasan.

iv) Kemudahan Bomba dan Penyelamat

Perkhidmatan bomba dipecahkan kepada 3 kategori balai bomba di peringkat negeri dan daerah iaitu:

- a) Balai Bomba Kategori A – disediakan di bandar utama, ibu negeri, pusat perindustrian utama, perindustrian berisiko tinggi, pusat perdagangan utama dan pusat strategik kerajaan. Kemudahan ini perlu disediakan kepada tadahan penduduk seramai 100,000 orang.
- b) Balai Bomba Kategori B – disediakan di kawasan pinggiran bandar utama atau ibu negeri, kawasan pelabuhan, lapangan terbang utama serta sempadan utama negeri. Jumlah minimum tadahan penduduk adalah seramai 50,000 hingga 100,000 orang.
- c) Balai Bomba Kategori C – disediakan di kawasan luar bandar, Bandar Diraja, pulau, pergunungan peranginan, pekan dan daerah pentadbiran baru. Keperluan kemudahan ini disediakan mengikut tadahan penduduk seramai 50,000 orang.

v) Kemudahan Pusat Komuniti

Pusat Komuniti merupakan tempat perjumpaan umum bagi penduduk masyarakat setempat untuk melaksanakan aktiviti sosial, politik, pembelajaran dan rekreasi. Kemudahan ini berperanan untuk memupuk semangat perpaduan dan kejiranan di samping berfungsi sebagai pusat untuk melaksanakan perkhidmatan kerajaan seperti kempen kesihatan, aktiviti penerangan dan lain-lain. Pusat Komuniti

terbahagi kepada 3 kategori iaitu dewan serbaguna, dewan orang ramai dan balai raya.

vi) Kemudahan Perpustakaan Awam

Penyediaan kemudahan ini yang mencukupi adalah penting untuk mewujudkan masyarakat yang berbudaya membaca dan berilmu. Perkhidmatan Perpustakaan Awam dikendalikan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Negeri Sabah, Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Kerajaan Tempatan. Perpustakaan Awam terbahagi kepada 6 kategori iaitu Perpustakaan Negeri, Perpustakaan Metropolitan, Perpustakaan Wilayah, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Pekan dan Perpustakaan Desa.

vii) Kemudahan Kebajikan (Kanak-kanak, warga tua dan OKU)

Kemudahan ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

- a) Kanak-kanak – di bawah kemudahan kanak-kanak, satu perkhidmatan telah diwujudkan iaitu Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK). Ia merupakan satu usaha yang menyeluruh, sistematik serta berkesan dalam usaha mencegah penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. Terdapat 142 buah PAKK di seluruh negara.

- b) Warga Emas – takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di ‘*World Assembly On Ageing 1982*’ di Vienna. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah diwujudkan seperti yang dicatatkan dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara. Pusat ini menjalankan pelbagai aktiviti dan program untuk warga emas yang berumur 56 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan boleh menguruskan diri tanpa bantuan. Terdapat 22 buah PAWE di seluruh negara.
- c) Orang Kurang Upaya (OKU) – bagi tujuan pendaftaran, OKU dikategorikan kepada penglihatan, pendengaran, fizikal, masalah pembelajaran, pertuturan dan mental pelbagai. Satu perkhidmatan di bawah kemudahan kebajikan OKU ialah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Di Malaysia telah membina 428 buah PDK yang memberi tumpuan kepada OKU yang memerlukan pemulihan dan latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian. Pusat ini dilaksanakan di masyarakat setempat dengan diberi sokongan daripada perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan.

Piawaian Penyediaan kemudahan ameniti di kawasan perumahan bertanah adalah seperti di Jadual 3.1 dan di kawasan perumahan berbilang tingkat seperti di Jadual 3.2. Contoh susun atur kemudahan ameniti adalah seperti di Lampiran 1.

Jadual 3.1 : Piawaian Penyediaan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Perumahan Bertanah

Bil.	Jenis Kemudahan	Piawaian Penyediaan	Keluasan Minimum	Jarak Kesampaian
1	Poliklinik	15,000 – 20,000 orang	2 hektar	1.0 km
2	Tadika	2,500 penduduk	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <8 kelas : 0.1 hektar ▪ 8 kelas : 0.2 hektar 	400 m (5 minit berjalan kaki)
3	Sekolah Rendah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Min – 3,000 penduduk (12 bilik darjah) ▪ Mak – 10,800 penduduk (40 bilik darjah) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tanah rata : 2 – 4 hektar. ▪ Tanah berbukit / cerun landai : 3 - 4 hektar. 	Mak – 0.8 km (5 – 10 minit berjalan kaki)
4	Sekolah Menengah	9,000 penduduk	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tanah rata : 3 – 6 hektar. ▪ Tanah berbukit / cerun landai : 4 - 6 hektar. 	Mak – 1.6 km (10 – 20 minit berjalan kaki)
5	Pondok Polis	5,000 – 10,000 penduduk	0.4 – 0.8 hektar	1.5 km
6	Balai Raya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Min – 1,000 penduduk ▪ Mak – 3,000 penduduk 	0.1 – 0.4 hektar	400 m (5 minit berjalan kaki)
7	Dewan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Min – 3,000 penduduk ▪ Mak – 10,000 penduduk 	0.1 – 0.6 hektar	0.8 km (10 minit berjalan kaki)
8	Dewan Serbaguna	10,000 penduduk	0.1 – 0.8 hektar	1.0 km
9	Perpustakaan	7 5,000 – 10,000 penduduk	0.1 – 0.2 hektar	1.0 km

Jadual 3.2 : Piawaian Penyediaan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Perumahan Berbilang Tingkat

Bil.	Jenis Kemudahan	Piawaian Penyediaan	Keluasan Minimum
1	Tadika	1 tadika bagi setiap 200 unit kediaman	Pangsapuri Kos Rendah: - 65.0 mp (700 kp)
2	Surau	1 surau bagi setiap 200 unit kediaman	185.8 mp (2,000 kp)
3	Dewan	dewan (bangunan berasingan) bagi setiap 300 unit kediaman	185.8 mp (2,000 kp) * Ruang bawah bangunan boleh dijadikan sebagai dewan jika jumlah unit kediaman tidak mencapai 300 unit.
<p>Catatan: Selain daripada kemudahan ameniti di atas, pembangunan perumahan berbilang tingkat boleh menyediakan elemen-elemen kemudahan lain seperti kolam renang, rumah kelab dan sebagainya yang merupakan harta bersama (<i>common property</i>) bagi penghuni yang diuruskan oleh perbadanan pengurusan (<i>management corporation</i>) yang dilantik.</p>			

3.6 Pencapaian Perumahan Kos Rendah

3.6.1 Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kedua – Keenam

Pihak sektor awam dan swasta telah berusaha untuk membina perumahan kos rendah yang mencukupi dan berkualiti dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Keenam. Pencapaian pembinaan perumahan kos rendah oleh sektor awam dan swasta dapat

dilihat dalam rancangan-rancangan lima tahun lalu seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3 : Pencapaian Perumahan Kos Rendah Oleh Sektor Swasta Dan Awam

Rancangan Malaysia	Kedua	Ketiga	Keempat	Kelima	Keenam
Sektor Swasta					
Unit Sasaran	81,132	232,690	90,000	374,100	21,700
Unit Siap	64,862	100,490	19,170	90,064	21,700
Pencapaian %	80.0	85.7	21.3	24.1	100.0
Sektor Awam					
Unit Sasaran	44,000	73,500	176,500	120,900	24,430
Unit Siap	13,244	26,250	71,310	74,332	10,669
Pencapaian %	30.0	36.0	40.4	61.5	43.7

Sumber : Diubahsuai daripada Ghani dan Lee (1997 : 41- 42)

3.6.2 Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000)

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000), pihak sektor awam dan swasta telah berjaya membina sebanyak 800,000 unit untuk semua jenis perumahan termasuk 200,000 unit rumah kos rendah. Jadual 3.4 hanya menunjukkan statistik untuk perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah yang dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta. Perumahan kos sederhana rendah meliputi 43.8% (350,000 unit) komponen perumahan dalam rancangan tersebut. Manakala sebanyak 25.0% (200,000 unit) pula terdiri daripada perumahan kos rendah. Dalam tempoh tersebut, sektor swasta mendominasi pembangunan perumahan kos rendah yakni sebanyak 70.0% iaitu 140,000 unit rumah kos rendah dan sejumlah 69.0%

dalam pembinaan rumah kos sederhana rendah yang melibatkan 240,000 unit.

Terdapat beberapa langkah yang diambil untuk mempercepat pembangunan perumahan kos rendah bagi sektor swasta melaksanakan projek perumahan baru. Antaranya adalah menggalakkan sektor bank dan institusi kewangan memberi kelonggaran pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah dan tidak tetap. Di samping itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui anak syarikatnya Malaysian *Building Society* Berhad turut terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah.

Jadual 3.4 : Bilangan Perumahan Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah (RMKe-7)

Program	Unit Kos Rendah		Unit Kos Sederhana Rendah	
	Unit	%	Unit	%
Sektor Awam	60,000	30.0	110,000	31.0
Perumahan awam kos rendah	29,000		-	
Perumahan agensi komersial	23,000		16,000	
Perumahan skim pembangunan tanah	8,000		1,000	
Kuarters dan kediaman lain	-		-	
Sektor Swasta	140,000	70.0	240,000	69.0
Pemaju swasta	137,000		237,000	
Syarikat-syarikat kerjasama	3,000		3,000	
Jumlah unit	200,000	100.0	300,000	100.0
Jumlah sasaran perumahan %	25.0%		43.8 %	

Sumber : Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000)

Melalui program perumahan awam kos rendah, terdapat satu rekabentuk baru diperkenalkan dengan tujuan mengoptimumkan penggunaan tanah melalui penambahan kepadatan dan mengurangkan kos binaan. Malahan kerajaan juga akan terus menyediakan peruntukan kepada Kerajaan Negeri bagi menyiapkan pembinaan rumah kos rendah yang sedang dalam peringkat pembinaan. Pengemaskinian pendaftaran permohonan rumah kos rendah pada peringkat Kerajaan Negeri boleh membantu pembahagian rumah kos rendah dibuat secara teratur dan memastikan golongan sasaran sahaja yang layak memiliki keistimewaan skim ini.

3.6.3 Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (2001 – 2005)

Sebanyak 844,043 unit rumah telah dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan termasuk 200,513 unit rumah kos rendah iaitu 86.4% daripada sasaran rancangan oleh sektor awam dan swasta. Sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan pembinaan rumah kos rendah, Syarikat Perumahan Negara Malaysia Berhad (SPNB) melaksanakan projek perumahan bagi memenuhi keperluan perumahan penduduk. Dalam tempoh rancangan tersebut, SPNB melaksanakan Program Perumahan Mampu Milik, Program Perumahan Mesra Rakyat dan projek perumahan anggota tentera.

Sebanyak 103,219 unit rumah kos rendah iaitu 53.8% telah dibina oleh sektor awam termasuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) manakala sektor swasta telah membina 97,294 unit iaitu 243.2% daripada sasaran rancangan. Bagi memastikan bekalan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah mencukupi, projek pembangunan bercampur oleh pemaju swasta terus dilaksanakan berpandukan dasar yang menetapkan kuota 30% bagi rumah kos rendah.

Di samping itu, sebanyak 27,006 unit rumah kos rendah telah dibina untuk golongan berpendapatan rendah dalam tempoh rancangan tersebut di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Program tersebut dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang kebanyakannya dibina di bandar kecil dan di kawasan subbandar. Manakala sebanyak 37,241 unit rumah kos rendah juga telah dibina dan disewa kepada golongan yang tinggal di kawasan bandaraya dan bandar utama di bawah Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPRB) yang bertujuan untuk menempatkan semula setinggan. Daripada jumlah tersebut, 24,654 unit rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur manakala 12,587 unit di bandar utama lain di seluruh negara.

3.6.4 Perumahan Kos Rendah dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010)

Untuk memastikan rumah yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah, kerajaan terus berusaha untuk mempercepatkan penyiapan projek yang sedang dalam pembinaan yang melibatkan 24,757 unit rumah kos rendah dalam tempoh rancangan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Di samping itu, sebanyak 43,800 unit rumah kos rendah untuk disewa dan dijual akan dibina bagi memenuhi permintaan oleh golongan berpendapatan rendah yang dijangka meningkat.

Dalam tempoh rancangan tersebut, SPNB juga akan membina sebanyak 26,120 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan bandar dan subbandar. Manakala sebanyak 3,050 unit rumah kos rendah akan dibina di kawasan luar bandar di bawah Program Perumahan Mesra Rakyat. Di samping itu, SPNB juga akan membaik pulih 11,000 unit rumah terbenhkalai daripada pelbagai projek perumahan di seluruh negara serta membina 166 rumah di Kedah dan 900 rumah di Pulau Pinang untuk penempatan semula mangsa tsunami.

3.6.5 Perumahan Kos Rendah Negeri Pulau Pinang

Kedudukan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada sebuah pulau dan sebahagian kecil daripada tanah besar menyebabkan negeri ini mengalami

masalah kekurangan tanah. Kekurangan tanah yang sesuai untuk pembangunan mendorong kepada kenaikan harga tanah terutamanya yang melibatkan kawasan bandar dan pusat bandar. Lantaran itu, negeri ini mengalami masalah yang kritikal dari segi pembekalan perumahan kos rendah. Tambahan pula, pemaju juga terpaksa menanggung kos-kos lain yang berkaitan dengan pembangunan perumahan dan situasi ini mendorong pemaju membina perumahan kos sederhana dan tinggi kerana ingin mengelakkan kerugian serta mendapat pulangan yang lebih lumayan dalam pasaran hartanah tempatan.

Sebanyak RM500 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina rumah mampu milik di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah melantik HBD Singapore untuk menjalankan pembinaan rumah mampu milik berkualiti di Malaysia. Sejak tahun 2008, sebanyak 11,596 unit rumah mampu milik di antara harga RM72,500 ke RM220,000 telah dibina di Batu Kawan oleh *Penang Development Corporation* (PDC). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,806 unit adalah rumah kos rendah seperti Jadual 3.5 di bawah:

Jadual 3.5 : Rumah Kos Rendah Dibina Di Pulau Pinang

Sektor	Rumah Kos Rendah	
	Bil. Unit	Peratus (%)
Awam	1,194	31.4
Swasta	2,612	68.6
Jumlah	3,806	100.0

Daripada jumlah 3,806 unit rumah kos rendah, didapati bahawa sektor swasta telah membina 2,612 unit rumah kos rendah iaitu 68.6% manakala sektor awam telah membina 1,194 unit rumah kos rendah iaitu 31.4%.

3.7 Rumusan Bab

Perumahan kos rendah merupakan satu skim perumahan yang menjadi perhatian banyak pihak, tetapi masih banyak masalah yang belum diselesaikan. Pelbagai faktor dikaitkan dengan masalah-masalah yang timbul dan antaranya ialah faktor kos pembangunan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memberi pelbagai insentif untuk menggalakkan pembinaan perumahan kos rendah, menggalakkan sektor bank dan institusi kewangan memberi kelonggaran pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah dan tidak tetap. Di samping itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah dan sebagainya.

Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pihak swasta perlu bekerjasama menggembeng tenaga mengatasi masalah yang timbul dalam sektor perumahan. Masalah seperti kekurangan kemudahan amenities dalam perumahan kos rendah tidak sepatutnya berlaku jika kerajaan benar-benar ingin meningkatkan taraf penduduk di kawasan sedemikian. Malahan kerajaan juga perlu peka dengan persekitaran kejiranan di kawasan perumahan kos rendah agar masalah sosial di situ dapat dikurangkan dan

dapat diatasi sepenuhnya. Garis panduan yang digubal oleh pihak berkuasa harus seiring dengan perkembangan semasa sosioekonomi penduduk perumahan kos rendah. Justeru itu, perubahan perlu dilakukan dari masa ke semasa agar tindakan atau langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah yang timbul boleh diambil dengan segera.

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pengenalan

Metodologi kajian adalah penting untuk menjawab permasalahan kajian. Oleh itu, perlu memilih kaedah yang paling sesuai dan efektif untuk menjalankan kajian ini. Bagi tujuan tersebut, metodologi yang dirangka adalah berdasarkan kepada fasa yang dibentuk oleh Grazino dan Rautin (1996) dimana ia melibatkan pengwujudan idea, pemilihan rekabentuk, kaedah pengumpulan data, penentuan populasi, pemerhatian, penganalisan data dan sebagainya bagi menghasilkan ketepatan dan kesahihan keputusan dalam kajian ini.

Dalam bab ini akan menerangkan lebih lanjut mengenai metodologi yang akan digunakan yang merangkumi kerangka teoritikal kajian, rekabentuk kajian, pengumpulan data kajian, instrumen kajian, persampelan kajian dan penganalisan kajian bagi menyokong dan menguatkan penemuan kajian untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang dikemukakan.

4.2 Kerangka Teoritikal Kajian

Terdapat tujuh fasa dalam proses kajian ini iaitu:

- i) Fasa penjanaan idea.
- ii) Fasa penentuan masalah.
- iii) Fasa merekabentuk prosedur.
- iv) Fasa pengumpulan data.
- v) Fasa penganalisan data.
- vi) Fasa interpretasi.
- vii) Fasa komunikasi.

Fasa penjanaan idea merupakan langkah asas kepada kajian ini iaitu pengwujudan konsep rangka kajian kepada penyelidikan yang akan dijalankan. Fasa ini sering dikaitkan dengan fasa penentuan masalah iaitu akan mengaitkan masalah penyelidikan dengan teori-teori yang sedia ada, mendefinisikan isu masalah yang berkaitan dengan kepentingan kajian ini. Dalam fasa ini juga akan memperhalusi idea sebelum soalan yang dirangka untuk kajian ini.


Fasa merekabentuk prosedur pula akan menentukan setiap prosedur yang sesuai dan akan digunakan di dalam pengumpulan dan penganalisan data. Langkah ini bermula dari peringkat menentukan keperluan dan penjenisan soal selidik sehingga kepada kaedah pengumpulan data dan maklumat.

Fasa penganalisan data pula merangkumi kaedah-kaedah analisis data yang dikumpul dengan menggunakan prosedur statistikal yang bersesuaian, dalam kajian ini prosedur statistikal yang digunakan ialah SPSS. Fasa interpretasi pula akan membandingkan keputusan yang didapati dengan teori sedia ada (adakah keputusan menyokong teori?) Fasa terakhir ialah fasa komunikasi iaitu penyediaan laporan bertulis ataupun oral terhadap hasil-hasil setelah penyelidikan selesai dilakukan.

4.3 Rekabentuk Kajian

Menurut Merriam (2002), kajian kes adalah satu bentuk kajian untuk mengenal pasti maksud dan pemahaman sesuatu keadaan ataupun persekitaran. Yin (2003) pula menyatakan rekabentuk kajian sebagai proses permulaan kajian iaitu kenal pasti persoalan kajian sehingga ke proses penamatan kajian iaitu rumusan kajian. Beliau turut menyimpulkan bahawa keperluan menjalankan sesuatu kajian kes adalah berkait rapat dengan persoalan seperti 'bagaimana atau mengapa'.

Memandangkan persoalan kajian bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mendapat persepsi para penghuni ke atas kemudahan ameniti yang disediakan di kawasan perumahan kos rendah, maka kajian kes merupakan pilihan yang lebih sesuai digunakan. Cadangan rekabentuk kajian ini adalah seperti di Rajah 4.1.



Rajah 4.1 : Rekabentuk Kajian

4.4 Pengumpulan Data Kajian

Kajian ini akan dijalankan melalui pengumpulan data primer dan data sekunder yang bersifat kuantitatif dan kualitatif. Data primer ialah data yang diperolehi oleh penyelidik melalui pemerhatian, temuduga dan kaedah soal selidik yang dijalankan di kawasan kajian yang berkenaan. Manakala data sekunder ialah data yang diperolehi dari artikel-artikel, buku-buku, tesis-tesis, laporan-laporan, *website*, kertas-kertas kerja / seminar dan penerbitan-penerbitan yang berkaitan.

4.4.1 Peringkat Pengumpulan Data

Terdapat tiga jenis pengumpulan data primer yang lazim dibuat oleh penyelidik seperti berikut:

- i) Banci – Merupakan penghitungan yang menyeluruh terhadap semua anggota kumpulan yang menjadi subjek kajian. Kumpulan data meliputi seluruh populasi yang dikaji dimana liputan dalam banci adalah 100.0%.
- ii) Tinjauan Biasa (pemberita) – Tinjauan ini dilakukan untuk mengetahui pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu. Pemilihan orang yang ditemubual tidak berdasarkan statistik. Liputan tinjauan ini adalah kurang daripada 100.0%.

iii) Tinjauan Sampel Kebarangkalian – Merupakan sekumpulan kecil unsur yang 'dicabut' daripada sesuatu rangka persampelan. Sampel merupakan subjek sesuatu populasi. Sesuatu sampel mewakili sesuatu populasi yang dikaji. Ianya sangat popular digunakan oleh penyelidik dalam bidang sains sosial.

4.4.2 Kaedah Pengumpulan Data Primer

Temubual secara terus dengan responden merupakan salah satu cara pengumpulan maklumat khususnya data mengenai latar belakang sosioekonomi dan kehendak responden di tapak kajian. Kaedah yang digunakan dalam kaji selidik ialah temubual berasaskan soalan dalam borang soal selidik.

4.4.3 Kaedah Pengumpulan Data Sekunder

Secara singkat boleh dikatakan data sekunder ialah data yang telah dikumpulkan oleh pihak lain. Ia boleh diperolehi melalui buku-buku, tesis-tesis, artikel-artikel, laporan-laporan kajian dan lain-lain lagi sumber data sekunder yang berkaitan dengan skop kajian penyelidikan. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada data sekunder bukan sahaja boleh digunakan untuk menyokong idea-idea ataupun teori-teori kajian ini, malah ia boleh dijadikan sebagai bahan rujukan ataupun panduan penyelidikan.

4.5 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang dibangunkan berdasarkan objektif kajian bagi membolehkan penyelidik mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan persepsi penghuni ke atas kemudahan amenities yang disediakan di kawasan perumahan kos rendah. Soal selidik mengandungi tujuh bahagian iaitu:

- i) Bahagian A (Latar belakang responden).
- ii) Bahagian B (Jenis kemudahan amenities yang disediakan – sejajar dengan objektif pertama kajian ini).
- iii) Bahagian C (Kualiti kemudahan amenities yang disediakan – sejajar dengan objektif pertama kajian ini).
- iv) Bahagian D (Tahap kekerapan penggunaan kemudahan amenities – sejajar dengan objektif kedua kajian ini).
- v) Bahagian E (Tahap pengendalian / pengoperasian kemudahan amenities – sejajar dengan objektif ketiga kajian ini).
- vi) Bahagian F (Persepsi penghuni terhadap keberkesanan kemudahan amenities dalam interaksi sosial – sejajar dengan objektif keempat kajian ini).
- vii) Bahagian G (Rumusan dan cadangan penambahbaikan – sejajar dengan objektif kelima kajian ini).

4.6 Persampelan Kajian

Pembangunan yang pesat, tanah yang terhad, kenaikan harga bahan mentah pembinaan serta kekurangan tenaga kerja telah menyebabkan kos perumahan meningkat dengan mendadak. Salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini ialah melalui pelaksanaan projek perumahan kos rendah ataupun perumahan kos mampu milik. Namun, pembinaan perumahan kos rendah adalah tidak bermakna jika penghuni tidak dapat menikmati kesejahteraan kehidupan yang selesa. Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa kepuasan terhadap perumahan akan mempengaruhi kualiti hidup (Lawrence, 1995; Husna dan Nurizan, 1987).

Kajian daripada Sulong Mohamad (1984); Zakiyah Jamaluddin (1995); Mohd Razali Agus (1993) juga telah mendapati bahawa terlalu banyak aduan dan rungutan oleh penghuni perumahan kos rendah terutamanya yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pemaju. Justeru itu, dua kawasan perumahan kos rendah iaitu Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah, Pulau Pinang telah dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- i) Jenis perumahan kos rendah yang banyak terdapat di Pulau Pinang.
- ii) Kawasan perumahan kos rendah yang terletak di kawasan bandar.
- iii) Mempunyai bilangan penghuni yang ramai.
- iv) Penghuni yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang.

- v) Kawasan yang mempunyai pelbagai kemudahan amenities.
- vi) Aktif dengan aktiviti kemasyarakatan seperti kewujudan persatuan penduduk ataupun rukun tetangga.

Pengambilan sampel responden dibuat secara rawak yang melibatkan seramai 800 orang responden. Walau bagaimanapun, hanya 90% responden iaitu 720 orang sahaja yang telah mengemukakan maklumbalas dimana 360 orang di Pangsapuri Pelangi dan 360 orang di Flat Teluk Indah. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Untuk mengelakkan berlaku kekeliruan ataupun tidak memahami soalan-soalan yang dikemukakan, taklimat mengenai soalan-soalan turut diberikan sebelum responden menjawab soal selidik berkenaan.

4.7 Penganalisan Kajian

Prosedur statistik SPSS version 16 digunakan untuk menganalisis data dan maklumat yang diperolehi supaya dapat dikaitkan antara satu dengan yang lain. Penggunaan prosedur statistik SPSS adalah kerana ia didapati dapat mempercepatkan proses penganalisan dan dapat mengeluarkan hasil yang tepat. Keputusan analisis ditunjukkan dalam bentuk graf dan jadual (mengikut kekerapan dan peratusan) serta jadual silang (*cross-tab*). Statistik *Pearson Chi-Square* digunakan untuk melihat perkaitan di antara soalan sama ada ianya mempunyai signifikan ataupun tidak dan aras perkaitan yang diambil kira ialah pada tahap >0.05 .

4.8 Rumusan Bab

Perbincangan mengenai kaedah metodologi kajian yang digunakan amat penting dalam memastikan kaedah penyelidikan yang dipilih mampu menjawab persoalan kajian ini. Seterusnya perbincangan mengenai kerangka teoritikal kajian, rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, persampelan kajian dan penganalisan data telah dikupaskan bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahihan terhadap penemuan ini. Adalah harapan agar bab ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai kaedah metodologi kajian yang digunakan.

BAB 5

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Terdapat dua lokasi kawasan yang dipilih untuk kajian ini iaitu perumahan kos rendah Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah. Pangsapuri Pelangi merupakan sebuah kawasan perumahan kos rendah yang terletak di dalam Pulau Pinang (*in land*), manakala Flat Teluk Indah merupakan kawasan perumahan kos rendah yang terletak di dalam daerah Seberang Perai Tengah (*main land*). Tujuan mengadakan pengajian di dua lokasi ini adalah untuk memperolehi data-data responden daripada dua kawasan perumahan tersebut supaya dapat membuat perbandingan di antaranya serta menyakinkan penemuan yang diperolehi nanti. Terdapat persamaan di kedua-dua kawasan perumahan tersebut seperti ia merupakan kawasan perumahan kos rendah, terletak di kawasan yang berhampiran dengan bandar, kedudukan yang strategik, penghuni-penghuni yang berbilang kaum, status sosioekonomi dan sebagainya.

5.2 Latar Belakang Perumahan Pangsapuri Pelangi

Perumahan kos rendah Pangsapuri Pelangi merupakan kawasan yang menghadap laut, ia terletak di Lintang Macallum, Daerah Timur Laut, Negeri Pulau Pinang dan di bawah pentadbiran pihak berkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Projek perumahan kos rendah ini merupakan salah satu projek perumahan yang menawarkan harga RM60,000 hingga RM80,000 seunit bergantung kepada keluasan (650 kp dan 800 kp). Pangsapuri Pelangi siap dibina pada November 1997 oleh IJM Land Berhad dan kemudiannya diserahkan kepada PDC Setia Urus Sdn. Bhd. Kawasan perumahan ini meliputi 5 Blok utama (dinamakan blok 3,5,7,9 dan 11), setiap blok mempunyai jumlah unit yang sama iaitu dengan ketinggian 16 tingkat yang dilengkapi dengan 12 unit setiap tingkat. Ia telah menyediakan sebanyak 960 unit rumah kos rendah secara keseluruhan.

Cara pengagihan rumah kos rendah ini telah dilakukan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan membuat pemilihan kepada penduduk yang layak sahaja dan menyerahkan nama tersebut kepada pihak PDC Setia Urus Sdn. Bhd. untuk proses penawaran. Anggaran penduduk yang tinggal di kawasan perumahan ini adalah seramai 5,300 orang yang terdiri daripada penjawat awam, pekerja sektor swasta, peniaga, pekerja kilang dan sebagainya. Kebanyakan penduduk adalah berasal dari kawasan lain seperti Jelutong, Gelugor, Balik Pulau, dari luar negeri Pulau Pinang dan juga penduduk dari negeri lain dengan komposisi

kaum sebanyak 45.0% merupakan kaum Cina, 35.0% kaum Melayu, 15.0% kaum India dan 5.0% adalah daripada kaum lain.


Setiap projek pembangunan memerlukan tapak yang sesuai terutamanya jika melibatkan pembinaan sesuatu kawasan perumahan. Kawasan yang dipilih untuk pembangunan projek Pangsapuri Pelangi sebenarnya merupakan tapak pelupusan sampah, ia terletak bersebelahan dengan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu yang berdekatan dengan bandar Georgetown, 6 km daripada Jambatan Pulau Pinang yang pertama dan 2 km dari Jeti Pulau Pinang. Ketersampaian ke lokasi-lokasi lain seperti pusat membeli belah, tempat kerja, kemudahan awam serta bandar berhampiran. Kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik, telekomunikasi dan sebagainya. Turut dilengkapi dengan kemudahan ameniti seperti tempat beribadat, klinik kanak-kanak, tempat aktiviti kanak-kanak, dua (2) buah sekolah rendah, dua (2) buah tadika swasta, sebuah kolej swasta, pondok polis, perpustakaan awam, dewan orang ramai dan taman kejiranan macallum.

Setiap isi rumah Pangsapuri Pelangi yang anggaran harga pasaran terkini lebih kurang RM150,000 seunit perlu membayar sebanyak RM48 sebulan kepada PDC Setia Urus Sdn. Bhd. untuk mengendalikan kerja-kerja penyelenggaraan seperti pembuangan sampah, kebersihan kawasan sekitar, kemudahan sanitasi, lif dan sebagainya. Kerja pembuangan sampah yang dimaksudkan adalah seperti pihak pengurusan akan menyediakan pekerja untuk mengutip sampah di kawasan perumahan tersebut dan

dikumpulkan di tong sampah besar dan sampah yang dikumpulkan akan dibersihkan oleh pekerja-pekerja Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengikut jadual yang telah ditetapkan. Manakala pembersihan kawasan turut diuruskan seperti mencuci longkang, koridor rumah dan sebagainya. Tanggungan insurans di Pangsapuri Pelangi adalah ditanggung oleh PCD Sdn. Bhd.

Penduduk di kawasan perumahan ini juga telah menubuhkan Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga dimana ahli-ahli jawatankuasa bagi kedua-dua penubuhan tersebut adalah terdiri daripada penduduk setempat. Penubuhan-penubuhan tersebut telah berganding bahu untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, ceramah agama, majlis sambutan perayaan, kelas tuisyen, sukaneka dan pelbagai aktiviti yang membantu mencegah masalah sosial, rekreasi, kesihatan dan sebagainya. Di samping itu, Skim Rondaan Sukarela yang ditubuhkan di bawah seliaan Rukun Tetangga juga telah menyumbang kepada membantu menjaga keselamatan penduduk kawasan seperti menghindari kejadian curi, ragut, pecah rumah, dadah dan sebagainya.

Peta kedudukan kawasan perumahan Pangsapuri Pelangi adalah seperti di Rajah 5.1 dan gambar-gambar bangunan Pangsapuri Pelangi adalah seperti di Rajah 5.2 hingga Rajah 5.5.



Rajah 5.1 : Peta Kedudukan Kawasan Perumahan Pangsapuri Pelangi



Rajah 5.2 : Papan Tanda Pangsapuri Pelangi



Rajah 5.3 : Gambaran Keseluruhan Pangsapuri Pelangi



Rajah 5.4 : Blok Bangunan Pangsapuri Pelangi



Rajah 5.5 : Rumah Pangsapuri Pelangi

5.3 Latar Belakang Perumahan Flat Teluk Indah

Perumahan kos rendah Flat Teluk Indah terletak di dalam satu skim pembangunan yang dikenali sebagai bandar Perai Jaya, Daerah Seberang Perai Tengah. Ia dihubungi oleh Jalan Baru, Lebuhraya Utara Selatan, lebih kurang 5 km daripada Pangkalan Feri Butterworth dan berhampiran dengan Megamall Pulau Pinang. Kawasan tersebut merupakan kawasan pinggir Bandar, tetapi ia mulai berkembang maju akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat. Flat tersebut adalah di bawah pentadbiran pihak berkuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai. Tapak asal kawasan perumahan ini merupakan kawasan setinggan, penduduk kediaman setinggan yang rumahnya dirobohkan ditawarkan pembelian unit kediaman flat tersebut dengan harga RM25,000 dan tingkat 10 ke atas dengan harga RM15,000 dengan keluasan rumah sebanyak 600 kp. Anggaran harga semasa ialah dalam RM50,000 seunit, salah satu faktor utama yang menyebabkan harga Flat Teluk Indah agak rendah berbanding dengan kawasan perumahan yang berhampiran adalah disebabkan hak milik strata individual tidak dikeluarkan walaupun flat ini telah disiapkan lebih 15 tahun. Hal ini kerana pemaju telah diisytiharkan bankrap dan menyebabkan geran rumah tidak diberikan kepada pemilik rumah sehingga kini.

Flat Teluk Indah meliputi 2 blok perumahan kos rendah (dinamakan blok E1 dan E2), setiap blok mempunyai jumlah unit yang sama iaitu dengan ketinggian 21 tingkat yang dilengkapi dengan 24 unit setiap tingkat. Kawasan perumahan ini telah menyediakan sebanyak 1,006 unit rumah kos


rendah secara keseluruhan dengan anggaran penghuni sebanyak 5,000 orang. Kebanyakan penduduk adalah berasal daripada Seberang Perai, Bukit Mertajam, Juru, dari luar negeri Pulau Pinang dan warga asing yang bekerja di sektor perkilangan dan tukang cuci. Kaum India merupakan penghuni yang paling ramai menginap di Flat Teluk Indah dimana sebanyak 65.0% penduduk adalah di kalangan kaum India, 18.0% kaum Melayu, 12.0% kaum Cina dan selebihnya 5.0% kaum lain. Pada asalnya, kebanyakan penduduk merupakan pekerja kilang di sekitar Perai dan Juru, sosioekonomi telah berubah kini apabila rumah disewakan kepada orang luar dimana kebanyakannya merupakan warga asing yang bekerja di kilang, tukang cuci, bekerja sendiri, membuka kedai runcit, berniaga dan sebagainya.

Kemudahan ameniti telah disediakan di kawasan perumahan Flat Teluk Indah adalah seperti dewan orang ramai, tadika / tabika swasta dan kerajaan, tempat ibadat seperti masjid dan kuil, hospital, klinik, sekolah rendah, sekolah menengah, balai polis, perpustakaan, taman permainan dan sebagainya. Setiap isi rumah perlu membayar sebanyak RM30 sebulan (premis kedai membayar RM50) untuk kerja-kerja penyelenggaraan seperti pembuangan sampah, kebersihan kawasan sekitar dan sebagainya kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB). Namun begitu, kebanyakan isi rumah tidak membayar wang penyelenggaraan tersebut dan telah menyebabkan bangunan mengalami banyak kerosakan dari segi fizikal seperti tangki air, lif, tangga dan sebagainya yang memerlukan kos pembaikan dan pemuliharaan yang tinggi. Kutipan bayaran perkhidmatan yang rendah daripada penghuni

juga mengakibatkan kos penyelenggaraan asas tidak dapat dilakukan seperti bekalan elektrik untuk *common area*, lif dan pam tangki air tidak dapat berfungsi dengan baik.

Penduduk di kawasan perumahan ini juga telah menubuhkan Rukun Tetangga dimana ahli-ahli Jawatankuasa bagi kedua-dua penubuhan tersebut adalah terdiri daripada penduduk setempat. Pelbagai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dapat dilaksanakan melalui pentadbiran Rukun Tetangga seperti sukaneka, gotong-royong, ceramah agama, pertandingan sukan, sambutan hari perayaan dan sebagainya.

Peta kedudukan kawasan perumahan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.6 dan gambar-gambar bangunan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.7 hingga Rajah 5.9.



Rajah 5.6 : Peta Kedudukan Kawasan Perumahan Flat Teluk Indah



Rajah 5.7 : Gambaran Keseluruhan Flat Teluk Indah



Rajah 5.8 : Blok Bangunan Flat Teluk Indah



Rajah 5.9 : Keadaan Dalam Bangunan Flat Teluk Indah

5.4 Penemuan Analisis Data Kajian

Responden kajian ini adalah terdiri daripada penghuni-penghuni rumah kos rendah di Pangsapuri Pelangi, Jalan Macallum, Pulau Pinang (dalam pulau) dan Flat Teluk Indah, Perai, Pulau Pinang (dalam *mainland*). Didapati bahawa terdapat 960 unit rumah telah dibina di Pangsapuri Pelangi dan penduduk adalah seramai 5,300 orang. Manakala di Flat Teluk Indah pula, sebanyak 1,006 unit rumah telah dibina dan mempunyai seramai 5,000 orang penduduk. Pengambilan sampel responden dibuat secara rawak yang melibatkan seramai 800 orang responden. Walau bagaimanapun, hanya 90.0% responden iaitu 720 orang sahaja yang telah mengemukakan

maklumbalas dimana 360 orang di Pangsapuri Pelangi dan 360 orang di Flat Teluk Indah.


Borang soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan gambaran mengenai persepsi penghuni ke atas kemudahan ameniti yang disediakan di kedua-dua kawasan perumahan kos rendah. Data-data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Keputusan analisis ditunjukkan dalam bentuk graf dan jadual (mengikut kekerapan dan peratusan) serta jadual silang (*cross-tab*). Statistik *Pearson Chi-Square* digunakan untuk melihat perkaitan di antara soalan sama ada ianya mempunyai signifikan atau tidak dan aras perkaitan yang diambil kira ialah pada tahap >0.05 .

5.4.1 Profil Responden

Pelbagai reaksi telah diterima dari responden mengenai soalan-soalan yang diketengahkan dalam kajian ini dimana ramai responden kurang memahami istilah-istilah tertentu yang tertera dalam borang soal selidik. Walau bagaimanapun, setelah diberikan penjelasan yang ringkas, majoriti responden telah memberikan kerjasama sebaik saja mereka faham mengenai soalan yang dikemukakan. Pemilihan responden telah dilakukan secara rawak dengan harapan supaya dapat memberikan maklumbalas yang seimbang terutamanya dari segi bangsa, agama, umur, jantina dan sebagainya.


Melalui kajian ini, penemuan mendapati bahawa kesemua 360 orang responden di Pangsapuri Pelangi dan 360 orang responden di Flat Teluk Indah menduduki rumah jenis berbilang tingkat iaitu pangsapuri melebihi lima tingkat. Pangsapuri Pelangi mempunyai 16 tingkat manakala Flat Teluk Indah mempunyai 21 tingkat. Daripada 360 orang responden di Pangsapuri Pelangi didapati bahawa responden yang paling banyak terlibat dalam kajian ini adalah berumur di antara 40 – 49 tahun iaitu seramai 97 orang responden (27.0%) dan 12 orang responden sahaja berumur 60 tahun dan keatas (12.0%). Bagi Flat Teluk Indah pula, responden yang paling banyak juga berumur di antara 40 – 49 tahun iaitu seramai 184 orang (51.0%) responden dan 2 orang responden sahaja yang berumur di bawah umur 21 tahun. Rajah 5.10 menunjukkan perincian bilangan responden mengikut julat umur bagi Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah.

Di Pangsapuri Pelangi didapati bahawa seramai 207 orang responden adalah lelaki (58.0%) dan 153 orang responden (42.0%) adalah perempuan manakala di Flat Teluk Indah pula, seramai 56.0% responden adalah lelaki (202 orang) dan 44.0% responden adalah perempuan (158 orang).



Rajah 5.10 : Bilangan Responden Mengikut Julat Umur

Berbanding dengan responden di kedua-dua kawasan tersebut, didapati bahawa di Flat Teluk Indah menunjukkan peratus responden yang telah berkahwin iaitu 90.0%, ia lebih tinggi berbanding dengan peratus responden di Pangsapuri Pelangi iaitu 68.0% seperti di Rajah 5.11 berikut:




Rajah 5.11 : Peratus Responden Mengikut Status Perkahwinan

Kebanyakan responden di Pangsapuri Pelangi yang belum berkahwin adalah di bawah umur 29 tahun iaitu 62.0% responden (73 orang) daripada jumlah 117 orang responden. Manakala di Flat Teluk Indah, didapati bahawa 34 orang responden iaitu 94.0% yang belum berkahwin juga di bawah umur 29 tahun daripada jumlah 36 orang responden.

Didapati daripada 720 orang responden di kedua-dua kawasan yang ditemubual, seramai 273 orang responden (38.0%) adalah bangsa Melayu, 265 orang responden (37.0%) adalah bangsa India, 158 orang responden (22.0%) adalah bangsa Cina dan 24 orang responden (3.0%) adalah lain-lain bangsa atau bukan warganegara seperti Kadazan, Siam, Indonesia dan Myanmar.

Penemuan menunjukkan bahawa peratus responden di Pangsapuri Pelangi yang terlibat dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu, Cina dan India yang peratusannya adalah lebih kurang sama iaitu dalam lingkungan 30.0%-34.0% responden. Manakala sejumlah besar responden di Flat Teluk Indah adalah bangsa Melayu iaitu seramai 273 orang (38.0%) dan India iaitu 265 orang (37.0%). Ini adalah kerana kedua-dua bangsa ini merupakan penghuni yang paling ramai tinggal di kawasan tersebut. Perincian bilangan responden mengikut bangsa di kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.12.



Rajah 5.12 : Bilangan Responden Mengikut Bangsa Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah


Analisis tahap pendidikan menunjukkan bahawa seramai 132 orang responden (37.0%) di Pangsapuri Pelangi merupakan lepasan STPM / Sijil / Diploma yang paling ramai berbanding dengan tahap pendidikan yang lain.

Manakala di Flat Teluk Indah pula, bilangan responden yang lepasan Sekolah Menengah adalah paling ramai iaitu 198 orang (55.0%). Perincian bilangan responden mengikut tahap pendidikan bagi kedua-dua kawasan perumahan adalah seperti di Jadual 5.1.

Jadual 5.1 : Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah


Tahap Pendidikan	Bilangan Responden (Orang)	
	Pangsapuri Pelangi	Flat Teluk Indah
Tiada Pendidikan Formal	37 (10.0%)	65 (18.0%)
Sekolah Rendah	42 (12.0%)	61 (17.0%)
Sekolah Menengah	108 (30.0%)	198 (55.0%)
STPM / Sijil / Diploma	132 (37.0%)	33 (9.0%)
Ijazah / Ijazah Lanjutan	41 (11.0%)	0 (0.0%)
Lain-Lain	0 (0.0%)	3 (1.0%)
Jumlah	360 (100.0%)	360 (100.0%)

Penemuan mendapati bahawa sejumlah besar responden yang terlibat dalam kajian ini adalah bekerja dengan swasta iaitu 201 orang (56.0%) di Pangsapuri Pelangi dan 243 orang (68.0%) di Flat Teluk Indah. Perincian bilangan responden mengikut pekerjaan bagi kedua-dua kawasan perumahan adalah seperti di Rajah 5.13.




Rajah 5.13 : Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah

Pendapatan bulanan yang diperolehi oleh responden di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.14. Rajah tersebut menunjukkan bahawa 34.0% responden di Pangsapuri Pelangi iaitu 121 orang mempunyai pendapatan bulanan (RM2,000 – RM2,999) yang paling tinggi. Manakala di Flat Teluk Indah pula, kebanyakan responden mempunyai pendapatan bulanan di antara RM1,000 – RM1,999 yang melibatkan 160 orang responden (44.0%).




Rajah 5.14 : Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah

Kajian ini juga mendapati bahawa perbelanjaan bulanan responden di bawah RM1,999 di kedua-dua kawasan tersebut adalah tertinggi berbanding kategori lain iaitu 89.0% responden (320 orang) di Pangsapuri Pelangi dan 93.0% responden (334 orang) di Flat Teluk Indah. Walau bagaimanapun, di Pangsapuri Pelangi juga terdapat bilangan responden belanja lebih atau bersamaan RM3,000 sebulan iaitu seramai 13 orang (4.0%) manakala di Flat Teluk Indah tiada bilangan responden belanja lebih atau bersamaan RM3,000 sebulan seperti di Rajah 5.15.



Rajah 5.15 : Bilangan Responden Mengikut Perbelanjaan Isi Rumah Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah

Analisis jumlah isi rumah menunjukkan bahawa peratus responden mempunyai 4-6 orang isi rumah yang paling tinggi berbanding dengan kategori lain di kedua-dua kawasan iaitu 68.0% responden di Pangsapuri Pelangi dan 49.0% responden di Flat Teluk Indah. Fenomena ini berlaku kemungkinan disebabkan faktor keselesaan dan rekabentuk rumah yang tidak sesuai dan terlalu kecil bagi mereka yang mempunyai keluarga yang besar (Zakiyah Jamaluddin, 1995). Perincian bilangan responden mengikut saiz isi rumah bagi kedua-dua kawasan perumahan adalah seperti di Rajah 5.16.



Rajah 5.16 : Perincian Bilangan Responden Mengikut Saiz Isi Rumah Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah

Didapati bahawa kebanyakan responden menduduki rumah mereka di Pangsapuri Pelangi adalah dalam tempoh masa lebih atau bersamaan 5 tahun iaitu 252 orang (70.0%) dan hanya segelintir sahaja iaitu 6 orang (2.0%) yang telah menduduki rumah dalam tempoh masa kurang daripada 1 tahun. Begitu juga dengan responden di Flat Teluk Indah, seramai 167 orang responden (46.0%) telah menduduki rumah mereka dalam tempoh

masa lebih atau bersamaan 5 tahun dan kategori ini adalah tertinggi berbanding dengan kategori lain. Hanya 36 orang responden iaitu 10.0% sahaja telah menduduki rumah dalam tempoh masa kurang daripada setahun.

Penemuan didapati daripada 360 orang responden di Pangsapuri Pelangi, seramai 250 orang (69.0%) adalah pemilik dan 110 orang (31.0%) adalah penyewa. Bagi responden di Flat Teluk Indah pula, seramai 232 orang (64.0%) adalah pemilik dan 128 orang (36.0%) adalah penyewa. Kebanyakan responden di kedua-dua kawasan ini adalah berasal daripada Negeri Pulau Pinang iaitu seramai 77.0% responden.

5.4.2 Jenis Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Perumahan


Jenis kemudahan ameniti utama yang disediakan secukupnya dengan keluasan tertentu adalah berpandukan kepada piawaian tadahan penduduk sesebuah kawasan perumahan di dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (2013). Kebanyakan jenis kemudahan yang disediakan adalah berpandukan kepada garis panduan tersebut.

Di Pangsapuri Pelangi, jenis kemudahan ameniti yang disediakan adalah seperti berikut:

- i) Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) (dalam kawasan bangunan – blok 3)

- ii) Tadika swasta (dalam kawasan bangunan – blok 5)
- iii) Surau dan tokong (dalam kawasan bangunan – blok 7)
- iv) Dewan orang ramai (dalam kawasan bangunan – blok 9)
- v) Klinik percuma kanak-kanak (dalam kawasan bangunan – blok 11)
- vi) Pondok polis (dalam kawasan bangunan – blok 11)
- vii) Taman permainan kanak-kanak (dalam kawasan bangunan)
- viii) Sekolah rendah cina, Kolej Olympia dan perpustakaan awam (dalam lingkungan 1 km)

Peta kedudukan kemudahan ameniti di Pangsapuri Pelangi adalah seperti di Rajah 5.17.




Rajah 5.17 : Peta Kedudukan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Manakala di Flat Teluk Indah pula, jenis kemudahan amenities yang disediakan adalah seperti berikut:

- i) Tadika kerajaan (di dalam SJK (T) Ladang Prye, sebelah bangunan)
- ii) Sekolah rendah tamil (sebelah bangunan)
- iii) Sekolah Menengah Kebangsaan Perai (dalam lingkungan 800 m)
- iv) Surau, kuil, taman permainan kanak-kanak dan dewan orang ramai (dalam kawasan bangunan)
- v) Klinik kesihatan (dalam lingkungan 2 km)
- vi) Balai polis (dalam lingkungan 3 km)
- vii) Bomba dan hospital yang mempunyai doktor pakar (dalam lingkungan 4 km)
- viii) Perpustakaan negeri (dalam lingkungan 5 km)

Peta kedudukan kemudahan amenities di Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.18.




Rajah 5.18 : Peta Kedudukan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Flat Teluk Indah

Gambar jenis kemudahan amenities di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah seperti di Lampiran 2. Daripada penemuan yang diperolehi didapati bahawa tiada alternatif yang digunakan oleh penghuni-penghuni untuk mengatasi masalah kekurangan kemudahan amenities yang disediakan di kedua-dua kawasan tersebut. Ini bermaksud penghuni-penghuni hanya akan menggunakan kemudahan amenities sedia ada di dalam kedua-dua kawasan tersebut.

5.4.2.1 Kemudahan Kesihatan


Kajian telah menunjukkan bahawa di kawasan Pangsapuri Pelangi, jenis kemudahan kesihatan yang disediakan hanya kategori primer sahaja, antaranya adalah seperti klinik ibu dan anak (50.0%), klinik kesihatan (37.0%), klinik 1Malaysia (14.0%), klinik desa (12.0%), klinik bergerak (6.0%) dan klinik bergerak 1Malaysia (1.0%). Jenis kemudahan kesihatan yang disediakan di kawasan Pangsapuri Pelangi adalah seperti di Rajah 5.19.



Rajah 5.19 : Jenis Kemudahan Kesihatan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Bagi kawasan di Flat Teluk Indah pula, jenis kemudahan kesihatan yang disediakan adalah meliputi ketiga-tiga kategori iaitu primer, sekunder dan tertier, antaranya adalah klinik kesihatan (94.0%), hospital yang mempunyai doktor pakar (58.0%), klinik desa (6.0%), klinik ibu dan anak


(3.0%), klinik 1Malaysia (2.0%) dan hospital yang tidak mempunyai doktor pakar (1.0%). Jenis kemudahan kesihatan yang disediakan di kawasan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.20.




Rajah 5.20 : Jenis Kemudahan Kesihatan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

5.4.2.2 Kemudahan Pendidikan

Didapati bahawa jenis kemudahan pendidikan yang disediakan di sekeliling kawasan Pangsapuri Pelangi adalah tadika kerajaan atau swasta, sekolah rendah dan Institut Pengajian Tinggi iaitu Kolej Olympia seperti di Rajah 5.21. Manakala di kawasan Flat Teluk Indah, tadika kerajaan atau swasta, sekolah rendah, sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi telah disediakan seperti yang di Rajah 5.22.




Rajah 5.21 : Jenis Kemudahan Pendidikan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi




Rajah 5.22 : Jenis Kemudahan Pendidikan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

5.4.2.3 Kemudahan Keselamatan (Polis)

Penemuan didapati bahawa jenis kemudahan keselamatan yang disediakan di sekeliling kawasan rumah Pangsapuri Pelangi adalah balai polis, balai polis komuniti / pondok polis dan bit polis seperti di Rajah 5.23. Manakala responden di kawasan Flat Teluk Indah berpendapatan bahawa jenis kemudahan polis yang disediakan adalah Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) peringkat negeri, Ibu Pejabat Daerah (IPD), balai polis, balai polis komuniti / pondok polis dan bit polis seperti di Rajah 5.24.



Rajah 5.23 : Jenis Kemudahan Keselamatan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi



Rajah 5.24 : Jenis Kemudahan Keselamatan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah


5.4.2.4 Kemudahan Bomba

Didapati seramai 360 orang responden iaitu 100.0% menyatakan bahawa tiada kemudahan bomba disediakan di kawasan Pangsapuri Pelangi manakala seramai 333 orang responden (93.0%) menyatakan terdapat kemudahan bomba telah disediakan di kawasan Flat Teluk Indah.

5.4.2.5 Kemudahan Pusat Komuniti

Jenis kemudahan pusat komuniti yang disediakan di sekeliling kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah sama iaitu dewan serbaguna, dewan orang ramai, balai raya dan surau / tokong / kuil. Daripada kemudahan yang disediakan, didapati bahawa kebanyakan


responden di kedua-dua kawasan menyatakan kemudahan dewan serbaguna dan surau / tokong / kuil adalah tertinggi seperti di Rajah 5.25.



Rajah 5.25 : Jenis Kemudahan Pusat Komuniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah


5.4.2.6 Kemudahan Perpustakaan Awam

Di sekeliling kawasan Pangsapuri Pelangi, responden berpendapat bahawa semua kategori perpustakaan awam telah disediakan kecuali Perpustakaan Metropolitan. Walau bagaimanapun, seramai 197 orang responden (55.0%) menyatakan perpustakaan desa yang telah disediakan adalah tertinggi berbanding dengan kategori perpustakaan lain seperti yang ditunjukkan di Rajah 5.26. Di samping itu, kategori perpustakaan lain juga disediakan seperti perpustakaan awam dan perpustakaan bergerak.



Rajah 5.26 : Jenis Kemudahan Perpustakaan Awam Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi


Manakala di sekeliling kawasan Flat Teluk Indah, jenis kategori kemudahan perpustakaan awam yang disediakan adalah perpustakaan negeri, perpustakaan wilayah, perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa seperti di Rajah 5.27.




Rajah 5.27 : Jenis Kemudahan Perpustakaan Awam Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

5.4.2.7 Kemudahan Kebajikan

Kajian telah menunjukkan bahawa sebahagian besar responden (91.0%) menyatakan bahawa jenis kemudahan kebajikan yang disediakan adalah taman permainan untuk kanak-kanak di kedua-dua kawasan kajian. Walau bagaimanapun, terdapat 60.0% responden daripada Pangsapuri Pelangi menyatakan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan padang bola sepak (0.3% responden) telah disediakan di kawasan tersebut seperti di Rajah 5.28. Di kawasan Flat Teluk Indah pula, hanya segelintir responden menyatakan kemudahan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah disediakan seperti di Rajah 5.29.



Rajah 5.28 : Jenis Kemudahan Kebajikan Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi



Rajah 5.29 : Jenis Kemudahan Kebajikan Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

5.4.3 Kualiti Kemudahan Ameniti

Sebanyak 69.0% responden daripada Pangsapuri Pelangi adalah berpuas hati dengan adanya kemudahan ameniti yang disediakan seperti klinik kanak-kanak, tadika swasta, sekolah rendah, Kolej Olympia, pondok polis, dewan orang ramai, surau, tokong, perpustakaan awam, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan taman permainan kanak-kanak seperti di Jadual 5.2. Seramai 253 orang responden (70.0%) juga berpuas hati dengan kesesuaian kemudahan ameniti yang disediakan. Walau bagaimanapun, ramai responden iaitu 48.0% responden tidak puas hati dengan keadaan atau kualiti kemudahan ameniti yang disediakan terutamanya taman permainan kanak-kanak dimana kualiti alat permainan adalah kurang dan tidak tahan lasak. Alat permainan di kawasan tersebut seperti buaian, jongkang-jongkit dan papan geluncur didapati sudah lama dan telah rosak. Di samping itu, sekeliling kawasan taman permainan tersebut tidak terjaga dan ditumbuhi lalang serta dipenuhi dengan najis binatang seperti najis anjing yang mengganggu *sensitiviti* sesetengah kaum.

Sebanyak 44.0% responden (158 orang) menyatakan bahawa kemudahan ameniti yang disediakan adalah tidak mencukupi di sekeliling kawasan tersebut. Hospital tidak disediakan dan mereka perlu mendapat rawatan bagi kes-kes yang serius di hospital jauh daripada kawasan rumah iaitu lebih kurang 10 km. Kemudahan bomba juga tidak disediakan dan ini menyebabkan mereka rasa kurang selamat sekiranya ada berlaku kebakaran di pangsapuri tersebut. Selain itu, Pusat Aktiviti Warga Emas

(PAWE) juga tidak disediakan dan ini menyebabkan program atau aktiviti yang bersesuaian untuk warga emas yang berumur lebih 56 tahun ke atas kurang dilaksanakan. Tadika kerajaan tidak disediakan di kawasan perumahan tersebut. Penghuni terpaksa menanggung kos pendidikan pra-sekolah yang tinggi di tadika swasta iaitu RM300 untuk yuran pendaftaran setahun dan RM150 bulanan. Ini telah menjadi satu beban kepada penghuni kerana kebanyakan responden berpendapatan kurang daripada RM2,999 iaitu 79.0%. Sekolah menengah juga jauh daripada kawasan rumah iaitu lebih kurang 8 km. Ini juga telah mengakibatkan saiz kelas yang lebih besar di sekolah-sekolah dan meningkatkan nisbah guru-murid (MBSA, 2004). Di samping itu, didapati bahawa kemudahan-kemudahan awam yang disediakan juga tidak mencukupi seperti lampu jalan raya dan tempat letak kenderaan. Kekurangan kemudahan amenities ini telah menyebabkan peluang penghuni-penghuni terhadap berinteraksi dan berkomunikasi (Zakiyah Jamaluddin, 1995).

Jadual 5.2 : Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Kualiti Kemudahan Ameniti	Tidak Menjawab		Puas Hati		Tidak Puas Hati	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kedapatan Kemudahan Ameniti	39	11.0	247	69.0	74	21.0
Kesesuaian Kemudahan Ameniti	32	9.0	253	70.0	75	21.0
Keadaan Kemudahan Ameniti	32	9.0	156	43.0	172	48.0
Kecukupan Kemudahan Ameniti	49	14.0	153	43.0	158	44.0

Di kawasan Flat Teluk Indah pula, seramai 277 orang responden (77.0%) berpuas hati dengan kesesuaian dan adanya kemudahan ameniti yang disediakan seperti klinik kesihatan, hospital yang mempunyai doktor pakar, tadika kerajaan, sekolah rendah, sekolah menengah, balai polis, bomba, dewan serbaguna, surau, kuil, perpustakaan negeri dan taman permainan kanak-kanak seperti di Jadual 5.3. Namun demikian, majoriti responden iaitu 60.0% responden tidak puas hati dengan keadaan atau kualiti kemudahan ameniti yang disediakan terutamanya taman permainan kanak-kanak. Taman permainan kanak-kanak di kawasan tersebut adalah kotor dan kurang dijaga dengan dipenuhi sampah sarap seperti sisa makanan, besi-besi karat dan ditumbuhi penuh dengan lalang. Alat permainan seperti buaian, jongkang-jongkit dan papan geluncur juga tidak tahan lasak dan mudah rosak.

Kajian juga menunjukkan bahawa seramai 188 orang responden (52.0%) tidak puas hati dengan kuantiti dan jenis kemudahan ameniti yang disediakan terutamanya kekurangan kemudahan kebajikan seperti Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Ini secara tidak langsung akan menyebabkan aktiviti-aktiviti terhad dapat dilaksanakan untuk kanak-kanak dan warga emas yang berumur lebih 56 tahun ke atas. Kuantiti alat permainan di taman kanak-kanak juga terhad dan ini akan menyebabkan berlaku perebutan alat permainan dan akhirnya pergaduhan berlaku antara satu sama lain disebabkan kekurangan alat permainan.

Jadual 5.3 : Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

Kualiti Kemudahan Ameniti	Tidak Menjawab		Puas Hati		Tidak Puas Hati	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kedapatan Kemudahan Ameniti	25	7.0	277	77.0	58	16.0
Kesesuaian Kemudahan Ameniti	14	4.0	277	77.0	69	19.0
Keadaan Kemudahan Ameniti	18	5.0	126	35.0	216	60.0
Kecukupan Kemudahan Ameniti	19	5.0	153	43.0	188	52.0

5.4.3.1 Perbandingan Di Antara Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Perumahan Dengan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan

Kajian ini mendapati terdapat perbezaan signifikan (0.000) di antara faktor tempoh masa menetap di kawasan perumahan dengan tahap kepuasan responden terhadap kualiti keadaan kemudahan ameniti disediakan di Pangsapuri Pelangi. Tahap ketidakpuasan adalah tinggi bagi setiap kategori tempoh masa menetap kecuali penghuni yang menduduki kurang daripada setahun di kawasan tersebut. Ini bermaksud semakin lama jangka masa menduduki kawasan tersebut maka semakin meningkat keinginan untuk mendapatkan kemudahan ameniti yang berkeadaan baik dan berkualiti seperti di Jadual 5.4.

Jadual 5.4 : Tempoh Masa Menetap Dengan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Perumahan (Tahun)	Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Puas Hati		Tidak Puas Hati			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
< 1	3	8.0	31	86.0	2	6.0	36	100.0
1 - < 3	11	15.0	21	28.0	43	57.0	75	100.0
3 - < 5	5	6.0	26	32.0	51	62.0	82	100.0
≥ 5	13	8.0	78	47.0	76	46.0	167	100.0
Jumlah	32	9.0	156	43.0	172	48.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 44.658, df = 6, Asymp. Sig = 0.000

Terdapat perbezaan signifikan (0.000) juga di antara faktor tempoh masa menetap di kawasan perumahan dengan tahap kepuasan responden terhadap kualiti keadaan kemudahan ameniti disediakan di Flat Teluk Indah seperti di Jadual 5.5. Ini menunjukkan semua kategori terutamanya responden yang telah menetap dalam tempoh 1 – 5 tahun menunjukkan tahap ketidakpuasan adalah tinggi terhadap kualiti kemudahan ameniti yang disediakan di sekeliling kawasan tersebut.

Jadual 5.5 : Tempoh Masa Menetap Dengan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Perumahan (Tahun)	Kepuasan Responden Terhadap Kualiti Keadaan Kemudahan Ameniti Disediakan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Puas Hati		Tidak Puas Hati			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
< 1	2	33.0	0	0.0	4	67.0	6	100.0
1 - < 3	3	5.0	4	6.0	56	89.0	63	100.0
3 - < 5	2	5.0	8	21.0	29	74.0	39	100.0
≥ 5	11	4.0	114	45.0	127	50.0	252	100.0
Jumlah	18	5.0	126	35.0	216	60.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 50.627, df = 6, Asymp. Sig = 0.000

5.4.4 Tahap Kekerapan Penggunaan Kemudahan Ameniti

Analisis menunjukkan bahawa secara keseluruhan sebahagian besar penghuni di Pangsapuri Pelangi kerap menggunakan kemudahan ameniti yang telah disediakan di sekeliling kawasan ini. Antara kemudahan ameniti yang paling kerap digunakan oleh responden adalah sekolah kerajaan dan surau / tokong / kuil yang disediakan iaitu 78.0%, taman permainan kanak-kanak (69.0%) dan kemudahan kesihatan (53.0%) seperti di Jadual 5.6.

Kebanyakan penghuni-penghuni (66.0%) kerap melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di kawasan Pangsapuri Pelangi seperti program sambutan hari perayaan, gotong-royong, pertandingan karaoke, pertandingan sukan, ceramah agama dan

sebagainya. Di samping itu, 63.0% responden juga aktif dan sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Penduduk atau Rukun Tetangga melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di pusat komuniti yang disediakan. Walau bagaimanapun, sebanyak 64.0% responden menyatakan bahawa aktiviti vandalisme kerap wujud di pusat komuniti. Didapati bahawa seramai 358 orang responden (99.0%) tidak menjawab mengenai penglibatan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kerana kedua-dua pusat ini tidak disediakan di kawasan Pangsapuri Pelangi.

Melalui kajian ini, penemuan mendapati bahawa kebanyakan penghuni-penghuni di Flat Teluk Indah juga kerap menggunakan kemudahan ameniti yang telah disediakan di sekeliling kawasan ini. Antara kemudahan ameniti yang paling kerap digunakan oleh responden adalah kemudahan kesihatan (81.0%), sekolah kerajaan (80.0%) dan taman permainan kanak-kanak (68.0%) seperti di Jadual 5.7.

Kebanyakan penghuni-penghuni (64.0%) juga kerap melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di kawasan Flat Teluk Indah seperti program ceramah agama, rekreasi, gotong-royong, sambutan perayaan, sukaneka dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tahap kekerapan penglibatan ini adalah kurang 2.0% berbanding dengan penghuni-penghuni di Pangsapuri Pelangi. Penghuni-penghuni juga kurang aktif dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di pusat komuniti yang disediakan berbanding dengan penghuni-penghuni di Pangsapuri Pelangi.

Namun demikian, aktiviti vandalisme lebih kerap wujud di pusat komuniti Flat Teluk Indah (73.0%) berbanding di Pangsapuri Pelangi (penghuni bukan warganegara di kawasan ini (5.0%) adalah lebih tinggi berbanding dengan penghuni di Pangsapuri Pelangi (1.0%)). Didapati bahawa sebanyak 92.0%-93.0% responden tidak menjawab mengenai penglibatan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kerana ketiga-tiga pusat ini tidak disediakan di sekeliling kawasan Flat Teluk Indah.

Jadual 5.6 : Tahap Kekurangan Penggunaan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Tahap Kekurangan Penggunaan Kemudahan Ameniti	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Mendapat rawatan daripada kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan	55	15.0	189	53.0	116	32.0
Mendaftar anak-anak belajar di sekolah kerajaan	67	19.0	280	78.0	13	4.0
Menghubungi kepada polis yang berdekatan sekiranya berlaku jenayah / rompakan	30	8.0	181	50.0	149	41.0
Menghubungi balai bomba sekiranya berlaku kebakaran	69	19.0	154	43.0	137	38.0
Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di pusat komuniti yang disediakan	40	11.0	226	63.0	94	26.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan	33	9.0	238	66.0	89	25.0
Sembahyang atau melaksanakan aktiviti di masjid / surau / tokong / kuil yang disediakan	18	5.0	279	78.0	63	18.0
Mengunjungi / meminjam buku di perpustakaan awam	65	18.0	178	49.0	117	33.0
Membawa kanak-kanak bermain di taman permainan yang disediakan	68	19.0	250	69.0	42	12.0
Aktiviti vandalisme wujud di pusat komuniti	84	23.0	231	64.0	45	13.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)	120	33.0	154	43.0	86	24.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	358	99.0	0	0.0	2	1.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	358	99.0	0	0.0	2	1.0

Sumber : Kajian Lapangan (2014)

Jadual 5.7 : Tahap Kekurangan Penggunaan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

Tahap Kekurangan Penggunaan Kemudahan Ameniti	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Mendapat rawatan daripada kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan	8	2.0	291	81.0	61	17.0
Mendaftar anak-anak belajar di sekolah kerajaan	28	8.0	287	80.0	45	13.0
Menghubungi kepada polis yang berdekatan sekiranya berlaku jenayah / rompakan	12	3.0	201	56.0	147	41.0
Menghubungi balai bomba sekiranya berlaku kebakaran	22	6.0	201	56.0	137	38.0
Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di pusat komuniti yang disediakan	58	16.0	199	55.0	103	29.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan	22	6.0	230	64.0	108	30.0
Sembahyang atau melaksanakan aktiviti di masjid / surau / tokong / kuil yang disediakan	23	6.0	217	60.0	120	33.0
Mengunjungi / meminjam buku di perpustakaan awam	133	37.0	110	31.0	117	33.0
Membawa kanak-kanak bermain di taman permainan yang disediakan	33	9.0	243	68.0	84	23.0
Aktiviti vandalisme wujud di pusat komuniti	61	17.0	261	73.0	38	11.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)	331	92.0	11	3.0	18	5.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	333	93.0	11	3.0	16	4.0
Melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Pemuliharaan Dalam Komuniti (PDK)	330	92.0	10	3.0	20	6.0

Sumber : Kajian Lapangan (2014)

5.4.4.1 Perbandingan Umur Dengan Tahap Kekerapan Mendapat Rawatan Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan Di Kawasan Perumahan

Penelitian yang dilakukan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara umur dengan tahap kekerapan mendapat rawatan daripada kemudahan kesihatan kerajaan di sekeliling kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah. Ini bermaksud penghuni di Pangsapuri Pelangi yang kerap mendapat rawatan daripada klinik atau hospital kerajaan adalah berumur di antara 30 – 39 tahun seperti di Jadual 5.8 manakala penghuni di Flat Teluk Indah adalah berumur di antara 50 – 59 tahun seperti di Jadual 5.9. Ini telah menunjukkan semua penghuni di kedua-dua kawasan tersebut memerlukan kelengkapan klinik atau hospital serta perkhidmatan yang diberikan oleh doktor kerajaan tidak kira peringkat umur.

Jadual 5.8 : Umur Dengan Tahap Kekerapan Mendapat Rawatan Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Umur (Tahun)	Tahap Kekerapan Mendapat Rawatan Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
< 21	10	32.0	12	39.0	9	29.0	31	100.0
21 - 29	14	22.0	32	51.0	17	27.0	63	100.0
30 - 39	13	14.0	67	71.0	14	15.0	94	100.0
40 - 49	7	7.0	41	42.0	49	51.0	97	100.0
50 - 59	7	11.0	30	48.0	26	41.0	63	100.0
≥ 60	4	33.0	7	58.0	1	8.0	12	100.0
Jumlah	55	15.0	189	53.0	116	32.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 48.333, df = 10, Asymp. Sig = 0.000

**Jadual 5.9 : Umur Dengan Tahap Kekurangan Mendapat Rawatan
Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan Di Kawasan
Flat Teluk Indah**

Umur (Tahun)	Tahap Kekurangan Mendapat Rawatan Daripada Kemudahan Kesihatan Kerajaan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
< 21	2	100.0	0	0.0	0	0.0	2	100.0
21 - 29	0	0.0	32	80.0	8	20.0	40	100.0
30 - 39	3	3.0	94	88.0	10	9.0	107	100.0
40 - 49	3	2.0	139	76.0	42	22.0	184	100.0
50 - 59	0	0.0	26	96.0	1	4.0	27	100.0
≥ 60	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	100.0
Jumlah	8	2.0	291	81.0	61	17.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value =1.024 , df = 8, Asymp. Sig = 0.000

5.4.4.2 Perbandingan Bangsa Dengan Tahap Kekurangan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan Di Kawasan Perumahan

Terdapat hubungan yang signifikan (0.001) di Pangsapuri Pelangi dan (0.000) di Flat Teluk Indah di antara bangsa dengan terhadap kekurangan pendaftaran anak-anak belajar di sekolah kerajaan. Semua bangsa terutamanya bangsa Cina lebih kerap mendaftarkan anak-anak mereka belajar di sekolah kerajaan bagi kedua-dua kawasan tersebut seperti di Jadual 5.10 dan 5.11. Ini bermakna kewujudan sekolah kerajaan sama ada pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah atau Institut Pengajian Tinggi merupakan satu keperluan supaya anak-anak mereka dapat belajar di sekolah kerajaan. Sekolah kerajaan yang mencukupi akan menurunkan

nisbah guru-murid dan saiz kelas juga akan menjadi lebih kecil supaya guru-guru dapat memberi fokus dan perhatian lebih semasa mengajar (Majlis Bandaraya Shah Alam, MBSA, 2004).

Jadual 5.10 : Bangsa Dengan Tahap Kekerapan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Bangsa	Tahap Kekerapan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	23	21.0	81	74.0	5	5.0	109	100.0
Cina	20	16.0	101	81.0	3	2.0	124	100.0
India	23	19.0	96	79.0	3	2.0	122	100.0
Lain-Lain	1	20.0	2	40.0	2	40.0	5	100.0
Jumlah	67	19.0	280	78.0	13	4.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value =21.655 , df = 6, Asymp. Sig = 0.001

Jadual 5.11 : Bangsa Dengan Tahap Kekerapan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan Di Kawasan Flat Teluk Indah

Bangsa	Tahap Kekerapan Pendaftaran Anak-Anak Belajar Di Sekolah Kerajaan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	4	2.0	126	77.0	34	21.0	164	100.0
Cina	0	0.0	30	88.0	4	12.0	34	100.0
India	20	14.0	116	81.0	7	5.0	143	100.0
Lain-Lain	4	21.0	15	79.0	0	0.0	19	100.0
Jumlah	28	8.0	287	80.0	45	13.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 38.459, df = 6, Asymp. Sig = 0.000

5.4.4.3 Perbandingan Bangsa Dengan Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan Di Kawasan Perumahan

Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara bangsa dengan tahap penglibatan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah. Ini menunjukkan semua bangsa terutamanya Melayu dan India lebih kerap melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di kawasan Pangsapuri Pelangi seperti di Jadual 5.12. Manakala di kawasan Flat Teluk Indah pula, bangsa Cina dan Melayu lebih kerap melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan seperti di Jadual 5.13. Ini bermakna dengan kekerapan penglibatan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan telah menunjukkan hubungan kejiranan yang positif di antara bangsa dapat dipupuk di kedua-dua kawasan kajian ini.

Jadual 5.12 : Bangsa Dengan Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Bangsa	Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	13	12.0	79	72.0	17	16.0	109	100.0
Cina	7	6.0	69	56.0	48	39.0	124	100.0
India	11	9.0	87	71.0	24	20.0	122	100.0
Lain-Lain	2	40.0	3	60.0	0	0.0	5	100.0
Jumlah	33	9.0	238	66.0	89	25.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 27.002, df = 6, Asymp. Sig = 0.000

Jadual 5.13 : Bangsa Dengan Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

Bangsa	Tahap Penglibatan Diri & Keluarga Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Yang Dilaksanakan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	17	10.0	117	71.0	30	18.0	164	100.0
Cina	2	6.0	29	85.0	3	9.0	34	100.0
India	2	1.0	71	50.0	70	49.0	143	100.0
Lain-Lain	1	5.0	13	68.0	5	26.0	19	100.0
Jumlah	22	6.0	230	64.0	108	30.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 48.323, df = 6, Asymp. Sig = 0.000

5.4.4.4 Perbandingan Saiz Isi Rumah Dengan Tahap Kekerapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan Di Kawasan Perumahan

Kajian ini menunjukkan perbezaan yang signifikan (0.000) di antara saiz isi rumah dengan tahap kekerapan membawa kanak-kanak bermain di taman permainan di kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah. Kategori saiz isi rumah iaitu 4 – 6 orang telah menunjukkan lebih kerap membawa kanak-kanak bermain di taman permainan di kawasan Pangsapuri Pelangi berbanding dengan kategori lain seperti di Jadual 5.14. Manakala di kawasan Flat Teluk Indah pula, kategori saiz isi rumah iaitu 1 – 3 orang lebih kerap membawa kanak-kanak bermain di taman permainan seperti di Jadual 5.15. Ini menunjukkan bahawa penghuni-penghuni menggalakkan kanak-kanak bermain dan memberi masa untuk mereka bermain supaya dapat menghilangkan kebosanan belajar dan meningkatkan kecergasan. Ini juga dapat mewujudkan peluang interaksi dan memupuk hubungan yang lebih erat dengan keluarga.

Jadual 5.14 : Saiz Isi Rumah Dengan Tahap Kekerapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Saiz Isi Rumah (Orang)	Tahap Kekerapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil	%	Bil.	%	Bil	%
1 - 3	45	43.0	41	39.0	19	18.0	105	100.0
4 - 6	11	6.0	149	85.0	15	9.0	175	100.0
7 - 9	10	14.0	53	76.0	7	10.0	70	100.0
≥ 10	2	20.0	7	70.0	1	10.0	10	100.0
Jumlah	68	19.0	250	69.0	42	12.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 73.366, df = 6, Asymp. Sig = 0.000

Jadual 5.15 : Saiz Isi Rumah Dengan Tahap Kekerapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan Di Kawasan Flat Teluk Indah

Saiz Isi Rumah (Orang)	Tahap Kekerapan Membawa Kanak-Kanak Bermain Di Taman Permainan						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil	%	Bil.	%	Bil	%
1 - 3	5	7.0	55	82.0	7	10.0	67	100.0
4 - 6	44	18.0	172	70.0	30	12.0	246	100.0
7 - 9	12	26.0	34	72.0	1	2.0	47	100.0
≥ 10	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Jumlah	61	17.0	261	73.0	38	11.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 64.474, df = 4, Asymp. Sig = 0.000

5.4.4.5 Perbandingan Umur Dengan Tahap Kekerapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti Di Kawasan Perumahan

Penemuan mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan (0.000) di antara umur dengan tahap kekerapan pengwujudan aktiviti vandalisme di pusat komuniti di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah. Ini menunjukkan responden berumur di antara 40 – 49 tahun adalah responden yang paling tinggi berpendapat bahawa aktiviti vandalisme kerap berlaku di kawasan Pangsapuri Pelangi manakala di kawasan Flat Teluk Indah adalah responden berumur di antara 21 – 29 tahun seperti di Jadual 5.16 dan 5.17.

Jadual 5.16 : Umur Dengan Tahap Kekerapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Umur (Tahun)	Tahap Kekerapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
< 21	16	52.0	9	29.0	6	19.0	31	100.0
21 - 29	17	27.0	34	54.0	12	19.0	63	100.0
30 - 39	26	28.0	58	62.0	10	11.0	94	100.0
40 - 49	16	16.0	75	77.0	6	6.0	97	100.0
50 - 59	5	8.0	48	76.0	10	16.0	63	100.0
≥ 60	4	33.0	7	58.0	1	8.0	12	100.0
Jumlah	84	23.0	231	64.0	45	13.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 39.191, df = 10, Asymp. Sig = 0.000


Jadual 5.17 : Umur Dengan Tahap Kekerapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti Di Kawasan Flat Teluk Indah

Umur (Tahun)	Tahap Kekerapan Pengwujudan Aktiviti Vandalisme Di Pusat Komuniti						Jumlah	
	Tidak Menjawab		Kerap		Tidak Kerap			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
< 21	2	100.0	0	0.0	0	0.0	2	100.0
21 - 29	2	5.0	38	95.0	0	0.0	40	100.0
30 - 39	7	7.0	70	65.0	30	28.0	107	100.0
40 - 49	36	20.0	140	76.0	8	4.0	184	100.0
50 - 59	14	52.0	13	48.0	0	0.0	27	100.0
≥ 60	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Jumlah	61	17.0	261	73.0	38	11	360	100.0


Pearson Chi-Square Value = 91.004, df = 8, Asymp. Sig = 0.000

5.4.5 Pengendalian / Pengoperasian Kemudahan Ameniti

Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan kemudahan ameniti di kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah iaitu dewan serbaguna / dewan orang ramai, surau / tokong / kuil, tadika / sekolah dan taman permainan kanak-kanak yang disediakan telah dikendali dan diselenggara dengan baik seperti di Rajah 5.30 dan Rajah 5.31.




Rajah 5.30 : Pengendalian Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah




Rajah 5.31 : Penyelenggaraan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah

Di samping itu, penemuan juga menunjukkan bahawa Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) adalah antara kemudahan ameniti yang disediakan tidak dikendali (63.0%) dan diselenggara dengan baik (56.0%) di kawasan Pangsapuri Pelangi seperti di Rajah 5.32 dan 5.33.




Rajah 5.32 : Pengendalian Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi




Rajah 5.33 : Penyelenggaraan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Manakala di kawasan Flat Teluk Indah pula, taman permainan kanak-kanak merupakan kemudahan ameniti yang disediakan tidak dikendali (49.0%) dan diselenggara (53.0%) dengan baik iaitu berbanding dengan kemudahan ameniti lain di kawasan tersebut seperti di Rajah 5.34 dan Rajah 5.35.



Rajah 5.34 : Pengendalian Kemudahan Ameniti Di Kawasan Flat Teluk Indah



Rajah 5.35 : Penyelenggaraan Kemudahan Ameniti Di Kawasan Flat Teluk Indah

5.4.6 Persepsi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan

Secara keseluruhan, kebanyakan penghuni di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah berpendapat bahawa kemudahan ameniti yang disediakan mempengaruhi interaksi sosial di kalangan penghuni-penghuni di kedua-dua kawasan tersebut seperti di Jadual 5.18 dan Jadual 5.19. Jadual tersebut menunjukkan bahawa penghuni di Flat Teluk Indah lebih bersetuju dengan adanya kemudahan ameniti boleh mempengaruhi interaksi sosial berbanding dengan penghuni di Pangsapuri Pelangi.

Di kawasan Pangsapuri Pelangi, seramai 296 orang responden (82.0%) berpendapat bahawa kemudahan ameniti yang disediakan dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni seperti klinik, sekolah dan taman permainan kanak-kanak sejajar dengan penemuan kajian oleh Zakiyah Jamaluddin (1995). Dengan adanya kemudahan tersebut, penghuni boleh mendapat rawatan dan perkhidmatan seperti klinik dan sekolah dengan senang dan kerap tanpa membuang masa. Penghuni juga boleh meluangkan masa dan melapangkan jiwa mereka di taman permainan kanak-kanak tanpa mengira kaum dan umur supaya mereka boleh mengurangkan tekanan daripada belajar dan kerja. Ini telah dibincang dalam tahap kekerapan penggunaan kemudahan ameniti yang disediakan dimana 53.0% penghuni lebih kerap mendapat rawatan daripada kemudahan kesihatan kerajaan, 78.0% penghuni mendaftar anak-anak

mereka belajar di sekolah kerajaan dan 69.0% penghuni membawa anak-anak mereka bermain di taman permainan kanak-kanak.

Sebanyak 81.0% responden (292 orang) juga berpendapat bahawa kemudahan ameniti yang disediakan telah memberi peluang kepada penghuni-penghuni berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain. Ini juga telah dibuktikan oleh Zakiyah Jamaluddin (1995). Antara kemudahan ameniti yang merupakan tempat yang paling sesuai adalah surau / tokong / kuil (77.0%) berbanding dengan kemudahan lain. Ini juga disebabkan penghuni di Pangsapuri Pelangi lebih kerap sembahyang atau melaksanakan aktiviti di tempat tersebut iaitu 78.0%. Daripada interaksi dan komunikasi di kalangan penghuni, penghuni akan lebih memahami agama, budaya dan tradisi bagi setiap bangsa. Secara langsung, ini dapat mewujudkan semangat patriotik yang merangkumi sikap persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain melalui program kemasyarakatan yang dilaksanakan. Di samping itu, sifat tolong-menolong antara jiran tetangga juga dapat diwujudkan sekiranya berlaku kecemasan atau kemalangan daripada orang yang tidak kenal.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa kemudahan ameniti seperti dewan serbaguna, sekolah dan taman permainan kanak-kanak sesuai (80.0%) untuk pelaksanaan program kemasyarakatan seperti taklimat kesihatan, ceramah agama, kelas tuisyen, jamuan dan sebagainya. Didapati bahawa seramai 66.0% penghuni kerap melibatkan diri dan keluarga dalam program kemasyarakatan yang dilaksanakan tanpa mengira bangsa.

Daripada pelaksanaan program tersebut dapat memupuk semangat perpaduan dan patriotik di kalangan penghuni setempat dan akhirnya keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan di kawasan tersebut dapat dipertingkatkan.

Di kawasan Flat Teluk Indah pula, seramai 344 orang responden (96.0%) berpendapat bahawa program kemasyarakatan yang diadakan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan penghuni di kawasan tersebut seperti sambutan hari perayaan, sukaneka, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan memasak dan sebagainya. Didapati bahawa seramai 64.0% penghuni kerap melibatkan diri dan keluarga dalam program kemasyarakatan yang dilaksanakan tanpa mengira bangsa. Program kemasyarakatan tersebut adalah sesuai (90.0%) dilaksanakan di kemudahan amenities yang disediakan di kawasan tersebut seperti program berbentuk sukan, rekreasi, agama, kesihatan, pelajaran dan sebagainya.

Melalui pelaksanaan program tersebut, semangat patriotik yang merangkumi sikap persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati dapat diwujudkan di kalangan penghuni. Akhirnya, sifat tolong-menolong antara jiran tetangga dapat diwujudkan. Di samping itu, sebanyak 85.0% responden (305 orang) berpendapat bahawa kemudahan amenities yang disediakan cukup dan sesuai ini juga dapat mengurangkan berlaku masalah sosial seperti melepak, pengambilan dadah, merompak, mencuri dan lain-lain. Ini adalah kerana penghuni-penghuni boleh meluang masa bersama keluarga dalam program kemasyarakatan tersebut.

Penemuan ini juga menunjukkan bahawa seramai 324 orang responden (90.0%) berpendapat bahawa kemudahan amenities yang mencukupi dapat meningkatkan kesejahteraan isi rumah dan keluarga seperti klinik, sekolah dan taman permainan kanak-kanak. Dengan adanya kemudahan tersebut, isi rumah dan keluarga dapat menyelesaikan masalah rumah dengan senang. Sebagai contoh, mereka senang mendapat rawatan daripada klinik yang berdekatan, menghantar anak-anak mereka di sekolah berdekatan tanpa membuang masa. Secara tidak langsung, suami isteri akan kurang berlaku pergaduhan mengenai hal-hal rumah. Di samping itu, penghuni boleh membawa anak-anak mereka bermain di taman permainan kanak-kanak yang disediakan di sekeliling supaya dapat meningkatkan hubungan yang baik antara anak dengan ibu bapa atau suami dengan isteri melalui kemudahan yang disediakan. Didapati bahawa tahap kekerapan penggunaan kemudahan amenities yang disediakan di kawasan tersebut adalah tinggi dimana 81.0% penghuni lebih kerap mendapat rawatan daripada kemudahan kesihatan kerajaan, 80.0% penghuni mendaftar anak-anak mereka belajar di sekolah kerajaan dan 68.0% penghuni membawa anak-anak mereka bermain di taman permainan kanak-kanak.

Seramai 349 orang responden (97.0%) juga berpendapat bahawa tempat interaksi penghuni yang paling sesuai adalah di surau / tokong / kuil, diikuti dengan tadika / sekolah (85.0%) dan dewan serbaguna / orang ramai (80.0%).

Jadual 5.18 : Persepsi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Pangsapuri Pelangi

Persepsi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan	Ya		Tidak	
	Bil.	%	Bil.	%
Kemudahan ameniti yang cukup dan sesuai dapat mengurangkan berlaku masalah sosial seperti melepak, pengambilan dadah, merompak, mencuri dan lain-lain	264	73.0	96	27.0
Kemudahan ameniti memberi peluang kepada penghuni-penghuni setempat berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain	292	81.0	68	19.0
Kemudahan ameniti berikut merupakan tempat interaksi penghuni setempat yang paling sesuai:				
(i) Dewan serbaguna / dewan orang ramai	256	71.0	104	29.0
(ii) Masjid / surau / tokong / kuil	278	77.0	82	23.0
(iii) Tadika / sekolah	244	68.0	116	32.0
(iv) Taman permainan kanak-kanak	240	67.0	120	33.0
(v) Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)	98	27.0	262	73.0
(vi) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	56	16.0	304	84.0
(vii) Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	49	14.0	311	86.0
Kemudahan ameniti dapat mewujudkan sifat tolong-menolong antara jiran tetangga	287	80.0	73	20.0
Kemudahan ameniti yang disediakan sesuai pelaksanaan program kemasyarakatan	369	80.0	91	20.0
Program kemasyarakatan yang diadakan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan penghuni setempat	280	78.0	80	22.0
Penyediaan kemudahan ameniti yang mencukupi dapat meningkatkan kesejahteraan isi rumah dan keluarga	255	71.0	105	29.0
Kemudahan ameniti yang disediakan dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni setempat	296	82.0	64	18.0
Kemudahan ameniti yang disediakan dapat mewujudkan semangat patriotik yang merangkumi sikap persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain melalui program kemasyarakatan yang dilaksanakan	273	76.0	87	24.0

Sumber : Kajian Lapangan (2014)

Jadual 5.19 : Persepsi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Flat Teluk Indah

Persepi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan	Ya		Tidak	
	Bil.	%	Bil.	%
Kemudahan ameniti yang cukup dan sesuai dapat mengurangkan berlaku masalah sosial seperti melepak, pengambilan dadah, merompak, mencuri dan lain-lain	305	85.0	55	15.0
Kemudahan ameniti memberi peluang kepada penghuni-penghuni setempat berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain	303	84.0	57	16.0
Kemudahan ameniti berikut merupakan tempat interaksi penghuni setempat yang paling sesuai:				
(i) Dewan serbaguna / dewan orang ramai	289	80.0	52	14.0
(ii) Masjid / surau / tokong / kuil	349	97.0	1	0.3
(iii) Tadika / sekolah	305	85.0	26	7.0
(iv) Tempat permainan kanak-kanak	180	50.0	145	40.0
(v) Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)	6	2.0	107	30.0
(vi) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	6	2.0	106	29.0
(vii) Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	5	1.0	105	29.0
Kemudahan ameniti dapat mewujudkan sifat tolong-menolong antara jiran tetangga	323	90.0	37	10.0
Kemudahan ameniti yang disediakan sesuai pelaksanaan program kemasyarakatan	323	90.0	37	10.0
Program kemasyarakatan yang diadakan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan penghuni setempat	344	96.0	16	4.0
Penyediaan kemudahan ameniti yang mencukupi dapat meningkatkan kesejahteraan isi rumah dan keluarga	324	90.0	36	10.0
Kemudahan ameniti yang disediakan dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni setempat	296	82.0	64	18.0
Kemudahan ameniti yang disediakan dapat mewujudkan semangat patriotik yang merangkumi sikap persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain melalui program kemasyarakatan yang dilaksanakan	297	83.0	63	18.0

Sumber : Kajian Lapangan (2014)

5.4.6.1 Perbandingan Bangsa Dengan Persepi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi

Di kawasan Pangsapuri Pelangi, kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan di antara bangsa dengan persepsi penghuni terhadap keberkesanan kemudahan ameniti yang disediakan di kawasan tersebut kecuali kemudahan ameniti yang mencukupi dapat meningkatkan kesejahteraan isi rumah dan keluarga telah didapati tiada signifikan di antaranya dengan bangsa. Perbincangan lanjut adalah seperti berikut:

Penemuan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kecukupan dan kesesuaian kemudahan ameniti yang dapat mengurangkan masalah sosial di kawasan Pangsapuri Pelangi. Ini menunjukkan bahawa bangsa Cina dan India berpendapat bahawa kemudahan ameniti yang cukup dan sesuai mampu untuk mengurangkan berlaku masalah sosial seperti melepak, pengambilan dadah, merompak, mencuri dan lain-lain berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.20. Didapati bahawa responden bangsa Melayu kurang bersetuju berbanding dengan bangsa lain kerana masih berlaku masalah sosial seperti melepak, mencuri, pergaduhan di kalangan pemuda bangsa Melayu di kawasan tersebut.

Jadual 5.20 : Bangsa Dengan Kecukupan & Kesesuaian Kemudahan Ameniti Dapat Mengurangkan Berlaku Masalah Sosial

Bangsa	Kecukupan & Kesesuaian Kemudahan Ameniti Dapat Mengurangkan Berlaku Masalah Sosial				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	57	52.0	52	48.0	109	100.0
Cina	102	82.0	22	18.0	124	100.0
India	103	84.0	19	16.0	122	100.0
Lain-Lain	2	40.0	3	60.0	5	100.0
Jumlah	264	73.0	96	27.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 40.242, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Terdapat perbezaan yang signifikan (0.021) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti dapat memberi peluang kepada penghuni berinteraksi dan berkomunikasi. Semua bangsa terutamanya bangsa Melayu dan India bersetuju bahawa kemudahan ameniti dapat memberi peluang kepada penghuni berinteraksi dan berkomunikasi di kalangan penghuni di kawasan tersebut berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.21.

Jadual 5.21 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Memberi Peluang Kepada Penghuni Berinteraksi & Berkomunikasi

Bangsa	Kemudahan Ameniti Dapat Memberi Peluang Kepada Penghuni Berinteraksi & Berkomunikasi				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	95	87.0	14	13.0	109	100.0
Cina	91	73.0	33	27.0	124	100.0
India	103	84.0	19	16.0	122	100.0
Lain-Lain	3	60.0	2	40.0	5	100.0
Jumlah	292	81.0	68	19.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 9.758, df = 3, Asymp. Sig = 0.021

Penelitian yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti dapat mewujudkan sifat tolong-menolong antara jiran. Bangsa India lebih bersetuju dengan kemudahan ameniti yang disediakan dapat mewujudkan sifat tolong-menolong antara jiran berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.22. Melalui temubual, didapati bahawa responden bangsa Melayu berpendapat bahawa sifat tolong-menolong antara jiran tetangga lebih menonjol di kampung berbanding dengan kawasan Pangsapuri Pelangi tanpa mengira kemudahan ameniti.

Jadual 5.22 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Mewujudkan Sifat Tolong-Menolong Antara Jiran Tetangga

Bangsa	Kemudahan Ameniti Dapat Mewujudkan Sifat Tolong-Menolong Antara Jiran Tetangga				Jumlah	
	Ya		Tidak			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	64	59.0	45	41.0	109	100.0
Cina	107	86.0	17	14.0	124	100.0
India	112	92.0	10	8.0	122	100.0
Lain-Lain	4	80.0	1	20.0	5	100.0
Jumlah	287	80.0	73	20.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 44.077, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Terdapat hubungan yang signifikan (0.001) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang disediakan sesuai pelaksanaan program kemasyarakatan. Ini menunjukkan bahawa semua bangsa berpendapat bahawa kemudahan ameniti yang disediakan sesuai untuk pelaksanaan program kemasyarakatan terutamanya bangsa India dan lain-lain iaitu Kadazan dan Siam seperti di Jadual 5.23.

Jadual 5.23 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Sesuai Pelaksanaan Program Kemasyarakatan

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Sesuai Pelaksanaan Program Kemasyarakatan				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	73	69.0	33	31.0	106	100.0
Cina	83	67.0	41	33.0	124	100.0
India	105	86.0	17	14.0	122	100.0
Lain-Lain	5	100.0	0	0.0	5	100.0
Jumlah	266	75.0	91	25.0	357	100.0

Pearson Chi-Square Value = 15.424, df = 3, Asymp. Sig = 0.001

Kajian ini juga terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara bangsa dengan program kemasyarakatan yang diadakan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan penghuni. Semua bangsa terutamanya bangsa Cina dan lain-lain iaitu Kadazan dan Siam bersetuju program kemasyarakatan yang dilaksanakan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan penghuni di kawasan Pangsapuri Pelangi berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.24. Didapati bangsa Melayu berpendapat bahawa program-program kemasyarakatan yang dilaksanakan kurang memupuk semangat perpaduan kerana segelintir kaum Melayu menimbulkan perasaan tidak selesa seperti penyediaan program Sambutan Tahun Baru Cina, Majlis Ramah Mesra dan sebagainya terutamanya dari segi penyediaan makanan halal.

Jadual 5.24 : Bangsa Dengan Program Kemasyarakatan Yang Diadakan Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Di Kalangan Penghuni

Bangsa	Program Kemasyarakatan Yang Diadakan Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Di Kalangan Penghuni				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	63	58.0	46	42.0	109	100.0
Cina	116	94.0	8	6.0	124	100.0
India	96	79.0	26	21.0	122	100.0
Lain-Lain	5	100.0	0	0.0	5	100.0
Jumlah	280	78.0	80	22.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 44.505, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Tidak ada perbezaan signifikan (0.915) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang mencukupi dapat meningkatkan kesejahteraan isi rumah dan keluarga. Ini menunjukkan bahawa semua bangsa bersetuju dengan penyediaan kemudahan ameniti yang mencukupi dapat mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh isi rumah dan keluarga seperti di Jadual 5.25.

Jadual 5.25 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Mencukupi Dapat Meningkatkan Kesejahteraan Isi Rumah & Keluarga

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Mencukupi Dapat Meningkatkan Kesejahteraan Isi Rumah & Keluarga				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	78	72.0	31	28.0	109	100.0
Cina	89	72.0	35	28.0	124	100.0
India	84	69.0	38	31.0	122	100.0
Lain-Lain	4	80.0	1	20.0	5	100.0
Jumlah	255	71.0	105	29.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 0.516, df = 3, Asymp. Sig = 0.915

Terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang disediakan dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni. Di antara bangsa Cina dan lain-lain iaitu Kadazan dan Siam lebih bersetuju dengan penyediaan kemudahan ameniti dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni di kawasan Pangsapuri Pelangi seperti di Jadual 5.26.

Jadual 5.26 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Memberi Keselesaan & Mengurangkan Tekanan Emosi Penghuni

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Memberi Keselesaan & Mengurangkan Tekanan Emosi Penghuni				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	81	74.0	28	26.0	109	100.0
Cina	116	94.0	8	6.0	124	100.0
India	94	77.0	28	23.0	122	100.0
Lain-Lain	5	100.0	0	0.0	5	100.0
Jumlah	296	82.0	64	18.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 18.863, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Penemuan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan (0.010) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang disediakan dapat mewujudkan semangat patriotik. Semua bangsa terutamanya bangsa Melayu bersetuju bahawa penyediaan kemudahan ameniti dapat mewujudkan semangat patriotik di kalangan penghuni melalui pelaksanaan program kemasyarakatan berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.27. Semangat patriotik seperti sikap persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati di antara penghuni dapat diwujudkan.

Jadual 5.27 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Mewujudkan Semangat Patriotik

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Mewujudkan Semangat Patriotik				Jumlah	
	Ya		Tidak			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	95	87.0	14	13.0	109	100.0
Cina	89	72.0	35	28.0	124	100.0
India	85	70.0	37	30.0	122	100.0
Lain-Lain	4	80.0	1	20.0	5	100.0
Jumlah	273	76.0	87	24.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 11.314, df = 3, Asymp. Sig = 0.010

5.4.6.2 Perbandingan Bangsa Dengan Persepi Penghuni Terhadap Keberkesanan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah

Di kawasan Flat Teluk Indah pula, kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan di antara bangsa dengan persepsi penghuni terhadap keberkesanan kemudahan ameniti yang disediakan di kawasan tersebut kecuali kemudahan ameniti dapat mewujudkan sifat tolong-menolong antara jiran tetangga dan kemudahan ameniti yang disediakan sesuai pelaksanaan program kemasyarakatan telah didapati tiada signifikan di antaranya dengan bangsa. Perbincangan lanjut adalah seperti berikut:

Penemuan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kecukupan dan kesesuaian kemudahan

ameniti yang dapat mengurangkan masalah sosial di kawasan Flat Teluk Indah. Ini menunjukkan bahawa bangsa Cina dan lain-lain iaitu Siam, Indonesia dan Myanmar berpendapat bahawa kemudahan ameniti yang cukup dan sesuai mampu untuk mengurangkan berlaku masalah sosial seperti melepak, pengambilan dadah, merompak, mencuri dan lain-lain berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.28.

Jadual 5.28 : Bangsa Dengan Kecukupan & Kesesuaian Kemudahan Ameniti Dapat Mengurangkan Berlaku Masalah Sosial

Bangsa	Dengan Kecukupan & Kesesuaian Kemudahan Ameniti Dapat Mengurangkan Berlaku Masalah Sosial				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	143	87.0	21	13.0	164	100.0
Cina	34	100.0	0	0.0	34	100.0
India	127	89.0	16	11.0	143	100.0
Lain-Lain	19	100.0	0	0.0	19	100.0
Jumlah	323	90.0	37	10.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 68.921, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti dapat memberi peluang kepada penghuni berinteraksi dan berkomunikasi. Semua bangsa terutamanya bangsa Melayu, Cina dan lain-lain iaitu Siam, Indonesia dan Myanmar bersetuju bahawa kemudahan ameniti dapat memberi peluang kepada penghuni berinteraksi dan berkomunikasi di kalangan penghuni di kawasan tersebut berbanding

dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.29. Didapati bahawa responden bangsa India adalah cenderung kurang setuju jika dibandingkan dengan bangsa lain kerana kebanyakan bangsa India merupakan pekerja kilang yang telah banyak menghabiskan masa di tempat kerja dan tidak banyak yang berpeluang menggunakan kemudahan amenities yang dimaksudkan.

Jadual 5.29 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Memberi Peluang Kepada Penghuni Berinteraksi & Berkomunikasi

Bangsa	Kemudahan Ameniti Dapat Memberi Peluang Kepada Penghuni Berinteraksi & Berkomunikasi				Jumlah	
	Ya		Tidak			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	161	98.0	3	2.0	164	100.0
Cina	34	100.0	0	0.0	34	100.0
India	89	62.0	54	38.0	143	100.0
Lain-Lain	19	100.0	0	0.0	19	100.0
Jumlah	303	84.0	57	16.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 85.706, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Penelitian yang dilakukan menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan (0.102) di antara bangsa dengan kemudahan amenities dapat mewujudkan sifat tolong-menolong antara jiran. Ini bermakna kemudahan amenities yang disediakan dapat mewujudkan sifat tolong-menolong antara jiran tanpa mengira bangsa seperti di Jadual 5.30.

Jadual 5.30 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Dapat Mewujudkan Sifat Tolong-Menolong Antara Jiran Tetangga

Bangsa	Kemudahan Ameniti Dapat Mewujudkan Sifat Tolong-Menolong Antara Jiran Tetangga				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	142	87.0	22	13.0	164	100.0
Cina	34	100.0	0	0.0	34	100.0
India	129	90.0	14	10.0	143	100.0
Lain-Lain	18	95.0	1	5.0	19	100.0
Jumlah	323	90.0	37	10.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 6.200, df = 3, Asymp. Sig = 0.102

Tidak ada hubungan yang signifikan (0.062) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang disediakan sesuai pelaksanaan program kemasyarakatan. Ini menunjukkan bahawa semua bangsa berpendapat bahawa kemudahan ameniti yang disediakan sesuai untuk pelaksanaan program kemasyarakatan seperti di Jadual 5.31.

Jadual 5.31 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Sesuai Pelaksanaan Program Kemasyarakatan

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Sesuai Pelaksanaan Program Kemasyarakatan				Jumlah	
	Ya		Tidak			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	143	87.0	21	13.0	164	100.0
Cina	34	100.0	0	0.0	34	100.0
India	127	89.0	16	11.0	143	100.0
Lain-Lain	19	100.0	0	0.0	19	100.0
Jumlah	323	90.0	37	10.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 7.336, df = 3, Asymp. Sig = 0.062

Kajian ini juga terdapat perbezaan yang signifikan (0.006) di antara bangsa dengan program kemasyarakatan yang diadakan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan penghuni. Semua bangsa terutamanya bangsa Melayu, Cina dan lain-lain iaitu Siam, Indonesia dan Myanmar bersetuju program kemasyarakatan yang dilaksanakan dapat memupuk di kalangan penghuni di kawasan Flat Teluk Indah berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.32.

Jadual 5.32 : Bangsa Dengan Program Kemasyarakatan Yang Diadakan Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Di Kalangan Penghuni

Bangsa	Program Kemasyarakatan Yang Diadakan Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Di Kalangan Penghuni				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	161	98.0	3	2.0	164	100.0
Cina	34	100.0	0	0.0	34	100.0
India	130	91.0	13	9.0	143	100.0
Lain-Lain	19	100.0	0	0.0	19	100.0
Jumlah	344	96.0	16	4.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 12.376, df = 3, Asymp. Sig = 0.006

Terdapat perbezaan signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang mencukupi dapat meningkatkan kesejahteraan isi rumah dan keluarga. Ini menunjukkan bahawa semua bangsa terutamanya bangsa Melayu dan India bersetuju dengan penyediaan kemudahan ameniti yang mencukupi dapat mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh isi rumah dan keluarga seperti di Jadual 5.33. Didapati bahawa responden bangsa Cina adalah kurang setuju dengan kenyataan ini. Berdasarkan pemerhatian, masyarakat Cina jarang melibatkan diri dalam program-program kemasyarakatan yang melibatkan keluarga.

Jadual 5.33 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Mencukupi Dapat Meningkatkan Kesejahteraan Isi Rumah & Keluarga

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Mencukupi Dapat Meningkatkan Kesejahteraan Isi Rumah & Keluarga				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	161	98.0	3	2.0	164	100.0
Cina	14	41.0	20	59.0	34	100.0
India	133	93.0	10	7.0	143	100.0
Lain-Lain	16	84.0	3	16.0	19	100.0
Jumlah	324	90.0	36	10.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 1.044, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang disediakan dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni. Semua bangsa terutama bangsa Melayu bersetuju dengan penyediaan kemudahan ameniti dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni di kawasan Flat Teluk Indah seperti di Jadual 5.34. Didapati bahawa responden bangsa Cina kurang bersetuju dengan kenyataan ini. Menurut temubual dengan responden, bangsa Cina sering melibatkan diri dalam kegiatan rekreasi seperti melancong, melawat saudara mara dan bersukan untuk tujuan mengurangkan tekanan emosi.

Jadual 5.34 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Memberi Keselesaan & Mengurangkan Tekanan Emosi Penghuni

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Memberi Keselesaan & Mengurangkan Tekanan Emosi Penghuni				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	160	98.0	4	2.0	164	100.0
Cina	14	41.0	20	59.0	34	100.0
India	107	75.0	36	25.0	143	100.0
Lain-Lain	15	79.0	4	21.0	19	100.0
Jumlah	296	82.0	64	18.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 71.077, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

Penemuan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan (0.000) di antara bangsa dengan kemudahan ameniti yang disediakan dapat mewujudkan semangat patriotik. Semua bangsa terutamanya bangsa Melayu dan lain-lain iaitu Siam, Indonesia dan Myanmar bersetuju bahawa penyediaan kemudahan ameniti dapat mewujudkan semangat patriotik di kalangan penghuni melalui pelaksanaan program kemasyarakatan berbanding dengan bangsa lain seperti di Jadual 5.35. Didapati bahawa responden bangsa Cina kurang bersetuju dengan kenyataan ini. Menurut temubual dengan responden bangsa Cina, pengwujudan kemudahan ameniti tiada kena-mengena dengan pengwujudan semangat patriotik. Mereka lebih yakin pelaksanaan program-program yang berkaitan akan mewujudkan semangat patriotik di kalangan peserta.


Jadual 5.35 : Bangsa Dengan Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Mewujudkan Semangat Patriotik

Bangsa	Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Dapat Mewujudkan Semangat Patriotik				Jumlah	
	Ya		Tidak		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%		
Melayu	159	97.0	5	3.0	164	100.0
Cina	14	41.0	20	59.0	34	100.0
India	107	75.0	36	25.0	143	100.0
Lain-Lain	17	89.0	2	11.0	19	100.0
Jumlah	297	83.0	63	18.0	360	100.0

Pearson Chi-Square Value = 70.411, df = 3, Asymp. Sig = 0.000

5.5 Analisis Keseluruhan


Secara keseluruhan, seramai 473 orang responden (66.0%) bersetuju dan berpuas hati dengan kemudahan ameniti yang disediakan di kedua-dua kawasan kajian ini dimana 254 orang (71.0%) adalah responden daripada Pangsapuri Pelangi dan 219 orang (61.0%) adalah responden daripada Flat Teluk Indah seperti di Rajah 5.36.




Rajah 5.36 : Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Dan Flat Teluk Indah

5.5.1 Perbandingan Umur Dengan Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan

Kajian menunjukkan bahawa responden yang berumur di antara 30 – 39 tahun adalah responden yang paling ramai iaitu 94 orang (26.0%) bersetuju dan berpuas hati terhadap kemudahan ameniti yang disediakan di kawasan Pangsapuri Pelangi berbanding dengan kategori umur lain. Manakala di Flat Teluk Indah, responden yang berumur di antara 40 – 49 tahun adalah responden yang paling ramai iaitu 125 orang (35.0%) bersetuju dan berpuas hati terhadap kemudahan yang disediakan di kawasan tersebut. Perincian tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan mengikut kategori umur di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.37 dan Rajah 5.38.




Rajah 5.37 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Mengikut Kategori Umur




Rajah 5.38 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah Mengikut Kategori Umur

5.5.2 Perbandingan Bangsa Dengan Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan

Penemuan mendapati bahawa responden yang berbangsa India merupakan responden yang paling ramai iaitu 98 orang (27.0%) bersetuju dan berpuas hati terhadap kemudahan ameniti yang disediakan di kawasan Pangsapuri Pelangi berbanding dengan kategori bangsa lain. Manakala di Flat Teluk Indah, responden yang berbangsa Melayu merupakan responden yang paling ramai iaitu 111 orang (31.0%) bersetuju dan berpuas hati terhadap kemudahan yang disediakan di kawasan tersebut. Perincian tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan mengikut bangsa di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.39 dan Rajah 5.40.




Rajah 5.39 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Mengikut Bangsa




Rajah 5.40 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah Mengikut Bangsa

5.5.3 Perbandingan Kategori Penghuni Dengan Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan

Seramai 178 orang responden (49.0%) adalah pemilik yang bersetuju dan berpuas hati terhadap kemudahan ameniti yang disediakan di kawasan Pangsapuri Pelangi berbanding dengan penyewa. Manakala di Flat Teluk Indah, responden yang paling ramai iaitu 142 orang (39.0%) bersetuju dan berpuas hati terhadap kemudahan yang disediakan di kawasan tersebut juga adalah terdiri daripada kategori pemilik. Perincian tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan mengikut kategori penghuni di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.41 dan Rajah 5.42.




Rajah 5.41 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Pangsapuri Pelangi Mengikut Kategori Penghuni




Rajah 5.42 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Di Kawasan Flat Teluk Indah Mengikut Kategori Penghuni

5.5.4 Perbandingan Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Dengan Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan

Hasil kajian mendapati bahawa responden yang menduduki di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah dalam tempoh masa bersamaan dan lebih daripada 5 tahun adalah responden yang paling ramai bersetuju dan berpuas hati terhadap kemudahan ameniti yang disediakan berbanding dengan kategori tempoh masa menetap lain iaitu 116 orang (32.0%) di Pangsapuri Pelangi dan 153 orang (43.0%) di Flat Teluk Indah. Perincian tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan mengikut tempoh masa menetap di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah adalah seperti di Rajah 5.43 dan Rajah 5.44.



Rajah 5.43 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Mengikut Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Pangsapuri Pelangi



Rajah 5.44 : Tahap Kepuasan Terhadap Kemudahan Ameniti Yang Disediakan Mengikut Tempoh Masa Menetap Di Kawasan Flat Teluk Indah

5.5.5 Cadangan Penambahbaikan Daripada Responden

Di Pangsapuri Pelangi, sebanyak 8.0% - 11.0% responden telah memberi cadangan penambahbaikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain pihak seperti polis dan bomba (11.0% iaitu 38 orang responden), Persatuan Penduduk (8.0% iaitu 30 orang responden) serta Rukun Tetangga (10.0% iaitu 36 orang responden). Manakala di Flat Teluk Indah pula, hanya sebanyak 3.0% - 4.0% responden sahaja telah memberi cadangan penambahbaikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (4.0% iaitu 16 orang responden), Persatuan Penduduk dan lain-lain pihak seperti polis (3.0% iaitu 9 orang responden) serta Rukun Tetangga (3.0% iaitu 10 orang responden).

5.5.5.1 Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Di Pangsapuri Pelangi, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah seperti berikut:

- i) Membuat kajian mengenai keperluan kemudahan ameniti bagi penghuni-penghuni setempat mengikut kategori bangsa, umur dan lain-lain.
- ii) Menambah kemudahan awam seperti lampu, pejalan kaki, tempat letak kenderaan dan CCTV untuk menjaga keselamatan penghuni-penghuni.
- iii) Menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan ameniti sedia ada seperti memperbesarkan pondok polis, menambahbaikkan alat-alat permainan dan senanam di taman permainan dan menambah lebih banyak kemudahan pusat pembelajaran seperti perpustakaan bergerak.
- iv) Mengatasi masalah yang berlaku di sekeliling kawasan tersebut dengan berkesan seperti mengurangkan aktiviti vandalisme, kehilangan motosikal, kerosakan lift, menjaga kebersihan sekeliling kawasan dan menangkap anjing-anjing liar.

Manakala Di Flat Teluk Indah, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah seperti berikut:

- i) Memperbanyakkan kemudahan ameniti seperti pondok polis dan menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.
- ii) Mengatasi masalah yang berlaku di sekeliling kawasan tersebut dengan berkesan seperti membanteras maksiat dengan mengadakan lawatan JAIS dan memeriksa semua kawasan dan setiap unit rumah serta menjaga kebersihan di sekeliling kawasan.

5.5.5.2 Tanggungjawab Persatuan Penduduk

Di Pangsapuri Pelangi, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah seperti berikut:

- i) Melaksanakan lebih banyak aktiviti yang dapat mengeratkan lagi hubungan antara penghuni seperti gotong-royong pada hujung minggu, ceramah agama, kempen membersihkan kawasan dan sukaneka.
- ii) Perlu bekerjasama dengan pihak polis untuk meronda kawasan tersebut dengan lebih kerap bagi membanteras jenayah dan menjaga keselamatan penghuni.
- iii) Membuat perjumpaan dan bermesyuarat dengan penghuni untuk memahami dan memantau masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni tanpa mengira bangsa.

- iv) Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk perlu bersifat ramah mesra, tidak ego dan tunjuk kuasa kepada penghuni. Ahli jawatankuasa perlu menjadi perantara penghuni dengan semua agensi / persatuan, ADUN dan lain-lain.

Manakala Di Flat Teluk Indah, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah seperti berikut:

- i) Melaksanakan lebih banyak aktiviti yang dapat mengeratkan lagi hubungan antara penghuni dan keharmonian seperti gotong-royong.
- ii) Mewujudkan hubungan yang baik, rapat dan bertolak ansur dengan penghuni tanpa mengira bangsa dan agama.

5.5.5.3 Tanggungjawab Rukun Tetangga (RT)

Di Pangsapuri Pelangi, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah seperti berikut:

- i) Lebih kerap lagi membuat rondaan di sekeliling kawasan tersebut.
- ii) Melaksanakan lebih banyak aktiviti kemasyarakatan berunsurkan perpaduan seperti sukaneka, hari keluarga, lawatan muhibah, kenduri rakyat, pertandingan sukan dan aktiviti kebajikan untuk menolong orang miskin dan orang kurang mampu.

- iii) Perlu bekerjasama dengan Persatuan Penduduk untuk melaksanakan lebih banyak aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan di kawasan tersebut.

Manakala Di Flat Teluk Indah, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah seperti berikut:

- i) Lebih kerap lagi membuat rondaan di sekeliling kawasan tersebut.
- ii) Melaksanakan lebih banyak aktiviti kemasyarakatan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan semangat perpaduan di kalangan penghuni.

5.5.5.4 Tanggungjawab Lain-lain Pihak (Contoh: Polis, Bomba dan lain-lain)

Di Pangsapuri Pelangi, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah seperti berikut:

- i) Polis perlu membuat rondaan kerap iaitu pada setiap hari terutamanya pada waktu malam di sekeliling kawasan tersebut dan menyiasat orang yang mencurigakan.
- ii) Polis dan Bomba perlu melaksanakan kempen kesedaran keselamatan dan membuat perjumpaan dengan penghuni sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk mengemaskini kadar jenayah yang berlaku sekiranya ada.

- iii) Polis perlu sentiasa memberi bantuan secepat mungkin apabila berlaku kecemasan dan kemalangan.

Manakala Di Flat Teluk Indah, penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah polis perlu lebih kerap membuat rondaan di sekeliling kawasan tersebut untuk memerangi jenayah berlaku.

5.6 Rumusan Bab

Secara kesimpulan, jenis kemudahan amenities yang disediakan di Pangsapuri Pelangi adalah Pusat Aktiviti Kanak-kanak, tadika swasta, surau, tokong, dewan orang ramai, klinik percuma kanak-kanak, pondok polis, taman permainan kanak-kanak, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Kolej Olympia. Manakala bagi Flat Teluk Indah pula, kemudahan amenities yang terdapat berhampiran adalah tadika kerajaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Kebangsaan, surau, kuil, taman permainan kanak-kanak, dewan orang ramai, klinik kesihatan, balai polis, bomba, hospital dan perpustakaan negeri.

Sebahagian besar penghuni di Pangsapuri Pelangi kerap menggunakan kemudahan amenities yang berhampiran iaitu sekolah kerajaan (78.0%), surau / tokong (78.0%), taman permainan kanak-kanak (69.0%), kemudahan kesihatan (53.0%) dan kemudahan keselamatan (50.0%). Bagi Flat Teluk Indah pula, penghuni juga kerap menggunakan kemudahan

ameniti yang disediakan iaitu kemudahan kesihatan (81.0%), taman permainan kanak-kanak (68.0%), surau / kuil (60.0%) dan kemudahan bomba dan keselamatan (56.0%). Daripada hasil kajian tersebut, didapati bahawa kemudahan ameniti yang sering digunakan merupakan satu keperluan kepada responden iaitu kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan pusat komuniti dan kemudahan keselamatan kerana kekerapan penggunaan kemudahan yang tersebut adalah tinggi berbanding dengan kemudahan yang lain.

Kemudahan ameniti di kawasan Pangsapuri Pelangi seperti surau / tokong, dewan orang ramai, tadika / sekolah dan taman permainan kanak-kanak telah dikendali dan diselenggara dengan baik manakala di kawasan Flat Teluk Indah pula, responden berpendapat bahawa surau / kuil, dewan orang ramai dan tadika / sekolah telah dikendali dan diselenggara dengan baik.

Kebanyakan responden (lebih daripada 70.0%) di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah bersetuju bahawa kemudahan ameniti yang cukup, sesuai dan berkualiti akan mempengaruhi interaksi sosial di kedua-dua kawasan tersebut. Kemudahan pusat komuniti iaitu surau / tokong / kuil merupakan tempat interaksi penghuni setempat yang paling sesuai di kedua-dua kawasan tersebut. Dengan adanya kemudahan ameniti disediakan, sebanyak 66.0% responden (238 orang) di kawasan Pangsapuri Pelangi dan 64.0% responden (230 orang) kerap melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan. Di samping itu,

sebanyak 63.0% responden (226 orang) di Pangsapuri Pelangi dan 55.0% responden (199 orang) di Flat Teluk Indah juga aktif dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di pusat komuniti yang disediakan. Melalui pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan, semangat perpaduan, hubungan silaturahim dan semangat patriotik yang merangkumi sikap persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati di kalangan penghuni dapat dipupuk.

Kajian ini cenderung untuk mencadangkan bahawa dalam merancang sesebuah kawasan masyarakat, kajian keperluan kemudahan ameniti oleh penghuni-penghuni di sesuatu kawasan perumahan perlu dilaksanakan supaya kemudahan ameniti yang disediakan adalah sesuai digunakan oleh semua lapisan masyarakat bagi mewujudkan masyarakat yang tersepadu dan harmoni. Penemuan dalam kajian ini sesuai untuk dilakukan kajian yang lebih mendalam dari segi kemudahan ameniti terhadap interaksi sosial para penghuni.

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapat gambaran mengenai persepsi penghuni ke atas kemudahan amenities yang disediakan di kawasan perumahan kos rendah. Kajian ini telah dilaksanakan di dua kawasan perumahan kos rendah iaitu di Pangsapuri Pelangi, Jalan Macallum, Pulau Pinang (dalam pulau) dan Flat Teluk Indah, Perai, Pulau Pinang (dalam *mainland*). Kajian ini dilaksanakan di kawasan perumahan kos rendah kerana kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap rumah kos rendah (Sulong Mohamad, 1984; Husna dan Nurizan, 1987; Mohd Razali Agus, 1993; Zakiah Jamaluddin, 1995) mendapati terlalu banyak rungutan dan aduan oleh penghuni antaranya adalah kemudahan amenities yang disediakan oleh pemaju.

Secara ringkasnya, seramai 473 orang responden (66.0%) bersetuju dan berpuas hati dengan kemudahan amenities yang disediakan di kedua-dua kawasan kajian ini dimana 254 orang adalah responden daripada Pangsapuri Pelangi dan 219 orang adalah responden daripada Flat Teluk Indah. Didapati bahawa jenis kemudahan amenities yang disediakan di kawasan Pangsapuri Pelangi adalah lebih banyak berbanding dengan di kawasan Flat Teluk Indah.

Kebanyakan responden yang bersetuju dan berpuas hati di kedua-dua kawasan tersebut adalah daripada kategori pemilik iaitu 178 orang responden (49.0%) di Pangsapuri Pelangi dan 142 orang responden (39.0%) di Flat Teluk Indah. Reponden yang menduduki di kedua-dua kawasan tersebut dalam tempoh masa bersamaan dan lebih daripada 5 tahun adalah responden yang paling ramai bersetuju dan berpuas hati iaitu 116 orang (32.0%) di Pangsapuri Pelangi dan 153 orang (43.0%) di Flat Teluk Indah.

Di Pangsapuri Pelangi, responden yang berumur di antara 30 – 39 tahun adalah responden yang paling ramai iaitu 94 orang (26.0%) bersetuju dan berpuas hati manakala di Flat Teluk Indah pula, adalah daripada responden yang berumur di antara 40 – 49 tahun iaitu 125 orang (35.0%). Responden berbangsa India di Pangaspuri Pelangi merupakan responden yang paling ramai iaitu 98 orang (27.0%) bersetuju dan berpuas hati manakala di Flat Teluk Indah adalah daripada responden yang berbangsa Melayu iaitu 111 orang (31.0%).

Sebanyak 81.0% responden (292 orang) di Pangsapuri Pelangi dan 84.0% responden (303 orang) di Flat Teluk Indah berpendapat bahawa dengan adanya kemudahan ameniti telah memberi peluang kepada penghuni-penghuni untuk berinteraksi dan berkomunikasi di antara mereka seperti yang diutarakan oleh Jasmine (2008). Kemudahan pusat komuniti iaitu surau / tokong / kuil merupakan tempat interaksi penghuni setempat yang paling sesuai di kedua-dua kawasan tersebut. Ini adalah kerana 78.0%

responden (279 orang) di Pangsapuri Pelangi dan 60.0% responden (217 orang) di Flat Teluk Indah kerap sembahyang atau melaksanakan aktiviti di surau / tokong / kuil yang disediakan.

Kebanyakan kemudahan amenities di kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah iaitu dewan serbaguna / dewan orang ramai, surau / tokong / kuil, tadika / sekolah dan taman permainan kanak-kanak yang disediakan telah dikendalikan dan diselenggara dengan baik

Kajian ini mendapati bahawa seramai 253 orang responden (70.0%) di Pangsapuri Pelangi dan 277 orang responden (77.0%) di Flat Teluk Indah berpuas hati dengan kesesuaian kemudahan amenities yang disediakan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, sebanyak 44.0% responden (158 orang) menyatakan bahawa kemudahan amenities yang disediakan adalah tidak mencukupi seperti kekurangan hospital, bomba, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), tadika kerajaan dan sekolah menengah di sekeliling kawasan Pangsapuri Pelangi. Manakala di Flat Teluk Indah adalah sebanyak 52.0% responden (188 orang) tidak puas hati dengan kuantiti dan jenis kemudahan amenities yang disediakan terutamanya kemudahan kebajikan seperti Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Ini adalah kerana seramai 255 orang responden (71.0%) di Pangsapuri Pelangi dan 324 orang responden (90.0%) berpendapat bahawa penyediaan kemudahan yang mencukupi dan sesuai dapat meningkatkan kesejahteraan isi rumah dan keluarga. Penemuan ini juga telah diutarakan oleh Fatimah Abdullah dan Noraizah Ali (2004).

Di samping itu, sebanyak 73.0% responden (264 orang) di Pangsapuri Pelangi dan 85.0% responden (305 orang) juga berpendapat bahawa kemudahan amenities yang cukup dan sesuai dapat mengurangkan berlaku masalah sosial seperti melepak, pengambilan dadah, merompak, mencuri dan lain-lain sebagaimana yang diutarakan oleh Zakiyah Jamaluddin (1995). Kekurangan kemudahan amenities seperti tadika dan sekolah telah menjejaskan pembangunan sosial masyarakat di kawasan Pangsapuri Pelangi (Majlis Bandaraya Shah Alam, 2004). Kekurangan tadika kerajaan di sekeliling kawasan Pangsapuri Pelangi telah meningkatkan perbelanjaan isi rumah terhadap pembayaran yuran yang mahal bagi tadika swasta iaitu RM300 untuk yuran pendaftaran setahun dan RM150 bulanan berbanding dengan RM10 bagi tadika kerajaan. Penemuan ini juga telah dibuktikan oleh analisis yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (2004).

Penemuan juga mendapati bahawa majoriti responden iaitu 48.0% responden (172 orang) di kawasan Pangsapuri Pelangi dan 60.0% responden (216 orang) di Flat Teluk Indah tidak puas hati dengan keadaan atau kualiti kemudahan amenities yang disediakan terutamanya taman permainan kanak-kanak. Ini adalah kerana majoriti responden iaitu 296 orang (82.0%) di kedua-dua kawasan berpendapat bahawa kemudahan amenities yang berkualiti dapat memberi keselesaan dan mengurangkan tekanan emosi penghuni setempat seperti yang diutarakan oleh Zakiyah Jamaluddin (1995).

Antara kemudahan ameniti yang paling kerap digunakan oleh responden di Pangsapuri Pelangi adalah sekolah kerajaan dan surau / tokong / kuil yang disediakan iaitu 78.0%, taman permainan kanak-kanak (69.0%) dan kemudahan kesihatan (53.0%). Manakala di Flat Teluk Indah pula, kemudahan ameniti iaitu kemudahan kesihatan, sekolah kerajaan dan taman permainan kanak-kanak merupakan responden yang paling kerap digunakan iaitu 81.0%, 80.0% dan 68.0% masing-masing. Walau bagaimanapun, aktiviti vandalisme di pusat komuniti telah berlaku di kedua-dua kawasan tersebut seperti berlaku perebutan kuasa di kalangan ahli-ahli jawatankuasa pertubuhan, pergaduhan secara kecilan, perbezaan dari segi pandangan politik dan sebagainya.

Analisis mendapati bahawa sebanyak 66.0% responden (238 orang) di kawasan Pangsapuri Pelangi dan 64.0% responden (230 orang) kerap melibatkan diri dan keluarga dalam aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan. Ini adalah kerana lebih daripada 76.0% responden di kedua-dua kawasan berpendapat bahawa melalui pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan dapat memupuk semangat perpaduan dan semangat patriotik yang merangkumi sikap persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Akhirnya hubungan kejiwaan yang baik dapat diwujudkan iaitu sifat tolong-menolong antara jiran tetangga dan keharmonian serta kesejahteraan penghuni dapat dijamin seperti yang diutarakan oleh Jasmine (2008) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2012). Di samping itu, sebanyak 63.0% responden (226 orang) di Pangsapuri Pelangi dan 55.0% responden (199 orang) di Flat

Teluk Indah juga aktif dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di pusat komuniti yang disediakan supaya dapat memupuk silaturahim dan semangat perpaduan di kalangan penghuni.

6.2 Implikasi dan Cadangan Penambahbaikan

Implikasi dapatan kajian ini terhadap penyediaan kemudahan ameniti amat bermakna dan penting untuk memastikan perancangan pengwujudan kemudahan ameniti di masa depan terutamanya bagi kawasan perumahan kos rendah yang sering kali diabaikan daripada penyediaan kemudahan berkenaan. Berikut dibincangkan implikasi tersebut dengan lebih terperinci:

i) Peningkatan kesedaran mengenai kepentingan kemudahan ameniti di sesuatu kawasan

Penemuan kajian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran semua pihak terutamanya pihak pentadbiran tempatan, pihak kerajaan, pemaju dan penghuni tentang betapa pentingnya kemudahan ameniti perlu disediakan bagi mewujudkan persekitaran tempat tinggal dan kehidupan penghuni yang lebih berkualiti, selesa, bahagia dan harmoni.

ii) Peningkatan perancangan keperluan kemudahan ameniti di sesuatu kawasan perumahan dengan lebih sistematik dan berkesan

Melalui penemuan kadar kekerapan penggunaan para penghuni terhadap jenis kemudahan ameniti yang disediakan, data ini turut boleh menyumbang kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran dan pihak lain yang berkaitan dari segi perancangan penyediaan kemudahan ameniti di sesuatu kawasan perumahan.

iii) Sebagai maklumat tambahan dalam proses kaji semula Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat

Penemuan kajian ini juga sesuai digunakan sebagai maklumat tambahan ataupun penambahbaikan bagi penyediaan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat nanti. Data-data yang diperolehi terutamanya mengenai profil responden, kekerapan penggunaan kemudahan ameniti, kepuasan dari segi kualiti kemudahan ameniti yang disediakan dan cadangan penambahbaikan para responden boleh digunakan sebagai rujukan dan panduan bagi penyediaan garis panduan tersebut di masa akan datang.

iv) Perancangan Pembangunan Agensi Kerajaan

Penemuan kajian ini boleh menyumbang kepada Agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebagainya dari segi perancangan pembangunan kemudahan ameniti seperti pembinaan sekolah-sekolah, klinik, hospital dan sebagainya.

v) Kajian Lanjutan

Kajian ini banyak mendapat penemuan terutamanya dari segi hubungan kemudahan ameniti yang berkait rapat dengan interaksi sosial, hubungan ataupun persepsi bangsa-bangsa tertentu terhadap kemudahan ameniti dari segi interaksi sosial dan sebagainya. Penemuan dalam kajian ini sesuai untuk dilakukan kajian yang lebih mendalam dari segi kemudahan ameniti terhadap interaksi sosial para penghuni.

Kemudahan ameniti yang cukup, sesuai dan berkualiti adalah sangat penting kerana ianya dapat mempengaruhi interaksi sosial di dalam kawasan perumahan seperti penemuan kajian di kawasan Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah. Untuk meningkatkan interaksi sosial di kalangan penghuni dengan menggunakan kemudahan ameniti yang disediakan, beberapa penambahbaikan telah dicadangkan seperti berikut:

- i) Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat kajian keperluan kemudahan ameniti bagi penghuni-penghuni setempat mengikut kategori bangsa, umur dan lain-lain.
- ii) Menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan ameniti sedia ada.
- iii) Menambah kemudahan awam seperti lampu, pejalan kaki, tempat letak kenderaan dan CCTV untuk menjaga keselamatan penghuni-penghuni.
- iv) Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga perlu melaksanakan lebih banyak aktiviti kemasyarakatan berunsurkan perpaduan yang dapat mengeratkan lagi hubungan antara penghuni seperti gotong-royong pada hujung minggu, ceramah agama, kempen membersihkan kawasan, sukaneka, hari keluarga, lawatan muhibah, kenduri rakyat dan pertandingan sukan serta aktiviti kebajikan untuk menolong orang miskin dan orang kurang mampu.
- v) Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga perlu bekerjasama dengan pihak polis untuk meronda kawasan tersebut dengan lebih kerap bagi membanteras jenayah dan menjaga keselamatan penghuni.
- vi) Polis dan Bomba perlu melaksanakan kempen kesedaran keselamatan dan kerap membuat perjumpaan dengan penghuni untuk perbincangan pemantapan pencegahan jenayah.
- vii) Semua pihak perlu bekerjasama mengatasi masalah yang berlaku di sekeliling kawasan tersebut dengan berkesan seperti mengurangkan aktiviti vandalisme, membanteras maksiat dengan mengadakan lawatan JAIS, kehilangan motosikal, kerosakan lift, menjaga kebersihan sekeliling kawasan dan menangkap anjing-anjing liar.

6.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, daripada penemuan kajian didapati bahawa kemudahan amenities yang cukup, sesuai dan berkualiti adalah sangat penting di sesuatu kawasan perumahan. Ini adalah kerana kebanyakan responden (lebih daripada 70.0%) di Pangsapuri Pelangi dan Flat Teluk Indah bersetuju bahawa kemudahan amenities yang cukup, sesuai dan berkualiti akan mempengaruhi interaksi sosial di kedua-dua kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, pengendalian dan penyelenggaraan ke atas kemudahan amenities sedia ada di kedua-dua kawasan tersebut adalah sangat penting supaya penghuni-penghuni dapat menggunakan kemudahan tersebut untuk melaksanakan segala aktiviti harian atau aktiviti kemasyarakatan. Kajian mengenai keperluan kemudahan amenities oleh penghuni-penghuni di sesuatu kawasan perumahan juga perlu dilaksanakan supaya kemudahan amenities yang disediakan adalah sesuai digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Polis, Bomba dan lain-lain adalah penting untuk menjamin keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan penghuni setempat melalui kemudahan amenities yang disediakan dan aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di sesuatu kawasan perumahan.

RUJUKAN

- Aaronson, D. (2000). A note on the benefits of homeownership. *Journal of Urban Economics*.
- Abbas Yusuf (1991). Persepsi pelajar terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling di Negeri Pontianak Indonesia, Tesis, Master Sains, Serdang, UPM.
- Abraham Maslow (1954). *Motivation and personality*.
- Adriaanse, C. C. M. (2007). Measuring residential satisfaction: a residential environmental satisfaction scale (RESS). *Journal of Housing Build Environment*.
- Ahmad Shukri Mohd Nain (2002). *Tingkah laku organisasi : Pengenalan tingkah laku individu*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Amerigo, M., & Aragonés, J. M. (1997). A theoretical and methodological approach to the study of residential satisfaction. *Journal of Environmental Psychology*.
- Amole, D. (2009). Residential satisfaction in student housing. *Journal of Environmental Psychology*.
- Barcus, H. R. (2004). Urban-rural migration in the USA: an analysis of residential satisfaction. *Regional Studies*, 38(6).
- Barnett, V. (1991). *Sample survey: Principles and methods*. London: Hodder.
- Baum, S., Arthurson, K., & Rickson, K. (2010). Happy people in mixed-up places: the association between the degree and type of local socioeconomic mix and expressions of neighborhood satisfaction. *Urban Studies*.

- Chapman, D.W., & Lombard, J. R. (2006). Determinants of neighborhood satisfaction on fee-based gated and non-gated communities. *Urban Affairs Review*.
- Cook, C. C. (1988). Components of neighborhood satisfaction: responses from urban and suburban single-parent women. *Environment and Behavior*, 20(2).
- Crowder, K. D., & South, S. J. (2003). Neighborhood distress and school dropout: the variable significance of community context. *Social Science Research*.
- Dusansky, R., & Koc, C. (2007). The capital gains effect in the demand for housing. *Journal of Urban Economics*.
- Elsinga, M., & Hoekstra, J. (2005). Homeownership and housing satisfaction. *Journal of Housing and the Built Environment*.
- Ebernerzer Howard (1948). *Garden cities of tomorrow*.
- Fatimah Abdullah dan Noraziah Ali (2004). Penunjuk kesejahteraan isi rumah dan keluarga. Dalam : A. Latiff, Pereira, J.J., A.Hezri Adnan and Aldrie, E.E. (eds) *Indicators of Sustainable Development. Assessing Changes in Environmental Conditions*, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM, Bangi.
- Habsah binti Hashim dan Yusfida Ayu binti Abdullah @ Mohd Zain (2005). Kemudahan masyarakat dan sistem sokongan keluarga di peringkat kejiranan. *Kajian kes : Bandaraya Shah Alam*.
- Hipp, J. (2010). What is the 'neighborhood' in neighborhood satisfaction? Comparing the effects of structural characteristics measured at the microneighborhood and trace levels. *Urban Studies*.
- Husna Sulaiman dan Nurizan Yahya (1987). Housing provision and statisfaction of low income households in Kuala Lumpur, *Habitat International*, 13 (4) : 63-69.

Hutchison, N. E. (1994). Housing as an investment? A comparison of returns from housing with other types of investment. *Journal of Property Finance*, 5(2).

Ibrahim Wahab (1991). *Housing strategies in Malaysia*.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (2010). *Manual garis panduan & piawaian perancangan negeri Selangor (Edisi Kedua)*.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2006). *Dasar perbandaran negara (DPN)*.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2010). *Rancangan fizikal negara Ke-2 (RFN Ke-2)*.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2013). *Garis panduan perancangan kemudahan masyarakat*.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2013). *Garis panduan perancangan perumahan*.

Jabatan Perangkaan Malaysia (1980). *Laporan banci populasi dan perumahan*.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2011). *Laporan tahunan isu keharmonian masyarakat tahunan, Bahagian Pengurusan Perpaduan*.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2012). *Laporan tahunan isu keharmonian masyarakat tahunan, Bahagian Pengurusan Perpaduan*.

Jabatan Perumahan Negara (1998). *Artikel garis panduan perancangan dan rekabentuk perumahan kos rendah (Bagi semua jenis rumah kecuali rumah pangsa)*.

Jabatan Perumahan Negara (2011). *Dasar perumahan negara (DRN)*.

Jalaludin Rakhmad (2004). Psikologi Komunikasi.

Nur Jasmine Lau Leby (2008) Residents' perception of liveable neighbourhood environment in Subang Jaya, Selangor, Malaysia (Master sains thesis). Universiti Putra Malaysia.

James A. Emanuel (1973). Issues of regional policies, organisation for economic cooperation and development, Paris.

Kaitilla, S. (1993). Satisfaction with public housing in Papua New Guinea. *Environment and Behavior*, 25(4).

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005).

Katiman Rostam dan Wan Maimunah Wan Ismail (1997). Pola interaksi sosial di kawasan perumahan terancang di Bandar Baru Bangi, *Akademik* 50 : 25-41. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kellekc, O. L., & Berkoz, L. (2006). Mass housing: user satisfaction in housing and its environment in Istanbul. *European Journal of Housing Policy*, 6(1).

Kementerian Kewangan (2011). Laporan ekonomi 2010/2011.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2002). Garis panduan pelaksanaan harga baru rumah kos rendah (Pindaan 2002).

Khana, E., Lovegreen, L., Khana, B., & Khana, M. (2003). Person, environment, and person-environment fit as influences on residential satisfaction of elders. *Environment and Behavior*.

Larry S. Bourne (1981). *The geography of housing*.

Lawrence, R.J. (1995). Housing quality : An agenda for research, *Urban studies*, 32 (11) : 1155-1664.

Lembaga Dalam Hasil Negara 2002. Penerangan mengenai perintah diti setem (pengecualian) (No.39) 2002 [P.U.(A) 425/2002] pembelian rumah kos rendah daripada pemaju atau selepas 1 Julai 2002.

Lien, H. M., Wu, W. C., & Lin, C. C. (2008). New evidence on the link between housing environment and children's educational attainments. *Journal of Urban Economics*.

Lu, M. (1999). Determinants of residential satisfaction: ordered logit vs regression models. *Growth and Change*.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) (2004). Garis panduan perancangan MBSA 2004, MBSA, Shah Alam, tidak diterbitkan.

Malaysia. (1971). Second Malaysia plan, 1971-1975. Kuala Lumpur: Government Printer.

Malaysia. (1976). Third Malaysia plan, 1976-1980. Kuala Lumpur: Government Printer.

Malaysia. (1981). Fourth Malaysia plan, 1981-1985. Kuala Lumpur: Government Printer.

Malaysia. (1986). Fifth Malaysia plan, 1986-1990. Kuala Lumpur: Government Printer.

Malaysia. (1991). Sixth Malaysia plan, 1991-1995. Kuala Lumpur: Government Printer.

Malaysia. (1996). Fifth Malaysia plan, 1996-2000. Kuala Lumpur: Government Printer.

Malaysia. (2001). Eight Malaysia plan, 2001-2005. Kuala Lumpur: Government Printer.

Malaysia. (2006). Ninth Malaysia plan, 2006-2010. Kuala Lumpur: Government Printer.

- Mellor Wati Othman (1992). *Permintaan dan penawaran perumahan Wilayah Persekutuan*. UTM.
- Merriam S. B. (2002). *Qualitative researching prattice, example of discussion and analysis*, San Francisco.
- Ministry of Housing and Local Government. (2011). *National housing policy*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Mohd Razali Agus (1993). *Keselesaian penghuni dan pilihan bakal pembeli perumahan kos rendah di Terengganu Darul Iman, laporan untuk Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu Darul Iman*, Kuala Lumpur : Universiti Malaysia.
- Morris, E.W., & Winter, M. (1975). *A theory of family housing adjustment*. *Journal of Marriage and the Family*, 37.
- Noor Sharifah Sultan Saidi dan Abu Salehak Musa (1998). *Masalah sosial semasa : Apakah peranan jururancang bandar*. Dalam *Jurnal Amalm Bina*, Mac 1998.
- Nurizan Yahya (1998). *Kualiti perumahan dan kualiti hidup*, *Analisis*, 5 (1&2) : 133-149.
- Nurizan Yahya dan Halimah Ahmad (1993). *Kepuasan dan defisit perumahan di rumah kos rendah Semenanjung Malaysia*, *Manusia dan Masyarakat* 7 : 3-20.
- Osward, F.,Wahl, H.-W., Mollenkopf, H., & Schilling, O. (2003). *Housing and life satisfaction of older adults in tow rural regions in Germany*. *Research on Aging*, 2.
- Ogu, V. I. (2002). *Urban residential satisfaction and the planning implications in a developing world context: the example of Benin City, Nigeria*. *International Planning Studies*.
- Parkes, A., Kearns, A., & Atkinson, R. (2002). *What makes people dissatisfied with their neighborhoods?* *Urban Studies*, 39(13).

- Robert K. Yin (2003). Case study method.
- Rohe, W. M., & Steward, L. S. (1996). Homeownership and neighborhood stability. *Housing Policy Debate*, 7(1).
- Salleh, A. G. (2008). Neighborhood factors in private low-cost housing in Malaysia. *Habitat International*, 32.
- Shamsul, A.B. (2011). Kesepaduan dan kepelbagaian : Perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress. Institut Kajian Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sheau Tsuey Chong (2006) It takes a village to raise a child: Building social capital in safe and cohesive neighbourhood. Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siswono Yudohusodo (1991). Rumah untuk seluruh rakyat, Universitas Michigan.
- Soekanto, Soerjono (2005). Sosiologi suatu pengantar. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Sosiologi, Tim (2003). Sosiologi suatu kajian kehidupan masyarakat kelas I SMA, Jakarta: Yudhistira.
- Sulong Mohamad (1984). Perumahan awam kos rendah di Terengganu : Isu, masalah dan penerimaan masyarakat, Monograf 10, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Susan Charles (1979). *Housing economic*, Macmillan, London.
- Sunaryo (2004). Psikologi untuk keperawatan, Jakarta.
- Tan, T. H. (2008). Determinants of homeownership in Malaysia. *Habitat International*, 32.

- Tan, T. H. (2010). The effects of housing characteristics on neighborhood stability of homeownership. *International Journal of Business and Emerging Market*, 2(3).
- Tan, T. H. (2011). Neighborhood preferences of house buyers: the case of Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Housing Markets and Analysis*, 4(1).
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2010). Rancangan Malaysia kesepuluh 2011-2015 (RMKe-10).
- Vera-Toscano, E., & Ateca-Amestoy, V. (2008). The relevance of social interactions on housing satisfaction. *Social Indicators Research*, 86.
- Wan Halim Othman (1986). Perancangan dan pelaksanaan kegiatan kejranaan. *Negara* 9 (1) : 1-13.
- Yahaya Hj. Ahmad (1982). Persepsi pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Latihan imiah, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainuddin Abdul Rahman (2000). Kemiskinan bandar dan permasalahan setinggan. Kertas kerja seminar pengawalan dan penempatan semula setinggan seluruh Malaysia. Kuala Lumpur. Anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Universiti Sains Malaysia.
- Zakiah Jamaluddin (1995). Kepuasan terhadap perumahan dan sistem perumahan berkonsepkan Islam (Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia).
- Zakiah Jamaluddin (1995). Penempatan semula setinggan melalui projek penswastaaan : Kajian kes di Desa Pandan, Kuala Lumpur, Tesis MA, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.